

PROSES PEMBENTUKAN KATA ADJEKTIF MAJMUK
WARNA DALAM MAJALAH BIDANG DEKORASI

NAZZATUL NADZIRAH BT MOHD TARMIZI

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2017

**PROSES PEMBENTUKAN KATA ADJEKTIF MAJMUK
WARNA DALAM MAJALAH BIDANG DEKORASI**

NAZZATUL NADZIRAH BT MOHD TARMIZI

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA PENGAJIAN MELAYU**

**JABATAN BAHASA MELAYU
AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2017**

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: NAZZATUL NADZIRAH BT MOHD TARMIZI
[REDACTED]

No. Pendaftaran/ 120026

Nama Ijazah: Ijazah Sarjana Pengajian Melayu Secara Kursus dan
Disertasi Tajuk Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**PROSES PEMBENTUKAN KATA ADJEKTIF MAJMUK WARNA DALAM
MAJALAH BIDANG DEKORASI**

Bidang Penyelidikan: MORFOLOGI

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabinya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama :

Jawatan :

ABSTRAK

Kajian mengenai kata adjektif, terutamanya kata adjektif majmuk warna, agak kurang. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat, dengan lebih mendalam lagi, proses pembentukan kata adjektif, terutamanya kata adjektif majmuk warna. Kajian ini dilakukan ke atas bahan yang diambil daripada majalah *Impiana*, sebuah majalah dekorasi. Pengupasan mengenai proses pembentukan kata adjektif ini dilakukan mengikut pendekatan teori Transformasi-Generatif, iaitu melalui teknik rajah pohon. Dalam menghuraikan proses pembentukan kata, pendekatan struktural turut digunakan, iaitu bagi melihat binaan perkataan dari segi hubungan sintagmatik dan paradigmatis. Hasil kajian mendapati bahawa bagi bentuk kata adjektif, hanya kata adjektif ganda yang tidak ditemui dalam bahan kajian selain bentuk kata adjektif tunggal, kata adjektif terbitan, dan kata adjektif majmuk. Sebanyak sembilan jenis kata adjektif yang ditemui, yang selaras dengan piawaian penjenisan yang dibuat oleh *Tatabahasa Dewan*. Bagi kata adjektif majmuk warna pula, hanya dua bentuk yang ditemui, iaitu kata adjektif majmuk warna dengan binaan dua perkataan dan kata adjektif majmuk warna dengan binaan tiga perkataan. Dari segi jenisnya pula, terdapat lima jenis kata adjektif majmuk warna yang boleh dikategorikan berdasarkan fungsi unsur yang menerangkan. Hasil dapatan yang terhad terhadap bentuk kata adjektif, terutamanya kata adjektif majmuk warna, menjadi asas bagi cadangan agar kajian yang lebih mendalam dilahirkan terhadap bentuk kata ini pada masa hadapan.

ABSTRACT

The study of adjectives, especially compound adjectives of colour, is somewhat lacking. Therefore this study was conducted to see, in greater detail, the word for creation process of adjectives, especially compound adjectives of colour, with materials taken from the magazine *Impiana*, a magazine an interior decoration. Analysis on the word for creation process of adjectives was done by applying the transformation-generative theory, namely through the tree structure technique. In describing the processes of word formation, the structural approach was used, i.e. looking at the construction of the words in terms of syntagmatic and paradigmatic relations. The results showed that from the structure point of view only duplicated forms were not found in the material studied; those found were single, derived and compound adjectives. A total of nine types of adjectives were found, which is similar to the classification made by Tatabahasa Dewan. With regard to compound adjectives of colours, only two forms were found, namely compound adjective of colour with two structure words and compound adjective of colour with three structure words. In terms of type, there are five categories of compound adjectives of colour, based on the function of elements accompanying the noun. The limited findings on the forms of adjectives, especially compound adjectives of colour, is a basis for proposals on future studies on the adjective construction.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur kepada Allah S.W.T yang telah memberi nikmat dan kurnia-Nya kepada jari-jemari ini untuk menaip kata demi kata dengan lancar sehingga terhasilnya sebuah penulisan ilmiah ini. Tutur bicara ini tidak lupa juga didedikasikan buat kekasih yang dirindui, Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah, dengan izin-Nya saya dapat menyempurnakan kajian disertasi ini bagi memenuhi syarat Sarjana Pengajian Melayu.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim selaku penyelia yang telah banyak memberi tunjuk ajar, sokongan, nasihat dan teguran yang menyuntik semangat. Untaian kata penghargaan dan terima kasih ini didedikasikan kepada beliau kerana dengan adanya bimbingan, pandangan dan dorongannya, saya dapat menghasilkan penulisan ini dengan sempurna dan jayanya. Budi baik dan jasa beliau akan sentiasa dikenang dan moga beliau sentiasa berada di bawah lindungan Ilahi. Segala bekalan ilmu yang diberi akan saya jadikan sebagai panduan untuk masa hadapan.

Butir bicara penghargaan dan ribuan terima kasih ini juga turut didedikasi kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Terutama sekali, khas buat ayahnya yang disayangi, Mohd Tarmizi bin Che Alwi dan bonda tercinta, Norina binti Desa yang tidak putus-putus mendoakan kejayaan anaknya dari jauh malah sentiasa memberi semangat dan galakkan kepada saya agar tidak mudah berputus asa. Di samping itu, sekalung ucapan terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada adinda-adinda yang dikasih kerana sentiasa memberi semangat dan kekuatan untuk saya meneruskan perjuangan ini. Kejayaan ini adalah berkat doa daripada seluruh ahli keluarga.

Butir bicara ini juga turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pensyarah di Akademik Pengajian Melayu terutama sekali pensyarah

daripada Jabatan Bahasa yang telah banyak membantu dan mencerahkan segala ilmu sepanjang saya menuntut di Akademi Pengajian Melayu. Ucapan ini didedikasikan tulus ikhlas buat insan-insan yang telah banyak berbakti kepada saya, antaranya Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan, Profesor Madya Dr. Puteri Roslina Abd Wahid, Profesor Madya Dr. Ab. Razak Ab. Karim, dan Dr. Rohaidah Haron.

Tidak lupa juga penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang dikasihi yang telah banyak membantu dan memberi kata-kata semangat dikala susah mahupun senang. Budi baik dan jasa kalian sentiasa dalam ingtan dan akan dikenang selamanya. Ribuan terima kasih saya utuskan buat kalian semua dan moga kejayaan sentiasa menjadi milik kita bersama. Dengan kasih sayang Allah, tiada yang Mustahil.

Anak-anak jangan disisih,
Kalian semua terima kasih.

Ronda-ronda Putrajaya,
Alhamdulilah, berjaya.

Nazzatul Nadzirah binti Mohd Tarmizi

JADUAL KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v-vi
SENARAI GAMBAR RAJAH	xiii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Sorotan Kajian	2
1.3 Latar Belakang Kajian	10
1.3.1 Kata Adjektif	11
1.3.2 Kata Adjektif Majmuk	12
1.4 Pernyataan Masalah	12
1.5 Objektif Kajian	13
1.6 Bidang Kajian	13
1.7 Bahan Kajian	15
1.8 Batasan Kajian	16
1.9 Kepentingan Kajian	17
1.10 Rumusan	18

BAB 2 : METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORI

2.1	Pendahuluan	19
2.2	Reka Bentuk Kajian	19
2.3	Kaedah Kajian	20
2.3.1	Kaedah Kajian Kepustakaan	20
2.3.2	Kaedah Kajian Teks	21
2.3.3	Kaedah Eksperimental	22
2.4	Kerangka Teori	27
2.5	Rumusan	31

BAB 3 : BENTUK DAN JENIS KATA ADJEKTIF DALAM MAJALAH *IMPIANA*

3.1	Pendahuluan	32
3.2	Bentuk Kata Adjektif	33
3.2.1	Kata Adjektif Tunggal	33
3.2.1.1	Kata Adjektif Tunggal Jati	33
3.2.1.2	Kata Adjektif Tunggal Pinjaman	34
3.2.1.3	Unsur yang Diterangkan oleh Kata Adjektif Tunggal	35
(i)	Frasa Nama Tentang Aksesori Kediaman	36
(ii)	Frasa Nama Tentang Perabot	41
(iii)	Frasa Nama Tentang Unsur Alam	44
(iv)	Frasa Nama Tentang Konsep dan Ruang Kediaman	45
(v)	Frasa Nama Tentang Warna	48
(vi)	Frasa Nama Tentang Pemikiran, Gaya, dan Sikap	49
(vii)	Frasa Nama Tentang Perkakas Dapur	52
(viii)	Frasa Nama Tentang Individu dan Keluarga	54

(ix)	Frasa Nama Tentang Makanan dan Minuman	55
(x)	Frasa Nama Tentang Masa	57
3.2.2	Kata Adjektif Terbitan	59
3.2.2.1	Kata Adjektif Berawalan	60
(i)	Kata Adjektif Berawalan ter-	60
(ii)	Kata Adjektif Berawalan se-	61
3.2.2.2	Kata Adjektif Berakhiran, Berapitan, dan Bersisipan	62
3.2.2.3	Unsur yang Diterangkan oleh Kata Adjektif Terbitan	62
(i)	Frasa Nama Tentang Individu dan Keluarga	63
(ii)	Frasa Nama Tentang Konsep dan Ruang Kediaman	64
(iii)	Frasa Nama Tentang Pemikiran, Gaya, dan Sikap	65
(iv)	Frasa Nama Tentang Masa	66
(v)	Frasa Nama Tentang Aksesori Kediaman	66
(vi)	Frasa Nama Tentang Perabot	67
(vii)	Frasa Nama Tentang Perkakas Dapur	67
(viii)	Frasa Nama Tentang Warna	67
3.2.3	Kata Adjektif Ganda	68
3.2.4	Kata Adjektif Majmuk	69
3.2.4.1	Unsur yang Diterangkan oleh Kata Adjektif Majmuk	70
(i)	Frasa Nama Tentang Warna	70
(ii)	Frasa Nama Tentang Unsur Alam	71
(iii)	Frasa Nama Tentang Perabot	72
(iv)	Frasa Nama Tentang Aksesori Kediaman	73
(a)	Frasa Nama Tentang Aksesori Hiasan Dalaman Kediaman	74
(v)	Frasa Nama Tentang Konsep dan Ruang Kediaman	75

3.3 Jenis Kata Adjektif	76
3.3.1 Jenis Kata Adjektif Tunggal	76
3.3.1.1 Jenis Kata Adjektif Tunggal Jati	76
(i) Kata Adjektif Tunggal Sifatan atau Keadaan	76
(ii) Kata Adjektif Tunggal Warna	77
(iii) Kata Adjektif Tunggal Ukuran	78
(iv) Kata Adjektif Tunggal Bentuk	79
(v) Kata Adjektif Tunggal Waktu	80
(vi) Kata Adjektif Tunggal Jarak	81
(vii) Kata Adjektif Tunggal Cara	82
(viii) Kata Adjektif Tunggal Perasaan	83
(xi) Kata Adjektif Tunggal Pancaindera	84
3.3.1.2 Jenis Kata Adjektif Tunggal Pinjaman	89
(i) Kata Adjektif Tunggl Pinjaman Sifatan atau Keadaan	90
(ii) Kata Adjektif Tunggal Pinjaman Warna	91
(iii) Kata Adjektif Tunggal Pinjaman Ukuran	92
(iv) Kata Adjektif Tunggal Pinjaman Waktu	92
(v) Kata Adjektif Tunggal Pinjaman Cara	93
(vi) Kata Adjektif Tunggal Pinjaman Perasaan	94
(vii) Kata Adjektif Tunggal Pinjaman Pancaindera	95
3.3.2 Jenis Kata Adjektif Terbitan	96
(i) Kata Adjektif Terbitan Sifatan atau Keadaan	96
(ii) Kata Adjektif Terbitan Ukuran	97
(iii) Kata Adjektif Terbitan Waktu	98
(iv) Kata Adjektif Terbitan Jarak	98
(v) Kata Adjektif Terbitan Cara	99
(vi) Kata Adjektif Terbitan Perasaan	100

(vii) Kata Adjektif Terbitan Pancaindera	100
3.3.3 Jenis Kata Adjektif Ganda	101
3.3.4 Jenis Kata Adjektif Majmuk	101
(i) Kata Adjektif Majmuk Sifatan atau Keadaan	101
(ii) Kata Adjektif Majmuk Warna	102
3.4 Rumusan	103

**BAB 4 : KATA ADJEKTIF MAJMUK WARNA DALAM MAJALAH
*IMPIANA DAN PANGKALAN DATA KORPUS***

4.1 Pendahuluan	105
4.2 Kata Adjektif Majmuk Warna	106
4.3 Konsep Warna	108
4.4 Binaan Kata Adjektif Majmuk Warna	109
4.4.1 Kata Adjektif Majmuk Warna dengan Binaan Dua Perkataan	110
(i) Kata Adjektif Majmuk Warna dengan Kata Adjektif	110
(a) Rajah Pohon Bagi Binaan Kata Adjektif Majmuk Warna dengan Penerang Kata Adjektif	112
(ii) Kata Adjektif Majmuk Warna dengan Kata Nama	113
(b) Rajah Pohon Bagi Binaan Kata Adjektif Majmuk Warna dengan Kata Nama	113
4.4.2 Kata Adjektif Majmuk Warna dengan Binaan Tiga Perkataan	115
4.5 Golongan Kata Sebagai Unsur yang Menerangkan	119
4.5.1 Kata Nama Sebagai Unsur yang Menerangkan	119
4.5.2 Kata Adjektif Sebagai Unsur yang Menerangkan	121
4.6 Jenis Unsur yang Menerangkan	124

4.6.1	Jenis Sifatan atau Keadaan	125
4.6.2	Jenis Bahan Makanan	125
4.6.3	Jenis Warna	126
4.6.4	Jenis Unsur Alam	128
4.6.5	Jenis Umum	129
4.7	Rumusan	131

BAB 5 : PENUTUP

5.1	Pendahuluan	134
5.2	Rumusan Kajian	134
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	137
	Penutup	137

BIBLIOGRAFI

138

SENARAI GAMBAR RAJAH

- Rajah 3.1 Bentuk-bentuk Kata Adjektif
- Rajah 4.1 Jenis Kata Adjektif Majmuk
- Rajah 4.2 Rajah Pohon Bagi Binaan Kata Adjektif Majmuk Warna dengan Penerang Kata Adjektif (3)
- Rajah 4.3 Rajah Pohon Bagi Binaan Kata Adjektif Majmuk Warna dengan Penerang Kata Adjektif (4)
- Rajah 4.4 Rajah Pohon Bagi Binaan Kata Adjektif Majmuk Warna dengan Kata Nama (5)
- Rajah 4.5 Rajah Pohon Bagi Binaan Kata Adjektif Majmuk Warna dengan Kata Nama (6)
- Rajah 4.6 Rajah Pohon Bagi Binaan Kata Adjektif Majmuk Warna dengan Tiga Perkataan dari Kelompok A
- Rajah 4.7 Rajah Pohon Bagi Binaan Kata Adjektif Majmuk Warna dengan Tiga Perkataan dari Kelompok B
- Rajah 4.8 Rajah Pohon Bagi Binaan Kata Adjektif Majmuk Warna dengan Tiga Perkataan dari Kelompok C
- Rajah 4.9 Jenis-Jenis Unsur Penerang yang Hadir dalam Binaan Kata Adjektif Majmuk Warna

SENARAI JADUAL

- Jadual 3.1 Frasa Nama Tentang Aksesori Kediaman
- Jadual 3.2 Frasa Nama Tentang Aksesori Hiasan Dalaman Kediaman
(KA Tunggal Jati)
- Jadual 3.3 Frasa Nama Tentang Aksesori Hiasan Dalaman Kediaman
(KA Tunggal Pinjaman)
- Jadual 3.4 Frasa Nama Tentang Perabot (KA Tunggal Jati)
- Jadual 3.5 Frasa Nama Tentang Perabot (KA Tunggal Pinjaman)
- Jadual 3.6 Frasa Nama Tentang Unsur Alam (KA Tunggal Jati)
- Jadual 3.7 Frasa Nama Tentang Unsur Alam (KA Tunggal Pinjaman)
- Jadual 3.8 Frasa Nama Tentang Konsep dan Ruang Kediaman (KA Tunggal Jati)
- Jadual 3.9 Frasa Nama Tentang Konsep dan Ruang Kediaman
(KA Tunggal Pinjaman)
- Jadual 3.10 Frasa Nama Tentang Warna (KA Tunggal Jati)
- Jadual 3.11 Frasa Nama Tentang Permikiran, Gaya dan Sikap (KA Tunggal Jati)
- Jadual 3.12 Frasa Nama Tentang Pemikiran, Gaya dan Sikap (KA Tunggal Pinjaman)
- Jadual 3.13 Frasa Nama Tentang Perkakas Dapur (KA Tunggal Jati)
- Jadual 3.14 Frasa Nama Tentang Individu dan Keluarga (KA Tunggal Jati)
- Jadual 3.15 Frasa Nama Tentang Makanan dan Minuman (KA Tunggal Jati)
- Jadual 3.16 Frasa Nama Tentang Masa (KA Tunggal Jati)
- Jadual 3.17 Frasa Nama Tentang Individu dan Keluarga
- Jadual 3.18 Frasa Nama Tentang Konsep dan Ruang Kediaman
- Jadual 3.19 Frasa Nama Tentang Pemikiran, Gaya dan Sikap

- Jadual 3.20 Frasa Nama Tentang Masa
- Jadual 3.21 Frasa Nama Tentang Warna
- Jadual 3.22 Frasa Nama Tentang Unsur Alam
- Jadual 3.23 Frasa Nama Tentang Perabot
- Jadual 3.24 Frasa Nama Tentang Aksesori Hiasan Dalaman Kediaman
(KA Tunggal Jati)
- Jadual 3.25 Frasa Nama Tentang Aksesori Hiasan Dalaman Kediaman
(KA Tunggal Pinjaman)
- Jadual 3.26 Frasa Nama Tentang Perabot (KA Tunggal Jati)
- Jadual 3.27 Frasa Nama Tentang Perabot (KA Tunggal Pinjaman)
- Jadual 3.28 Frasa Nama Tentang Unsur Alam (KA Tunggal Jati)
- Jadual 3.29 Frasa Nama Tentang Unsur Alam (KA Tunggal Pinjaman)
- Jadual 3.30 Frasa Nama Tentang Konsep dan Ruang Kediaman
(KA Tunggal Jati)
- Jadual 3.31 Frasa Nama Tentang Konsep dan Ruang Kediaman
(KA Tunggal Pinjaman)
- Jadual 3.32 Frasa Nama Tentang Warna.
- Jadual 3.33 Frasa Nama Tentang Pemikiran, Gaya, Sikap
(KA Tunggal Pinjaman)
- Jadual 3.34 Frasa Nama Tentang Perkakas Dapur (KA Tunggal Jati)
- Jadual 3.35 Frasa Nama Tentang Individu dan Keluarga (KA Tunggal Jati)
- Jadual 3.36 Frasa Nama Tentang Makanan dan Minuman (KA Tunggal Jati)
- Jadual 3.37 Frasa Nama Tentang Masa (KA Tunggal Jati)

- Jadual 3.38 Frasa Nama Tentang Individu dan Keluarga
- Jadual 3.39 Frasa Nama Tentang Konsep dan Ruang Kediaman
- Jadual 4.40 Frasa Nama Tentang Pemikiran, Gaya dan Sikap
- Jadual 4.41 Frasa Nama Tentang Masa
- Jadual 4.42 Frasa Nama Tentang Warna
- Jadual 4.43 Frasa Nama Tentang Unsur Alam
- Jadual 4.44 Frasa Nama Tentang Perabot

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

A	Ayat
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
FA	Frasa Adjektif
FN	Frasa Nama
FS	Frasa Sendi
KA	Kata Adjektif
KGN	Kata Ganti Nama
KP	Kata Penguat
KS	Kata Sendi Nama
P	Predikat
S	Subjek

SENARAI LAMPIRAN

Bahagian A – Senarai Perkataan

- | | |
|------------|--|
| Lampiran 1 | Kata Adjektif Tunggal (Jati) |
| Lampiran 2 | Kata Adjektif Tunggal (Pinjaman) |
| Lampiran 3 | Kata Adjekif Terbitan |
| Lampiran 4 | Kata Adjektif Majmuk (Majalah <i>Impiana</i>) |

Bahagian B – Hasil Dapatan melalui Pangkalan Data Korpus

- | | |
|-------------|-------------------------------|
| Lampiran 5 | Carian Kata Bagi Warna Biru |
| Lampiran 6 | Carian Kata Bagi Warna Coklat |
| Lampiran 7 | Carian Kata Bagi Warna Hijau |
| Lampiran 8 | Carian Kata Bagi Warna Kuning |
| Lampiran 9 | Carian Kata Bagi Warna Merah |
| Lampiran 10 | Carian Kata Bagi Warna Putih |
| Lampiran 11 | Carian Kata Bagi Warna Ungu |

Bahagian C – Sampel Bahan Kajian

- | |
|-------------|
| Lampiran 12 |
| Lampiran 13 |

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji perkataan dari segi struktur, bentuk, dan pengolongan kata (Nik Safiah Karim et al., 2010). Mengkaji bahasa dari aspek struktur kata bererti mengkaji susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Dari segi bentuk kata, kajian dilihat dari aspek rupa unit tatabahasa, sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Pengolongan kata pula ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi, atau bentuk dan fungsinya. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2010), proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu terdiri daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan.

Abdullah Hassan (2006) menjelaskan bahawa morfologi ialah satu bidang ilmu yang mengkaji bentuk perkataan. Istilah 'morfologi' ini, menurut beliau, telah dipinjam daripada bidang biologi yang bermaksud kajian mengenai 'bentuk' tubuh haiwan dan tumbuh-tumbuhan; konsep 'bentuk' itu diambil dan diterapkan kepada 'bentuk' perkataan bahasa manusia. Menurut beliau lagi, maksud 'bentuk' ialah perkataan yang diujarkan dalam sesuatu bahasa. Proses morfologi, menurut beliau, ialah proses-proses yang berlaku dalam bahasa bagi menghasilkan kata-kata terbitan. Beliau juga menjelaskan bahawa terdapat empat proses morfologi yang berlaku dalam bahasa Melayu, iaitu pengimbuhan, penggandaan, pemajmukan dan pengakroniman.

Menurut Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam dalam buku *Kajian Bahasa Untuk Pelatih Maktab Perguruan* (1985), bidang morfologi merupakan bidang dalam kajian bahasa yang mengkaji perkataan dan cara-cara pembentukannya. Ketiga-tiga ahli bahasa ini merumuskan bahawa bidang morfologi ini merupakan bidang yang menyentuh perihal perkataan dan bentuknya.

P. H. Matthews (1991), seorang ahli bahasa dari Amerika, menyatakan bahawa "*morphology is, briefly, the branch of grammar that deals with the internal structure of words*", iaitu bahawa morfologi ialah sebahagian daripada bidang tatabahasa berkaitan dengan struktur dalaman kata-kata. Nida (1949), melihat morfologi sebagai ilmu yang mengkaji morfem dan susunannya dalam pembentukan kata. Selain itu, Plag (2003), pula menjelaskan bahawa "*morphological rules combine morphemes to form words in much the same way as syntactic rules combine words to form sentences*", iaitu satu peraturan morfologi yang menggabungkan morfem untuk membentuk perkataan dalam pelbagai cara dan hal ini sama seperti kaedah-kaedah sintaksis yang menggabungkan perkataan untuk membentuk ayat.

Pelbagai pendefinisan telah dikemukakan oleh ahli bahasa dari dalam maupun luar negara mengenai morfologi dan rata-rata mereka menyatakan bahawa morfologi ialah bidang yang mengkaji aspek kata dan bentuk. Bagi bahasa Melayu, pelbagai aspek morfologi telah dikaji oleh ahli-ahli bahasa serta pengkaji-pengkaji bahasa. Namun begitu, satu aspek yang tidak dikaji dengan agak mendalam, iaitu kata adjektif, terutama kata adjektif majmuk warna.

1.2 Sorotan Kajian

Hasil daripada penelitian terhadap kajian-kajian lepas menunjukkan terdapat banyak kajian mengenai proses pembentukan kata. Setelah dikaji dengan lebih mendalam, didapati bahawa kajian mengenai kata adjektif masih berkurangan, terutamanya kajian mengenai kata adjektif majmuk yang menekankan kata adjektif majmuk warna. Berdasarkan hasil penelitian, terdapat kajian mengenai kata adjektif tetapi jumlahnya masih kurang berbanding kajian yang melibatkan kata nama dan kata kerja. Kajian lepas yang ditulis dan dimasukkan ke dalam tesis ini adalah mengikut susunan peringkat

bahan, iaitu bermula dengan tesis peringkat Ph.D., tesis sarjana, tesis sarjana muda, jurnal dan artikel.

Antara kajian yang melibatkan kata adjektif ialah tesis Ph.D. Norliza Jamaluddin bertajuk "Analisis Kata Sifat Bahasa Melayu Berdasarkan Data Korpus Berkomputer" (2011). Kajian ini menjelaskan perlakuan kata sifat bahasa Melayu berdasarkan data korpus berkomputer. Selain itu, kajian ini turut meneliti fungsi kata sifat sebagai unsur penerang bagi sesuatu kata inti. Dalam fungsi ini diteliti kata sifat dan unsur penerang lain yang boleh hadir dalam gatra penerang. Kajian ini juga menjelaskan fungsi predikat, iaitu fungsi tipikal bagi kata kerja. Dengan meneliti fungsi ini, aspek yang diteliti ialah kata sifat sebagai unsur yang boleh mengisi gatra predikat. Dalam kajian ini data kajiannya diambil daripada data korpus yang melibatkan sebanyak 150, 000 perkataan. Menerusi data kajian ini, perlakuan sebenar kata sifat bahasa Melayu yang dihasilkan oleh penutur natif dijelaskan dengan terperinci. Dari aspek pendekatan, beliau menggunakan pendekatan fungsional dengan memberikan penekanan dari segi fungsi kata sifat dalam sesuatu ayat. Menerusi penekanan yang diberikan ke atas fungsi kata sifat dalam sesuatu ayat dan melalui pendekatan yang digunakan, perlakuan kata sifat dapat diketahui. Dalam kajian ini, beliau mengaplikasikan penggunaan sistem korpus berkomputer. Menerusi sistem ini, kolokasi bagi kata sifat juga dapat diketahui dengan pantas dan hal ini turut membantu proses mengklasifikasikan perlakuan kata sifat dengan mudah.

Seterusnya ialah tesis yang membincangkan kajian bersifat perbandingan antara bahasa pertama, iaitu bahasa ibunda, dengan bahasa kedua. Siti Aishah binti Ashaari (2004), dalam tesis sarjana beliau yang bertajuk "Kata Adjektif Bahasa Melayu-Arab: Satu Analisis Kontrastif", membincangkan perbandingan pembentukan kata sifat (adjektif) bahasa Melayu dengan kata sifat bahasa Arab. Perbandingan ini dilakukan untuk melihat persamaan dan perbezaan kata sifat yang wujud, terutamanya dari segi

penggunaan kata sifat tersebut. Selain itu, kajian ini secara tidak langsung meramal kesulitan yang dihadapi oleh para pelajar dalam mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Hal ini berikutan sifat bahasa Arab yang mempunyai kepelbagaiannya struktur ayatnya yang sering menyebabkan pelajar melakukan kesilapan dalam membina ayat-ayat yang tepat dan gramatis. Kesilapan ini sering berlaku bukan sekadar di dalam pembentukan ayat-ayat yang mudah, malah menjangkau penggunaan kata adjektif atau kata sifat dalam bahasa Arab.

Dalam kajian ini, hasil kajian mendapati bahawa kata adjektif dalam bahasa Melayu merupakan satu unit yang tersendiri dan terpisah dari unit-unit kata lain. Kata adjektif dalam bahasa Melayu juga dikatakan terdiri daripada pelbagai jenis, iaitu dari sudut makna, lafaz, dan derivasi. Kata adjektif dalam bahasa Arab pula dikatakan menyamai kata nama yang disifatkan sama ada dari segi gender (maskulin dan feminin) dari segi bilangan (kata tunggal, kata dual dan kata jamak) dan dari segi irab (indefinit dan definit). Kesimpulannya, hasil analisis perbandingan yang dijalankan antara kata adjektif dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab menunjukkan perbezaan yang ketara yang sering menyebabkan para pelajar Melayu menghadapi masalah dalam membina ayat-ayat yang gramatis, khususnya yang mengandungi kata adjektif atau frasa adjektif.

"Analisis Komponen Makna Kata Adjektif Deria Bahasa Melayu" (2004) merupakan satu analisis yang juga melibatkan kata adjektif. Kajian ini dilakukan oleh Salihah binti Ab. Patah. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji kata dalam bahasa Melayu daripada golongan kata adjektif berlandaskan kajian semantik leksikal. Menurut pengkaji, analisis semantik leksikal yang menggunakan analisis komponen makna dan pendekatan kolokasi dapat menghasilkan pencerakinan semantik yang lebih sempurna, khasnya kajian kata adjektif. Secara khusus kajian ini menganalisis dan membandingkan komponen-komponen makna yang didukung oleh kata adjektif tersebut. Selain itu, kajian ini juga turut meneliti penggunaan kata adjektif dalam ayat-

ayat bahasa Melayu yang berbeza berdasarkan konteks atau keperihalan keadaan. Secara terperinci lagi, kajian ini meneliti kata adjektif pancaindera dalam bahasa Melayu. Kajian ini telah menggunakan analisis komponen makna bagi menganalisis setiap kata adjektif pancaindera. Analisis komponen makna ini bertujuan menganalisis dan menginterpretasikan makna setiap kata berdasarkan bilangan kesamaan fitur yang dikongsi bersama. Dalam kajian ini juga, setiap kata adjektif ditentusahkan pula dalam konteks ayat yang dipilih dengan menggunakan Data Korpus Berkomputer (DKB). Tujuan DKB dipilih adalah untuk melihat peluasan kata adjektif pancaindera kepada konsepsi pancaindera lain, iaitu deria bau, rasa, penglihatan, pendengaran, dan sentuhan. Berdasarkan penginterpretasi ayat, terdapat peluasan dalam kata adjektif pancaindera. Seterusnya, kajian ini mendapati bahawa peluasan kata adjektif bukan sahaja di dalam lingkungan lima jenis pancaindera tadi tetapi juga merujuk kepada makna bukan pancaindera. Hal ini dapat dikesan melalui kehadiran kata adjektif yang dikaji merujuk kepada pemikiran, perasaan, dan tingkah laku manusia.

"Satu Kajian Penggolongan Kata Adjektif dalam Kumpulan *Sajak Saat Sebelum Berangkat*" yang diusahakan oleh Rozali bin Lebai Awang (2000) merupakan salah satu kajian pada peringkat sarjana yang turut membincangkan kata adjektif. Kajian ini dilakukan bagi melihat sejauh mana kekuatan penggunaan kata-kata adjektif boleh mempengaruhi mutu dan nilai hasil sesuatu karya dan secara tidak langsung membuat satu penilaian terhadap gaya dan ideosinkrasi penyair Jihat Abadi. Pada akhir kajian ini, kelihatan bahawa sajak-sajak Jihat tergolong dalam hasil karya kreatif yang banyak menampilkan kepelbagaian jenis kata adjektif, khususnya kata adjektif perasaan. Pengkaji juga menyimpulkan bahawa hampir keseluruhan judul sajak yang dikaji mempunyai kata adjektif perasaan. Boleh dikatakan bahawa pemilihan kepelbagaian kata adjektif yang digunakan dalam sajak-sajak beliau memberikan kesan yang mendalam terhadap jiwa pembaca.

Tesis bertajuk "Kata Adjektif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah: Satu Tinjauan" (2003) juga merupakan salah satu kajian yang turut membincangkan kata adjektif. Kajian peringkat sarjana muda ini ditulis oleh Syarifah Noor Syahriza binti Syed Mohd Zain. Tujuan kajian ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu tujuan am dan tujuan khusus. Dari segi tujuan am, kajian ini bertujuan untuk meninjau bagaimana penggunaan kata adjektif serta kesalahannya dalam penggunaannya semasa proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah. Tujuan khusus kajian ini pula terbahagi kepada empat. Pertama, kajian ini dilakukan untuk mengetahui tahap kemahiran penggunaan kata adjektif dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan di sekolah yang terlibat dengan kajian. Kedua, kajian ini bertujuan untuk mengetahui perbezaan tahap kemahiran penggunaan kata adjektif antara para pelajar lelaki dengan perempuan di sekolah yang terlibat. Tujuan ketiga adalah untuk mengetahui tahap kesalahan penggunaan kata adjektif dalam kalangan pelajar sekolah yang terlibat. Tujuan yang terakhir bagi sebab kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi penguasaan penggunaan kata adjektif dalam kalangan pelajar sekolah yang terlibat.

Hasil kajian ini menyimpulkan bahawa tahap kemahiran penggunaan kata adjektif dalam kalangan sampel menunjukkan berada pada tahap sederhana baik secara keseluruhannya. Namun begitu, dari aspek penguasaan pula, penguasaan kemahiran penggunaan kata adjektif dalam kalangan pelajar perempuan adalah lebih baik berbanding dengan penguasaan pelajar lelaki. Faktor sikap pelajar, ibu bapa, latar belakang keluarga, tahap ekonomi keluarga, bahan bacaan tambahan dan persekitaran mempunyai perkaitan rapat dengan tahap pencapaian seseorang pelajar. Seterusnya, pelajar-pelajar Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan mendapat pendidikan formal mata pelajaran bahasa Melayu selama beberapa tahun masih terus melakukan kesalahan bahasa. Strategi pengajaran yang lebih berkesan harus

digunakan terhadap pelajar Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama bagi memastikan peningkatan kemahiran dan ilmu yang diharapkan.

Kajian bertajuk "Analisis Berasaskan Korpus Dalam Menstruktur Semula Kedudukan Makna Teras Leksikal *Setia*" (2011) ditulis oleh Hishamudin Isam dan Norsimah Mat Awal di dalam sebuah jurnal *GEMA Online™ Journal of Language Studies 143 Volume 11(1)* 2011. Kajian ini membincangkan penstruktur semula kedudukan makna teras leksikal berkaitan nilai, iaitu *setia*. Proses penstruktur semula boleh dimulakan dengan meneliti kedudukan makna teras bagi sesuatu leksikal, sama ada wajar dikekalkan, patut diganti kedudukannya dengan makna pinggiran atau makna baharu yang berpotensi untuk dirakam, atau juga digugurkan kerana makna tersebut tidak lagi relevan dengan keadaan semasa. Dari segi tatacara analisis, kajian ini dijalankan dengan meneliti setiap ayat yang menggunakan item leksikal *setia*. Seterusnya, makna leksikal dapat ditentukan dengan memahami keseluruhan konteks ayat. Setiap makna yang diramalkan berhasil akan dikelompokkan dalam kategori makna berdasarkan domain yang mendasari makna leksikal tersebut. Hasil daripada pengelompokan ini, akan diketahui jumlah makna yang paling kerap digunakan dalam data dan secara tidak langsung dapat dikenal pasti makna apa yang diramalkan lebih berkesan atau lebih berupaya untuk menjelaskan makna-makna yang lain. Hasil kajian mendapati makna teras leksikal *setia* masih kekal dalam bentuk metaforikal, iaitu teguh hati. Daripada data korpus yang dijadikan sandaran, didapati makna teguh hati sebagai makna teras *setia* bukan sahaja dapat menunjukkan kepelbagai bentuk penggunaan, malah terdapat bukti yang menjelaskan perkaitan motivasi struktur konseptual dalam menetapkan makna teguh hati sebagai makna teras leksikal *setia*.

Bagi kajian yang melibatkan kata adjektif majmuk pula, kajiannya banyak dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji luar. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Sara Conti (2006) menerusi tesis Ph.D. beliau bertajuk "*Compound Adjectives in English: A*

Descriptive Approach to their Morphology and Functions". Kajian ini melihat kata adjektif majmuk dalam bahasa Inggeris. Dalam kajian ini, Sara Conti melihat perspektif morfologi dengan memberi tumpuan kepada pengenalpastian corak kombinasi pembentukan kata adjektif majmuk. Dalam kajian ini juga, bidang semantik digunakan dalam pengklasifikasian kata adjektif majmuk. Pengaplikasian bidang morfologi dan semantik dalam kajian ini adalah penting bagi tujuan klasifikasi kata adjektif majmuk.

Bab satu kajian ini menjelaskan konsep asas proses pemajmukan menerusi definisi-definisi yang telah dikemukakan oleh pelbagai ahli bahasa. Bahagian kedua bab ini menjelaskan kata adjektif majmuk dalam kesusteraan, iaitu penonjolan penggunaan kata adjektif majmuk yang dikaitkan dengan unsur alam semula jadi. Bab ketiga pula menumpukan perhatian kepada pengklasifikasian kata adjektif majmuk. Pengklasifikasian ini bergantung kepada kriteria morfologi dan semantik. Data yang digunakan ini diambil daripada British National Corpus (BNC) dan juga beberapa sumber lain. Data ini dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil setelah dikenal pasti dan kemudian dianalisis berdasarkan ciri-ciri morfologi dan semantik dengan merujuk kepada tanggapan produktiviti tatabahasa dan analogi. Bab keempat lebih memberi tumpuan kepada analisis fungsi kata adjektif majmuk. Bab terakhir pula menjelaskan cadangan proses penggabungan kata-kata adjektif majmuk di dalam kelas warna yang berlaianan. Kesimpulanya, proses pembentukan kata adjektif majmuk mementingkan bidang morfologi dan semantik dalam melihat corak pembentukan dan pengklasifiannya.

Seterusnya kajian lain yang berkaitan dengan kata adjektif majmuk ialah kajian yang dilakukan oleh Ganbold Badamsuren (2013) dengan tesis sarjana beliau bertajuk "Comparative Studies on Compound Adjective Formation of Mongolian & English Languages". Tesis ini membincangkan kata adjektif majmuk dalam bahasa Inggeris dan bahasa Mongolia dari sudut perbandingan. Kata adjektif majmuk terbentuk menerusi

corak tatabahasa yang pelbagai mengikut sesuatu bahasa. Hal ini secara tidak langsung menimbulkan persoalan tentang status kata adjektif yang samar-samar. Majoriti mengatakan kata adjektif majmuk bahasa Inggeris dan bahasa Mongolia mempunyai fungsi kata sifat dan kedudukannya ialah di hadapan kata nama. Justeru, dikatakan kata adjektif majmuk mempunyai fungsi predikatif dan 'postpositive' yang luar biasa. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan proses pemajmukan dianalisis semula.

Tujuan utama kajian ini adalah membandingkan struktur tatabahasa bahasa Inggeris dengan tatabahasa Mongolia dengan menjadikan kata adjektif majmuk sebagai penanda aras. Secara kesimpulannya, kajian ini memberikan penekanan terhadap kata adjektif majmuk bahasa Inggeris dan bahasa Mongolia dengan menjadikannya sebagai objek utama dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa proses pemajmukan ialah proses yang sangat produktif dan kompleks bagi pembentukan kata adjektif majmuk dalam kedua-dua bahasa dan secara tidak langsung hasil kajian ini juga turut menunjukkan persamaan dan perbezaan antara kata adjektif majmuk dalam kedua-dua bahasa.

Seterusnya ialah tesis bertajuk "Compound Adjectives in Women's Lifestyle Magazines" yang dihasilkan oleh Eva Ptackova (2008) pada peringkat sarjana muda. Dalam kajian ini, beliau menganalisis penggunaan kata adjektif majmuk dalam majalah gaya hidup wanita dengan berobjektif pemetaan kata adjektif majmuk yang hadir dalam majalah yang dikaji, seterusnya mengklasifikasi dan menggambarkan strukturnya. Menerusi kajian ini, Eva Ptackova menghuraikan kata adjektif majmuk secara umum dan binaannya serta jenis-jenis kata adjektif majmuk. Dalam kajianya ini juga, Eva Ptackova telah menganalisis penggunaan kata adjektif majmuk dengan mengeluarkan seberapa banyak kata adjektif majmuk yang terkandung di dalam majalah yang dikaji untuk dianalisis dan kemudiaanya mengklasifikasikan kata-kata adjektif majmuk ini kepada jenis-jenisnya mengikut bentuk binaannya yang berbeza-beza.

Nelleke Oostdijk (2008) juga merupakan salah seorang ahli bahasa yang turut mengkaji kata adjektif majmuk, khususnya menjurus kepada proses pembentukan kata. Hal ini dapat dilihat menerusi artikel beliau, bertajuk "*Improving the Lexical Coverage of English Compound Adjectives*". Kajian ini merupakan satu kajian kes terhadap kata adjektif khususnya kata adjektif majmuk, dalam bahasa Inggeris. Dalam kajian ini beliau mengkaji peranan proses pembentukan perkataan kerana beliau melihat proses pembentukan perkataan berlaku dalam keadaan yang berbeza, khususnya dalam proses pembentukan kata sifat dalam bahasa Inggeris. Selain itu, beliau juga mengatakan bahawa kata adjektif majmuk tidak terbentuk dengan sesuka hati, sebaliknya proses pembentukannya mempunyai satu set peraturan yang khusus. Hasil kajian berdasarkan British National Corpus (BNC) ini menjelaskan bahawa dalam proses pembentukan kata adjektif, proses pembentukan kata adjektif majmuk lebih produktif berbanding proses pembentukan perkataan yang lain.

Kesimpulannya, kajian tentang kata adjektif bahasa Melayu masih kurang. Kebanyakan kajian tentang bentuk kata menumpukan perhatian kepada kata nama dan kata kerja. Kajian melibatkan proses pembentukan kata adjektif, khususnya kata adjektif majmuk dengan tumpuan kepada kata adjektif majmuk warna amat terhad di Malaysia. Oleh hal yang demikian, kajian tentang kata adjektif harus dipertingkatkan demi memantapkan lagi bidang morfologi bahasa Melayu.

1.3 Latar Belakang Kajian

Kajian yang melibatkan proses pembentukan kata di Malaysia, secara keseluruhannya, dalam keadaan memuaskan. Namun begitu, didapati kajian yang dilakukan berkaitan dengan proses pembentukan kata kerap kali melibatkan proses pembentukan kata nama dan kata kerja, dan kurang pada kata adjektif. Jika ada pun, kajiannya hanyalah terhad.

Oleh itu, kajian ini akan melihat proses pembentukan kata adjektif dengan memberi tumpuan kepada bentuk dan jenis kata adjektif. Namun begitu, kajian ini sebenarnya lebih memberikan tumpuan kepada kata adjektif majmuk warna dengan melihat kepada bentuk dan jenisnya.

1.3.1 Kata Adjektif

Kata adjektif merupakan salah satu daripada golongan kata utama yang terdapat di dalam bahasa Melayu. Kata adjektif, yang juga dikenali sebagai kata sifat, ialah perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif. Kata adjektif dapat dikenal pasti dan dibezakan daripada kata nama atau kata kerja dengan cirinya yang boleh didahului atau diikuti oleh kata penguat. Contohnya, amat sakit, sakit sungguh, banyak sekali, dan sangat lain. Dalam ayat, kata adjektif berfungsi menerangkan keadaan atau sifat bagi kata nama atau frasa nama. Contohnya:

1. Adik saya *rajin*
2. Orang tua itu *baik*
3. Malam gelap itu *menakutkan*
4. Suara merdu penyanyi tersebut *menawan* hati peminat

Menurut Nik Safiah Karim et al. (2010), terdapat sembilan jenis kata adjektif, iaitu kata adjektif sifatan atau keadaan, warna, ukuran, bentuk, waktu, jarak, cara, perasaan, dan pancaindera. Kata adjektif ini terbahagi kepada sembilan jenis berdasarkan kriteria makna. Pembentukan kata adjektif terhasil melalui tiga proses pembentukan kata, iaitu proses pengimbuhan, penggandaan, dan pemajmukan.

1.3.2 Kata Adjektif Majmuk

Kata adjektif majmuk merupakan salah satu bentuk kata yang terhasil daripada proses pembentukan kata adjektif. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2010), kata adjektif majmuk ialah perkataan yang terhasil daripada proses yang merangkaikan dua kata dasar atau lebih yang membawa makna tertentu. Kata adjektif majmuk dieja terpisah dan bertindak sebagai satu unit. Contohnya, *merah jambu*, *kuning langsat* dan *hijau daun*. Terdapat sejumlah kata adjektif majmuk yang membawa maksud kiasan yang terdiri daripada simpulan bahasa. Contohnya, *panjang tangan*, *terang hati* dan *besar kepala*. Kata majmuk terbentuk tanpa sebarang penyisipan yang boleh memisahkan dua kata dasar atau lebih yang dirangkaikan sebagai satu unit.

1.4 Penyataan Masalah

Kajian tentang golongan kata dalam bahasa Melayu semakin mendapat perhatian dalam kalangan ahli bahasa. Namun begitu, kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada golongan kata nama dan kata kerja berbanding dengan golongan kata adjektif. Kajian tentang golongan kata adjektif pada masa kini agak terhad, apatah lagi kajian terhadap aspek kata adjektif majmuk. Bagi memantapkan lagi bidang morfologi bahasa Melayu, lebih banyak kajian tentang kata adjektif perlu dijalankan.

Setakat ini aspek kata adjektif dihuraikan dari segi bentuknya secara am. Perbincangan tentang proses pembentukan dan binaan kata adjektif, terutamamnya kata adjektif majmuk warna secara mendalam belum ada. Oleh itu, kajian mengenai bentuk kata ini yang lebih terperinci, terutama tentang kata adjektif majmuk warna, perlu dijalankan dengan lebih mendalam lagi. Hal ini secara tidak langsung dapat memperkayakan kajian terhadap bentuk kata dalam bahasa Melayu.

Seterusnya, aspek penjenisan untuk kata adjektif, terutamanya kata adjektif majmuk warna, juga dilihat masih kurang. Dalam hal ini, secara tidak langsung kita dapat melihat bagaimana penjenisan untuk kata adjektif majmuk warna dilakukan dan sama ada penjenisannya sama seperti dalam *Tatabahasa Dewan* atau sebaliknya. Penjenisan juga memainkan peranan penting bagi menjadi panduan dalam proses mengkategorikan kata ini kepada jenis yang lebih spesifik dan secara tidak langsung memberi kesan kepada kategori warna tertentu.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif berikut:

- i. Mengenal pasti proses pembentukan dan jenis kata adjektif dalam majalah bidang dekorasi.
- ii. Menganalisis kata adjektif majmuk, dengan tumpuan kepada kata adjektif majmuk warna.
- iii. Menghuraikan bentuk dan jenis kata adjektif majmuk warna.

1.6 Bidang Kajian

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji perkataan dari segi struktur, bentuk dan penggolongan kata. Mengkaji struktur kata membawa maksud mengkaji susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Kajian dari segi bentuk pula lebih kepada mengkaji rupa unit tatabahasa, sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan

penggandaan. Penggolongan kata pula ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi, atau bentuk dan fungsinya.

Dalam bahasa Melayu, unit-unit tatabahasa yang menjadi unsur perkataan disebut *morfem*. Morfem ialah unit yang terkecil dalam bahasa yang mempunyai unsur gramatis atau yang menjalankan tugas nahu, manakala perkataan pula ialah bentuk bahasa yang terkecil juga, tetapi mengandungi makna yang lengkap dan dapat berdiri sendiri dalam ayat. Proses pembentukan kata dalam sesuatu bahasa ialah proses penyusunan morfem menurut peraturan sistem morfologi bahasa itu yang pada lazimnya melibatkan proses pengimbuhan yang terdiri daripada awalan, akhiran, sisipan dan apitan (Nik Safiah Karim et.al.,2010).

Bagi bahasa Melayu, perkataan ialah satu ujaran yang bebas dan mengandungi makna yang terdiri daripada satu atau gabungan beberapa bentuk bunyi bahasa. Selain itu, sesuatu perkataan itu akan dimulai dan diakhiri oleh sempadan perkataan. Contohnya dalam ayat bahasa Melayu, “*Pelajar itu sudah menjadi mahasiswa*” dan bentuk-bentuk kata dalam ayat ini ialah: +pelajar ++ itu ++ sudah ++ menjadi ++ mahasiswa +. Sempadan perkataan ini hanya wujud secara abstrak, iaitu hanya wujud dalam fikiran kita. Perkataan yang terdapat dalam bahasa Melayu terbahagi pula kepada empat bentuk utama, iaitu bentuk kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk dan kata ganda (Nik Safiah Karim et. al.,2010).

Secara kesimpulannya, morfologi ialah bidang yang mengkaji perkataan yang melibatkan proses pembentukan dan penjenisan. Namun begitu, kebijaksanaan manusia dan kekreatifan yang ada telah melahirkan pelbagai bentuk kata yang menarik dan bermakna serta baik fungsinya untuk dikaji dan dimanfaatkan. Hal ini dapat dilihat pada bentuk kata adjektif majmuk warna yang menjadi tumpuan dalam kajian ini.

1.7 Bahan Kajian

Majalah *Impiana* ialah sebuah majalah bulanan yang mengetengahkan perihal dekorasi kediaman. Beberapa aspek yang diketengahkan dalam majalah ini bersifat 'interior' (berkaitan hiasan ruang dalam rumah, seperti ruang tamu, bilik tidur, dan tempat istirehat), landsksap, belian bijak, 'shopping' dekor, inspirasi dekor, inspirasi fabrik, dunia botani, 'galleria' impiana, renovasi, sajian dan beberapa lagi. Majalah yang setiap penerbitan mengandungi 163 muka surat ini juga berupaya mendidik masyarakat tentang keperluan dan kepentingan menghias rumah. Hal ini dikatakan demikian kerana keadaan rumah yang baik menggambarkan kesejahteraan hidup.

Majalah ini diterbitkan oleh Kumpulan Media Karangkraf. Kumpulan ini bergerak aktif dalam bidang penerbitan sejak tahun 1978. Pada tahun 1990, melalui Alaf 21 dan Karya Bestari, kumpulan ini mula mencetak novel-novel dan buku-buku pelbagai genre. Selepas itu, pada tahun yang sama, melalui Ultimate Cetak dan Asas Cetak, kemasukan kumpulan ini ke dalam perniagaan percetakan komersial bermula. Pada tahun 2010, berlaku proses pembentukan Kumpulan Media Karangkraf, yang kini merupakan syarikat induk kepada perniagaan teras empat kumpulan, iaitu kumpulan majalah, kumpulan buku karangkraf, kumpulan sinar, dan kumpulan percetakan. Antara majalah lain yang diterbitkan ialah *Dapur, Laman, Nona, Mingguan Wanita, Rasa, Pengantin*, dan beberapa lagi.

Majalah ini dipilih sebagai bahan kajian kerana isi kandungannya memenuhi keperluan kajian. Di dalam majalah didapati kehadiran kata adjektif dan kata adjektif majmuk warna yang agak memuaskan. Hal ini dikatakan demikian kerana ciri majalah tersebut membantu kepada kehadiran kata adjektif majmuk. Isi kandungannya yang banyak membincangkan perihal dekorasi kediaman dan warna memperlihatkan kehadiran kata adjektif, terutama kata adjektif majmuk warna. Bahan daripada majalah

ini diperoleh melalui dua cara, pertama melalui secara langsung daripada majalah tersebut dan kedua melalui pangkalan data korpus DBP. Penggunaan pangkalan data korpus DBP dilahirkan berikutan hasil dapatan kajian yang agak terhad dalam bahan majalah *Impiana*.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini memberi tumpuan hanya kepada kata adjektif dan proses pembentukan kata adjektif, terutama bentuk kata adjektif majmuk. Kajian terhadap kata adjektif majmuk ini dibataskan kepada bentuk dan jenisnya.

Secara khusus, kajian ini memberikan tumpuan kepada bahan yang terdapat di dalam majalah *Impiana*, iaitu sebuah majalah dekorasi. Bahan yang diambil untuk dianalisis hanya daripada sebuah majalah sahaja, iaitu majalah pada bulan Januari bagi tahun 2015 kerana didapati mencukupi. Namun begitu, bagi analisis khusus untuk kata adjektif majmuk warna, bahan tambahan daripada majalah *Impiana* diperoleh melalui pangkalan data Korpus DBP. Daripada artikel-artikel yang dipilih, beberapa subtopik dalam artikel yang dipilih dianalisis. Subtopik tersebut ialah aspek 'interior' (berkaitan hiasan ruang dalam rumah, seperti ruang tamu, bilik tidur, dan tempat istirehat), belian bijak, 'shopping' dekor, inspirasi dekor, inspirasi fabrik, fokus, landskap (D.I.Y), dan sajian. Subtopik-subtopik ini dipilih kerana memuatkan artikel-artikel yang memperlihatkan penggunaan kata adjektif dan kata adjektif majmuk warna dengan ayat banyak.

Data korpus DBP (Dewan Bahasa & Pustaka) menggunakan aplikasi carian konkordans untuk mengenal pasti kehadiran bentuk-bentuk kata adjektif majmuk warna. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui aplikasi carian konkordans ini kehadiran kepelbagaiannya bentuk kata adjektif majmuk warna dapat dikenal pasti dengan lebih terperinci. Pencarinya dibataskan kepada 500 bilangan output kerana jumlahnya yang

terhad. Selain itu, pencarian ini melibatkan kata adjektif warna yang terdiri daripada warna-warna utama seperti merah, kuning, hijau, dan biru serta melibakan beberapa warna tambahan seperti hitam. Kata adjektif warna yang mewakili warna coklat dan warna krim yang dikategorikan sebagai kata adjektif warna pinjaman juga hadir dalam carian.

1.9 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharap dapat memberi sumbangan terhadap maklumat baharu mengenai kata adjektif dan proses pembentukan kata adjektif, terutamanya bagi bentuk kata adjektif majmuk warna. Kepelbagaiannya kata adjektif warna, terutama dari sudut keunikan gabungan kata, memperlihatkan pembentukan yang sangat menarik dan perlu diuraikan dengan lebih mendalam.

Selain itu, hasil kajian ini juga diharap akan membantu pengguna bahasa mengenal pasti jenis kata adjektif majmuk warna yang pelbagai dan menarik. Penjenisan ini secara tidak langsung memperlihatkan fungsi kata adjektif majmuk warna dalam bahasa Melayu. Dalam masa yang sama proses penjenisan ini akan membantu proses mengkategorikan kata adjektif, terutama kata adjektif majmuk warna, kepada jenis-jenis yang lebih spesifik dan secara tidak langsung memperlihatkan pula kategori warna yang baharu.

Seterusnya, hasil kajian ini juga diharap akan dapat memberi sumbangan kepada golongan pendidik, agar pengetahuan mereka tentang kata adjektif, khususnya kata adjektif majmuk warna, dapat dimanfaatkan kepada para pelajar. Menerusi kajian ini, para pendidik dan pelajar bukan sahaja dapat menambah ilmu baharu mengenai bentuk dan jenis kata adjektif malah dapat mengetahui proses pembentukan dan binaan bagi

kata adjektif majmuk, khususnya kata adjektif majmuk warna, yang kelihatan amat menarik.

1.10 Rumusan

Bab ini secara tidak langsung telah menjelaskan secara umum reka bentuk kajian yang dijalankan. Dalam kajian ini, tumpuan diberikan kepada proses pembentukan kata adjektif majmuk warna yang melihat kepada bentuk dan jenisnya. Bentuk kata ini dipilih berikutan keunikan dari segi pembentukannya dan penjenisan yang menarik. Secara tidak langsung hal ini mampu memperkaya pembendaharaan bentuk kata bahasa Melayu.

BAB 2: METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORI

2. 1 Pendahuluan

'Metodologi' berasal daripada perkataan Yunani dan terdiri daripada perkataan 'meta' yang bermaksud 'dengan', 'odos' yang bermaksud 'jalan', dan 'logos' yang bermaksud ilmu atau aliran. Metodologi dapat diterjemahkan sebagai 'ilmu dengan jalan' (Nazaruddin S.H., 1974). Menurut Hornby A.S, et al. (1980), metodologi bermaksud sains atau kajian mengenai kaedah, terutama dalam bidang ilmiah. Selain itu, menurut beliau juga, metodologi boleh membawa maksud suatu ilmu mengenai kajian dalam mentadbir sesuatu bagi mencapai matlamat yang dirancang.

'Kajian' pula bermaksud sesuatu penyelidikan yang dijalankan, sama ada untuk mengetahui apa yang telah berlaku, sedang, atau akan berlaku bagi menambah pengetahuan. Kesimpulannya, metodologi kajian merupakan satu proses mengkaji dan menyelidik sesuatu bahan secara bersistem dengan melibatkan reka bentuk dan kaedah kajian yang tersusun.

Dalam bab ini, akan dibincangkan perihal reka bentuk dan kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini.

2.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ialah pelan tindakan yang memperlihatkan, secara terperinci, bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan (Sabitha, 2006). Selain itu, reka bentuk kajian berfungsi sebagai panduan dalam membantu penyelidik dalam proses memungut, menganalisis, dan membuat pentafsiran hasil daripada penyelidikan. Menurut Zikmund (2003) reka bentuk kajian ialah perancangan khas bagi suatu kaedah dan prosedur untuk mengumpulkan dan menganalisis data.

Dalam kajian ini, reka bentuk kajiannya lebih bersifat deskriptif atau penghuraian. Dalam kajian ini, setiap item yang dikaji akan dianalisis dan dihuraikan secara terperinci. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini melibatkan proses dan binaan sesuatu kata dan memerlukan penghuraian yang terperinci tentang sesuatu proses dan binaan.

2.3 Kaedah Kajian

Kaedah kajian merupakan teknik ataupun cara yang digunakan oleh penyelidik dalam melakukan penyelidikan. Dalam kajian ini, tiga kaedah kajian dipilih bagi melakukan kajian ini, iaitu:

2.3.1 Kaedah kajian kepustakaan

2.3.2 Kaedah kajian teks

2.3.3 Kajian eksperimental

2.3.1 Kaedah Kajian Kepustakaan

Melalui kaedah ini, rujukan dilakukan di beberapa perpustakaan untuk mendapatkan pelbagai maklumat. Antara perpustakaan yang dikunjungi ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik, dan Perpustakaan Peringatan Za' ba Universiti Malaya. Pelbagai bahan dirujuk di keempat-empat perpustakaan ini. Antaranya ialah buku, tesis, jurnal, dan prosiding. Dalam kaedah ini, aspek yang dilakukan terhadap bahan-bahan yang diperoleh ialah membandingkan antara satu kajian dengan kajian yang lain, menganalisis, menilai, dan seterusnya membuat kesimpulan.

Pengumpulan data diperoleh daripada tesis, jurnal, artikel, prosiding, dan buku akademik. Data yang diperoleh akan melalui proses analisis, iaitu proses mengolah dan menghuraikan maklumat yang terdapat dalam bahan bacaan secara terperinci. Kemudian, data ini akan mengalami proses penilaian. Akhir sekali, data yang telah dinilai dan mempunyai kaitan dengan kajian akan diguna pakai dalam kajian.

2.3.2 Kaedah Kajian Teks

Melalui kaedah ini, kajian dilakukan terhadap teks yang dipilih, iaitu majalah *Impiana*. Menerusi bahan dalam majalah tersebut, kehadiran kata adjektif dan kata adjektif majmuk, khususnya kata adjektif majmuk warna, menjadi tumpuan. Melalui kaedah ini, teks akan dikaji dengan teliti bagi melihat kehadiran pelbagai bentuk kata adjektif dan seterusnya melakukan proses menganalisis.

Seterusnya ialah analisis terhadap kehadiran kata adjektif untuk melihat bentuk dan jenisnya. Dalam proses analisis ini, semua artikel yang terkandung dalam majalah tersebut dianalisis. Kata adjektif yang telah dikenal pasti akan dikeluarkan untuk dikenal pasti bentuk dan jenisnya. Proses menganalisis kata adjektif ini juga turut melibatkan binaan frasa dan ayat bagi memudahkan proses mengenal pasti bentuk kata ini bagi mengelakkan daripada kekeliruan dengan kata adverba.

Bagi analisis terhadap kata adjektif majmuk warna, teks yang dikaji melibatkan pengaplikasian pangkalan data korpus DBP. Teks yang terdapat dalam majalah ini dikaji bergantung kepada hasil pencarian konkordans. Teks-teks yang akan dianalisis diambil secara rawak tanpa mengikut bab-bab tertentu dalam majalah tersebut. Teks yang dipilih untuk dianalisis tidak menumpukan pada potongan ayat penuh, sebaliknya tertumpu kepada ayat yang ringkas dan bermakna, iaitu mengandungi subjek dan predikat, terutamanya kehadiran kata adjektif majmuk warna dalam ayat tersebut.

Secara kesimpulannya, menerusi kaedah ini, proses menganalisis teks dilakukan bagi melihat kehadiran kata adjektif dan kata adjektif majmuk warna. Daripada teks-teks yang dianalisis, seberapa banyak kata adjektif dan kata adjektif majmuk warna yang hadir akan dikeluarkan untuk dianalisis. Proses ini hanya melibatkan teks-teks daripada majalah *Impiana*. Teks-teks yang diambil untuk proses analisis adalah secara keseluruhan melalui majalah *Impiana* secara langsung dan secara rawak menerusi pengaplikasian pangkalan data korpus DBP, iaitu melalui majalah *Impiana* yang telah didigitalkan di dalam pangkalan data tersebut.

2.3.3 Kaedah Eksperimental

Kaedah eksperimental merupakan satu kaedah penyelidikan yang menggunakan pangkalan data korpus DBP. Dalam kaedah ini satu pangkalan data, iaitu pangkalan data korpus DBP, digunakan bagi mendapat data kajian. Melalui pangkalan data ini, kaedah cuba jaya digunakan bagi mendapatkan data kajian. Kaedah cuba jaya di sini bermaksud pengkaji mengaplikasikan pangkalan data ini dengan cara tersendiri bagi mendapat data kajian mengikut keperluan pengkaji. Selain itu, dalam kaedah ini penekanan diberikan kepada konsep boleh ubah yang merujuk kepada kata adjektif majmuk warna dan juga konsep kebolehpercayaan yang merujuk kepada pangakalan data korpus. Dalam kaedah ini, persampelannya dilakukan secara rawak berikutan kata adjektif majmuk warna yang terhad bilangannya.

Dalam pengaplikasian pangkalan data ini, pada bahagian carian konkordans terdapat tiga item utama, iaitu sumber bahan, tarikh/tahun terbit bahan, dan kriteria penulis yang perlu diisi mengikut keperluan kajian bagi mendapatkan data kajian. Dua item utama carian konkordans digunakan dalam kajian ini, iaitu item sumber bahan dan tarikh/tahun terbit bahan. Dua item ini digunakan untuk mendapatkan teks kajian berserta

kehadirana kata adjektif majmuk warna. Dengan menggunakan kaedah ini, beberapa langkah pengaplikasian pangkalan data akan diterangkan dengan ringkas.

Langkah 1 – Proses Carian Konkordans

Langkah pertama ialah langkah untuk mengumpulkan dan mendapatkan data. Langkah ini merupakan satu proses mencari dan mengesan kehadiran kata adjektif majmuk warna di dalam teks majalah *Impiana* menerusi carian konkordans dengan menggunakan pangkalan data korpus.

Langkah ini dengan cara memasukkan kata atau konkordans dalam ruangan kosong (cari) yang disediakan untuk melakukan proses pencarian kata. Di sini, pengkaji hanya perlu menaip kata adjektif majmuk warna yang ingin dicari, sebagai contoh perkataan *biru*.

Langkah 2 – Proses Carian Sumber Bahan

Langkah kedua ialah menetapkan sumber bahan yang akan digunakan. Terdapat pelbagai sumber bahan yang disediakan di dalam pangkalan data ini, seperti akhbar, buku, teks sastera, kertas kerja dan termasuklah majalah. Dalam kajian ini, majalah yang menjadi sumber bahan kajian ialah majalah *Impiana*.

Menerusi pangkalan data ini, terdapat 11 buah majalah *Impiana* yang telah didigitalkan di dalam pangkalan data ini. Teks-teks yang digunakan dianalisis berdasarkan 11 buah majalah ini. Majalah *Impiana* yang terdapat di dalam pangkalan data ini bukanlah tersusun mengikut tahun tetapi diambil dan digitalkan di dalam pangkalan data ini berdasarkan keperluan. Oleh hal demikian, teks-teks yang digunakan

oleh pengkaji diambil secara rawak tanpa mengikut susunan tahun dan bahagian-bahagian tertentu di dalam majalah tersebut.

Langkah 3 – Proses Menentukan Konteks

Langkah ketiga ialah proses menentukan konteks. Dalam hal ini, pengkaji perlu menentukan had lingkungan konteks yang akan hadir di sebelah kiri dan kanan ayat. Oleh itu, pengkaji memilih untuk mengehadkan lapan kata yang hadir di sebelah kiri dan kanan ayat. Namun begitu, had lingkungan konteks ini boleh berubah mengikut keperluan. Dalam kajian ini hanya lapan kata yang ditetapkan untuk hadir di sebelah kiri dan kanan ayat. Penentuan had lingkungan konteks ini penting bagi mendapatkan ayat yang sempurna dengan subjek dan predikat yang hadir bersama kata yang dicari.

Langkah 4 – Proses Menentukan Bilangan Output

Bagi langkah keempat pula, tumpuan diberikan kepada bilangan output. Bilangan output di sini bermaksud bilangan kata yang dikehendaki dalam proses carian konkordans mengikut keperluan kajian. Dalam kajian ini, pengkaji mengehadkan bilangan output atau bilangan kata adjektif warna yang dicari sebanyak 500 kata dari pelbagai jenis warna, contohnya *biru*. Melalui proses carian konkordans, sebanyak 500 kata adjektif warna yang dicari akan dikeluarkan. Namun begitu, hal ini bergantung kepada dapatan kata tersebut dalam teks. Selain itu, bilangan output ini juga boleh didapati dalam bentuk peratusan atau boleh juga dalam bentuk jumlah dan peratusan, bergantung kepada keperluan kajian.

Langkah 5 - Proses Menentukan Carian Konkordans Berdasarkan Tarikh/Tahun Terbit Bahan

Langkah seterusnya, iaitu langkah kelima, tertumpu kepada carian konkordans berdasarkan tarikh/tahun terbit bahan. Ini bermakna carian konkordans dalam teks yang ingin dianalisis turut mengambil kira tarikh/tahun terbit bahan. Pada bahagian ini, terdapat empat item, iaitu semua (dekad, tahun, tarikh), dekad, tahun, dan tarikh. Pengkaji memilih menggunakan tempoh 15 tahun, iaitu dari tahun 2000-2015 dalam carian konkordans ini. Hal ini bermakna pengkaji hanya memilih untuk menggunakan item tahun. Untuk item-item lain yang ada, seperti item konteks dan bilangan output adalah seperti yang ditentukan sebelum ini.

Langkah 6 - Hasil Pencarian-Senarai Konkordans

Langkah seterusnya, iaitu langkah keenam, merupakan langkah yang menunjukkan hasil pencarian konkordans. Dalam langkah ini, hasil carian konkordans disenaraikan. Pada bahagian ini, bukan sahaja hasil carian konkordans yang disenaraikan, malah maklumat bahan juga turut disenaraikan. Dalam maklumat bahan ini, akan disenaraikan maklumat tarikh dan tahun bahan itu diterbitkan serta sumber bahan tersebut. Secara tidak langsung, semua maklumat seperti yang dinyatakan di atas menjadi bukti hasil dapatan.

Daripada 500 konkordans yang dicari, tidak semua merupakan kata adjektif majmuk warna. Purata bilangan kata adjektif majmuk warna yang ditemui daripada 500 konkordans hanya tiga sehingga 20 konkordans yang benar-benar merupakan kata adjektif majmuk warna. Hal ini belaku demikian kerana bilangan kata adjektif majmuk tersebut agak terhad.

Langkah7 – Hasil Dapatan Carian

Langkah yang ketujuh merupakan langkah yang terakhir dalam proses carian konkordans. Berdasarkan rajah di atas, kelihatan keputusan carian konkordans. Dalam keputusan ini, antara item yang ditunjukkan ialah carian kata, contohnya *biru* (sebagai konkordans); item bilangan konkordans, contoh sebanyak 47 konkordans (*biru*) telah ditemui; dan item terakhir yang ditunjukkan ialah sumber bahan berserta tarikh dan tahun yang dipaparkan pada bahagian sebelah kanan teks.

Kesimpulannya, hasil carian konkordans (kata) dengan menggunakan pangkalan data korpus ini sangat membantu kajian ini, berikutan bilangan kata adjektif majmuk yang terhad amat. Oleh itu, penggunaan pangkalan data korpus ini sangat membantu dalam pencarian kata adjektif majmuk warna bagi satu tempoh yang agak lama, iaitu untuk tempoh 15 tahun.

Yang dimaksudkan dengan kajian eksperimental di sini ialah pengaplikasian pangkalan data korpus DBP, iaitu kaedah mencuba sistem digital dengan kaedah cuba jaya berdasarkan kajian, bagi mendapat kata adjektif majmuk warna. Kaedah ini bersamaan dengan kaedah eksperimental, iaitu pengkaji akan mencuba beberapa kaedah yang bersesuaian dalam eksperimen dengan berdasarkan kemahiran yang ada bagi menjayakan eksperimen yang dijalankan.

2.4 Kerangka Teori

Kajian ini berbentuk deskriptif dan berlandaskan pendekatan sinkronik. Dalam menghuraikan proses pembentukan kata, pendekatan struktural digunakan, iaitu melihat binaan perkataan dari segi hubungan sintagmatik dan paradigmatis.

Di Eropah, de Saussure telah mempelopori aliran linguistik sinkronik, iaitu kajian terhadap bahasa sebagai sistem yang wujud pada satu masa tertentu. Buah-buah fikiran utama de Saussure tentang linguistik sinkronik terkandung di dalam bukunya bertajuk *Course in General Linguistics*. Dalam hal ini, de Saussure dilihat mengetengahkan konsep linguistik sinkronik untuk mengatasi kelemahan-kelemahan pendekatan sejarah/komparatif yang wujud sebelum itu (de Saussure, F., 1916). Menerusi pendekatan sinkronik ini, de Saussure menitikberatkan aspek sosial yang melihat cara penggunaan bahasa yang benar-benar digunakan, iaitu melihat semua pernyataan dibuat berdasarkan bukti-bukti empirikal. Dari segi teknik, de Saussure menggunakan teknik kajian yang bersifat deskriptif yang dilihat lebih sesuai bagi penghuraian kajian menerusi hubungan paradigmatis (hubungan atas ke bawah) dan sintagmatik (hubungan horizontal).

Hubungan sintagmatik atau hubungan horizontal ialah hubungan antara unsur-unsur yang terdapat dalam suatu tuturan, yang tersusun secara berurutan dan bersifat linear. Hubungan dalam tataran morfologi boleh dilihat pada urutan morfem-morfem pada suatu kata, yang juga tidak dapat diubah tanpa merosakkan makna daripada kata tersebut. Ada kalanya maknanya berubah dan ada kalanya tidak mempunyai makna, contohnya *segi tiga* dan *tiga segi*. Seterusnya, hubungan paradigmatis (hubungan atas ke bawah) ialah hubungan antara unsur-unsur yang terdapat dalam suatu tuturan dengan unsur-unsur sejenis yang tidak terdapat dalam tuturan yang bersangkutan. Hubungan ini dapat dilihat dengan cara penggantian, baik pada tataran fonologi, morfologi maupun sintaksis. Hubungan paradigmatis pada tataran morfologi dapat dilihat pada contoh prefiks *me-*, *di-*, dan *te-* yang terdapat pada kata-kata *merawat*, *dirawat*, dan *terawat*.

Untuk menghuraikan kedudukan kata adjektif dalam ayat, teknik rajah pohon seperti yang digunakan dalam aliran Transformasi Generatif (T-G) turut digunakan dalam kajian ini. Dalam kerangka kajian ini, pendekatan teori standard menjadi pegangan


kerana bersesuaian dengan kajian. Aspek yang digunakan ialah teknik rajah pohon bagi menggambarkan konstituen-konstituen frasa dalam binaan ayat.

Teknik rajah pohon ialah teknik menggambarkan konstituen-konstituen ayat melalui kerangka sebatang pokok. Pokok itu mempunyai dahan dan ranting. Ayat dilambangkan oleh sebatang pohon dan dahan-dahan dilambangkan oleh frasa-frasa utama oleh ayat. Yang berikut ialah beberapa contoh:

(a) Rajah pohon bagi ayat

Kata adjektif hadir di dalam ayat sebagai unsur predikat atau sebagai unsur penerang di dalam subjek atau predikat. Perhatikan contoh rajah pohon bagi ayat-ayat berikut.


- 1) Lelaki itu sangat rajin.



Rajah 2.3 : Rajah Pohon Bagi Ayat (1)

Rajah pohon di atas terdiri daripada FN subjek dan FA predikat. Binaan FA ialah kata adjektif *rajin* yang didahului oleh kata penguat hadapan *sangat*.

2) Buah nanas itu manis di pangkalnya.



Rajah 2.4: Rajah Pohon Bagi Ayat (2)

Ayat di atas juga terdiri daripada frasa adjektif sebagai predikat. Pada kali ini, frasa adjektif terdiri daripada kata adjektif *manis* dan diikuti oleh frasa sendi nama *di pangkalnya* sebagai unsur penerang.

2.5 Rumusan

Sebagai kesimpulan, ketiga-tiga kaedah ini, iaitu kaedah kajian kepustakaan, kaedah kajian teks dan kaedah eksperimental dipilih berdasarkan keperluan kajian dan didapati ketiga-tiga kaedah ini juga dapat membantu kajian dalam mendapatkan data kajian dan seterusnya melengkapkan kajian. Pendekatan sinkronik dan teknik rajah pohon pula digunakan untuk membuat analisis terhadap binaan perkataan dan ayat.

BAB 3 : BENTUK DAN JENIS KATA ADJEKTIF DALAM MAJALAH *IMPIANA*

3.1 Pendahuluan

Perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu terbina melalui proses pembentukan yang pelbagai. Terdapat perkataan yang bersifat tunggal dan perkataan yang terbentuk menerusi tiga proses, iaitu proses pengimbuhan, pemajmukan, dan penggandaan. Hal ini turut terjadi pada kata adjektif. Ada kata adjektif yang terdiri daripada kata tunggal dan ada yang terbentuk menerusi tiga proses di atas.

Kata adjektif mempunyai empat bentuk, iaitu kata adjektif tunggal, kata adjektif terbitan, kata adjektif majmuk, dan kata adjektif ganda. Golongan kata adjektif dikatakan tidak mempunyai subgolongan yang ketara; namun begitu, menurut Nik Safiah Karim et. al., (2010:226), kata adjektif mempunyai sembilan jenis. Penjenisan ini dilakukan berdasarkan kriteria makna. Sembilan jenis kata adjektif tersebut ialah kata adjektif sifatan atau keadaan, warna, ukuran, bentuk, waktu, jarak, cara, perasaan, dan pancaindera.

Pelbagai bentuk kata adjektif dapat dihasilkan menerusi proses pembentukan kata. Proses tersebut ialah pengimbuhan, pemajmukan, dan penggandaan. Melalui proses pembentukan kata ini terhasil bentuk kata adjektif tunggal, kata adjektif terbitan, kata adjektif ganda dan kata adjektif majmuk. Dalam bab ini akan dikenal pasti bentuk kata adjektif (para 3.2) dan jenisnya (para 3.3) yang terdapat dalam majalah *Impiana*.

3.2 Bentuk Kata Adjektif

Dalam bahagian ini akan dibincangkan bentuk kata adjektif dalam majalah *Impiana*. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga bentuk kata adjektif yang ditemui, iaitu kata adjektif tunggal, kata adjektif terbitan dan kata adjektif majmuk. Ketiga-tiga bentuk kata ini dilihat menepati piawaian *Tatabahasa Dewan*.

3.2.1 Kata Adjektif Tunggal

Kata adjektif tunggal ialah kata dasar yang tidak melalui proses-proses pembentukan kata seperti pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Bentuk kata ini terdiri daripada hanya satu perkataan. Kata adjektif tunggal digunakan dalam ayat sebagai predikat dan juga sebagai penerang kata nama.

Kata adjektif tunggal yang ditemui dalam majalah *Impiana* terdiri daripada dua jenis, iaitu (a) kata adjektif tunggal jati bahasa Melayu dan (b) kata adjektif yang dipinjam daripada bahasa asing, terutamanya bahasa Inggeris. Jumlah keseluruhan kedua-dua jenis kata adjektif yang ditemui ialah 269 kata.

3.2.1.1 Kata Adjektif Tunggal Jati

Hasil kajian menunjukkan jumlah keseluruhan bentuk kata adjektif tunggal jati dalam bahan kajian yang ditemui ialah 223 kata daripada keseluruhan 269 bentuk kata yang ditemui dengan peratusannya 82.90 %. Jumlah ini berdasarkan analisis ke atas 163 halaman dalam majalah *Impiana*. Jumlah ini juga merupakan antara jumlah tertinggi bagi kesemua bentuk kata adjektif yang telah dikenal pasti. Yang berikut ialah beberapa contoh kata adjektif tunggal jati yang ditemui.

- | | | | |
|------------|------------|-------------|------------|
| 1. ringkas | 6. cukup | 11. selesa | 16. cantik |
| 2. baru | 7. ramai | 12. sedikit | 17. luas |
| 3. bijak | 8. sesuai | 13. indah | 18. empuk |
| 4. mudah | 9. mewah | 14. lama | 19. erat |
| 5. banyak | 10. santai | 15. besar | 20. gusar |

Di atas merupakan antara bentuk kata adjektif tunggal jati yang mempunyai kekerapan yang tinggi dalam bahan yang dikaji dan disusun bermula dengan kekerapan paling tinggi sehingga paling rendah. Perkataan *ringkas* merupakan kata adjektif tunggal jati yang mempunyai kekerapan yang paling tertinggi, iaitu sebanyak 37 kali, diikuti oleh perkataan *baru* sebanyak 27 kali kekerapan dan perkataan *bijak* sebanyak 25 kali. Bagi contoh tiga terakhir di atas, perkataan *empuk* hadir sebanyak tiga kali, diikuti dengan perkataan *erat* sebanyak dua kali dan perkataan *gusar* dengan satu kali kekerapan. Ini merupakan antara contoh kata yang paling rendah kehadirannya.

3.2.1.2 Kata Adjektif Tunggal Pinjaman

Kata adjektif tunggal pinjaman ialah kata adjektif dalam bahasa Melayu yang telah dipinjam daripada bahasa lain. Jumlah kata adjektif tunggal pinjaman yang telah ditemui ialah sebanyak 46 kata dengan peratusan sebanyak 17.10 %. Di bawah disenaraikan sebahagian kata adjektif tunggal pinjaman yang telah ditemui:

- | | |
|--------------|-------------|
| 1. moden | 6. elegan |
| 2. unik | 7. istimewa |
| 3. eksklusif | 8. dramatik |

- | | | |
|----|--------------|------------|
| 4. | klasik | 9. neutral |
| 5. | kontemporari | 10. antik |

Kesemua kata adjektif tunggal pinjaman yang disenaraikan di atas merupakan perkataan yang tinggi kekerapannya dan disusun mengikut jumlah kekerapan. Jumlah paling tertinggi bagi kekerapan penggunaan bentuk kata adjektif jenis ini ialah pada perkataan *moden* dengan jumlah 34 kali kekerapan. Kemudian diikuti dengan perkataan *unik* dengan jumlah 20 kali dan seterusnya perkataan *eksklusif* sebanyak 13 kali. Empat perkataan daripada jenis bentuk kata ini telah dikenal pasti hadir dengan kekerapan pengulangan penggunaannya sebanyak 1 kali. Perkataan yang dimaksudkan ialah *artistik*, *efisien*, *komersil* dan *seksi*. Namun begitu, terdapat sebanyak 20 perkataan yang dikenal pasti tidak mengalami sebarang pengulangan kehadirannya dan perkataan-perkataan ini diklasifikasikan sebagai perkataan yang paling rendah kekerapan penggunaannya.

Secara keseluruhannya, jumlah kata adjektif tunggal jati dilihat mengatasi jumlah kata adjektif tunggal pinjaman dengan perbezaan sebanyak 177 kata dengan peratusan sebanyak 65.80 %. Bentuk kata adjektif tunggal ini juga merupakan antara bentuk kata yang paling tinggi kehadirannya dalam majalah *Impiana* dengan jumlah 269 kata daripada jumlah keseluruhan bentuk kata adjektif yang ditemui, iaitu sebanyak 372 kata atau 72.31%.

3.2.1.3 Unsur yang Diterangkan oleh Kata Adjektif Tunggal

Fungsi kata adjektif adalah untuk menerangkan kata nama. Agak menarik juga jika dilihat unsur-unsur kata nama yang diterangkan oleh kata adjektif tunggal dalam bahan yang dikaji. Seperti yang diterangkan di atas, hasil kajian mendapati dua jenis kata

adjektif tunggal, iaitu kata adjektif tunggal jati dan kata adjektif tunggal pinjaman, yang berfungsi menerangkan unsur kata nama yang hadir bersama dengannya.

Yang berikut ialah contoh-contoh frasa nama dengan kata adjektif tunggal jati dan kata adjektif tunggal pinjaman yang menerangkannya. Penyusunan jenis frasa nama yang diterangkan oleh kata adjektif turut mengambil kira jumlah kehadiran, iaitu bermula dengan yang paling banyak sehingga yang paling sedikit.

(i) Frasa Nama Tentang Aksesori Kediaman

Perkataan ‘aksesori’, menurut *Kamus Dewan* (2007:26), membawa maksud sesuatu yang bersifat tambahan kepada sesuatu benda dan bukan sesuatu yang sememangnya ada padanya. Perkataan ‘kediaman’ pula merupakan istilah yang digunakan dalam bahasa Melayu bagi menggambarkan rumah atau tempat tinggal. Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa aksesori kediaman di sini membawa maksud sesuatu tambahan yang digunakan khusus bagi sesebuah kediaman dengan tujuan utamanya untuk memperindah dan melengkapkan lagi keadaan sesebuah rumah.

Frasa nama tentang aksesori kediaman terbahagi kepada tiga jenis, iaitu aksesori kediaman yang utama, diikuti dengan dua jenis aksesori kediaman tambahan, iaitu aksesori hiasan dalaman kediaman dan aksesori hiasan luaran kediaman.

Di bawah ialah contoh frasa nama tentang aksesori kediaman yang mengandungi kata adjektif tunggal jati. Frasa ini terbentuk dengan unsur kata nama daripada aksesori kediaman dengan kata adjektif tunggal jati yang bertindak sebagai penerang. Jumlah kehadiran bagi frasa nama ini adalah sebanyak empat.

Jadual 3.1 : Frasa Nama Tentang Aksesori Kediaman

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif
1. daun pintu	tunggal
2. kaca	jernih
3. lantai	hitam
4. lantai	kekal

Yang berikut ialah contoh dalam ayat; hanya tiga contoh sahaja yang diberikan bagi setiap kes.

1. Apabila *daun pintu tunggal* dikuak luas, soal keselesaan jelas tidak 'ditenggelamkan' oleh penataan dekorasi apabila kedua-duanya diperincikan dengan teliti.
2. ... anda boleh memilih meja berpermukaan *kaca jernih* bagi mengurangkan rasa sempit.
3. Pilihan berani memilih *lantai hitam*.

Bagi frasa nama tentang aksesori kediaman dengan kata adjektif tunggal pinjaman, didapati hanya satu sahaja yang ditemui daripada bahan kajian, iaitu *lampu siling unik*, iaitu *unik* menerangkan *lampu siling*.

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

4. Pilih perabot dan objek aksesori yang mencukupi tumpuan seperti, *lampu siling unik*, atau lukisan kanvas agar mudah mata cepat berfokus kepadanya.

Seterusnya, didapati dua jenis frasa aksesori tambahan yang ditemui dalam bahan kajian sebagai pelengkap kepada aksesori utama kediaman, iaitu frasa nama tentang aksesori hiasan dalaman kediaman dan aksesori hiasan luaran kediaman.

(a) Frasa nama tentang aksesori hiasan dalaman kediaman

Seperti yang dikatakan sebelum ini, aksesori bermaksud bahagian yang merupakan tambahan kepada sesuatu alat dan lain-lain. Frasa nama jenis ini lebih merujuk kepada alatan tambahan yang dijadikan sebagai hiasan dalaman bagi sesebuah kediaman.

Di bawah ialah contoh frasa nama tentang aksesori hiasan dalaman kediaman yang mengandungi kata adjektif tunggal jati

Jadual 3.2 : Frasa Nama Tentang Aksesori Hiasan Dalaman Kediaman
(KA Tunggal Jati)

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif
1. ambal	hijau
2. cermin muka	besar
3. lampu meja	tunggal
4. porselin	hijau
5. permaidani	kecil

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

5. Pilihan *ambal hijau* bagi menyerlahkan sofa yang hampir kesemuanya berwarna gelap dan hitam.
6. *Cermin muka besar* dengan ukiran Jawa di dinding utamanya boleh dikatakan sebagai pemancing mata.
7. Tampil dengan dekorasi anggun serba mewah, ia dilengkapi rak almari besar bersama meja belajar, kerusi serta *lampu meja tunggal*.

Yang berikut ialah frasa nama tentang aksesori hiasan dalaman kediaman dengan kata adjektif tunggal pinjaman, berserta contoh dalam ayat.

Jadual 3.3 : Frasa Nama Tentang Aksesori Hiasan Dalaman Kediaman

(KA Tunggal Pinjaman)

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif
1.barangan	antik
2.cermin berdiri	antik
3.pelita	klasik
4.lukisan	klasik

8. Pilihan *barang antik* di tengah-tengah tata hias moden sudah pastinya memberikan satu kelaianan artistik.
9. Seperti di ruang pamer ini, Puan Rozy hanya menampilkan *cermin berdiri antik* dan selebihnya khusus kepada nuansa Anglo-Indian moden yang ditampilkan.
10. ... anda juga boleh menempatkan aksesori lain seperti *pelita klasik*, bingkai gambar mahupun pasu seramik...

(b) Frasa nama tentang aksesori hiasan luaran kediaman

Frasa nama jenis ini lebih menjurus kepada segala bentuk aksesori hiasan yang menghiasi bahagian luar sesebuah kediaman, terutamanya pada kawasan halaman rumah. Namun begitu, bagi frasa ini hanya terdapat satu sahaja frasa yang berkaitan yang ditemui dalam bahan kajian. Frasa tersebut terdiri daripada kata adjektif tunggal jati, iaitu *payung kanopi dempak*, contoh ayat:

11. Struktur yang kelihatan seperti *payung kanopi dempak* ini dilihat amat berpadanan dengan idea ruang makan ala taman di balkoni.

Secara keseluruhannya bagi frasa jenis ini, jumlahnya sebanyak 26 dan merupakan jumlah paling tinggi berbanding frasa-frasa nama jenis lain. Frasa jenis ini terbahagi pula kepada tiga bahagian kecil, iaitu frasa nama tentang aksesori kediaman utama, frasa nama tentang aksesori kediaman dalaman, dan frasa nama tentang aksesori kediaman luaran dan hasil kajian mendapati bahawa ketiga-tiga jenis frasa ini menunjukkan jumlah yang mempunyai perbezaan yang ketara. Jumlah frasa nama tentang aksesori hiasan dalaman kediaman yang hadir bersama kata adjektif tunggal jati dan kata adjektif tunggal pinjaman ialah sebanyak 21. Daripada jumlah ini, didapati kehadiran frasa nama dengan kata adjektif tunggal jati didapati sebanyak 17 dan frasa nama dengan kata adjektif tunggal pinjaman sebanyak empat sahaja. Jumlah ini dilihat lebih banyak berbanding dengan jumlah frasa tentang akseseori kediaman utama, iaitu sebanyak lima sahaja dengan kehadiran frasa nama dengan kata adjektif tunggal jati didapati sebanyak empat dan frasa nama dengan kata adjektif tunggal pinjaman sebanyak satu sahaja. Seterusnya, hasil dapatan bagi frasa nama tentang aksesori hiasan luaran kediaman merupakan jumlah paling sedikit dengan jumlah sebanyak satu sahaja.

(ii) **Frasa nama tentang perabot**

‘Perabot’ diambil daripada bahasa Jawa yang membawa maksud alat perkakas. Perabot juga didefinisikan sebagai perkakas rumah, seperti kerusi dan meja. Pelbagai jenis perabot ditemui dalam bahan kajian yang bertindak sebagai unsur yang diterangkan oleh kata adjektif. Didapati sebanyak 19 frasa nama tentang perabot dengan kehadiran kata adjektif tunggal jati bersamanya sebagai penerang dan tiga frasa nama dengan kata

adjektif tunggal pinjaman. Jumlah keseluruhan kehadiran bagi frasa dan bentuk kata adjektif ini adalah sebanyak 22.

Jadual 3.4 : Frasa Nama Tentang Perabot (KA Tunggal Jati)

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif
1. bangku	panjang
2. kerusi konsol	lama
3. meja makan	putih
4. rak almari	besar
5. sofa	lebar

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

12. *Bangku panjang* berkaki kayu ditempatkan bersama sepasang kerusi rotan ...
13. *Kerusi konsol lama* yang masih dipakai dan dalam keadaan baik ...
14. *Meja makan putih semestinya* mencetus rasa santai ...

Bagi frasa nama tentang perabot yang melibatkan penggunaan kata adjektif tunggal pinjaman, terdapat tiga sahaja. Contohnya adalah seperti yang di bawah:

Jadual 3.5 : Frasa Nama Tentang Perabot (KA Tunggal Pinjaman)

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif
1. perabot	antik
2. perabot	klasik
3. perabot	moden

Yang berikut ialah contoh dalam ayat

15. Jika tidak mahu memilih *perabot antik* atau dikenakan dengan rona 'rosewood' atau rona kayu jati Burma, anda boleh memilih gaya kontemporari yang lebih bersahaja dan terang.
16. Lengkap dengan dua aset pintu gaya Perancis serta *perabot klasik* minimal ...
17. Bagi anda yang mahukan *perabot moden* untuk ruang sempit, tidak kiralah di pejabat atau kediaman, inilah perabot bijak yang perlu anda dapati.

Jumlah keseluruhan frasa nama tentang perabot dengan kata adjektif tunggal jati dan pinjaman ialah sebanyak 22. Frasa nama tentang perabot dengan kata adjektif tunggal jati adalah sebanyak 19, sementara dengan kata adjektif tunggal pinjaman, sebanyak tiga sahaja.

(iii) Frasa nama tentang unsur alam

Menurut *Kamus Dewan* (2007:30), alam didefinisikan sebagai dunia dan bumi. Selain itu, segala sesuatu yang ada di langit dan di bumi seperti bintang-bintang, tenaga-tenaga yang ada, dan lain-lain juga dikenali sebagai alam. Dengan erti kata lain, unsur alam meliputi segala benda hidup atau mati yang ada di dalamnya. Berikut ialah contoh-contoh bagi frasa nama tentang unsur alam bersama kata adjektif sebagai penerang.

Jadual 3.6 : Frasa Nama Tentang Unsur Alam (KA Tunggal Jati)

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif
1. angin	segar
2. daun	pohon rendang
3. mata air	jernih
4. pucuk	muda
5. tanah	besar

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

18. Sekala-sekala, terasa juga hembusan *angin segar* daripada celahan sengkuap.
19. Perhatikan pada sentuhan kertas dinding yang kelihatan seperti bayangan *daun pohon rendang* pada dinding ruang tamu.
20. Laksana dihujani *mata air jernih* di destinasi tropika tersebunyi ...

Frasa nama tentang alam dengan kata adjektif tunggal pinjaman yang ditemui adalah seperti yang di bawah:

Jadual 3.7 : Frasa Nama Tentang Unsur Alam (KA Tunggal Pinjaman)

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif
1. cahaya	dramatik
2. rimba	moden

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

21. Cuma daripada aspek pencahayaan yang terlindung dan kesan *cahaya dramatik* ...
22. Itulah juga yang menghidupkan rekaan ala *rimba moden* di kediaman unik ini.

Hasil kajian menunjukkan jumlah keseluruhan frasa tentang unsur alam dengan kata adjektif tunggal jati dan kata adjektif tunggal pinjaman yang ditemui ialah sebanyak 17, dengan kata adjektif tunggal jati 15 berbanding dengan dua sahaja bagi frasa nama tentang unsur alam dengan kata adjektif tunggal pinjaman.

(iv) Frasa nama tentang konsep dan ruang kediaman

Kediaman bermaksud tempat tinggal. Dalam frasa ini, perihal konsep dan ruang kediaman diberi tumpuan. Ruang bagi sesebuah kediaman diertikan sebagai sesuatu

tempat khusus bagi sesuatu aktiviti khusus seperti, bilik tidur dan ruang tamu. Yang berikut ialah contoh-contoh frasa nama tentang konsep dan ruang kediaman yang diterangkan oleh kata adjektif tunggal.

Jadual 3.8 : Frasa Nama Tentang Konsep dan Ruang Kediaman

(KA Tunggal Jati)

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif
1. efek	ceria
2. dekorasi	anggun
3. kediaman	mewah
4. ruang tamu	luas
5. sudut	santai

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

23. Hiasan tempat duduk dengan kusyen bercorak serta berwarna agar mencipta *efek ceria*.
24. Tampil dengan *dekorasi anggun* serba mewah, ia dilengkapi rak almari besar bersama meja belajar, kerusi serta lampu meja tunggal.
25. Tiada yang lebih 'menyentuh' perasaan gembira apabila seseorang itu mampu menyediakan *kediaman mewah* untuk keluarga tersayang sebagai tempat berteduh.

Bagi frasa nama tentang konsep dan ruang kediaman dengan kata adjektif pinjaman, berikut ialah contoh-contohnya.

Jadual 3.9 : Frasa Nama Tentang Konsep dan Ruang Kediaman

(KA Tunggal Pinjaman)

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif
1.kediaman	eksklusif
2.nafas	moden
3.pejabat	mini

Yang berikut ialah contoh bagi ayat.

26. ... bagaikan berada di *kediaman eksklusif* yang terletak di bandar-bandar ternama dunia.
27. Suntikan *nafas moden* kala sang dewi dan arjuna muda menghias kediaman pasti meninggalkan impak bersahaja namun mempunyai identiti tersendiri.
28. Tempatkan ia di *pejabat mini* milik anda.

Keseluruhan hasil dapatan untuk frasa ini ialah sebanyak 15. Daripada 15 frasa ini, sembilan daripadanya terdiri daripada kata adjektif tunggal jati dan enamnya lagi terdiri daripada kata adjektif tunggal pinjaman.

(v) Frasa nama tentang warna

Warna bererti kesan yang didapati oleh mata daripada cahaya yang dipantulkan oleh sesuatu benda dengan gelombang yang berbeza-beza yang dilihatnya, contohnya rona merah dan hijau. Warna memainkan peranan penting dalam kehidupan dan ini dapat dilihat dari aspek psikologi. Contohnya, warna hijau dikatakan sebagai warna yang membawa makna subur, muda, harmoni, kemakmuran dan keseimbangan (Kusrianto, 2007).

Bagi frasa nama tentang warna dengan kata adjektif tunggal jati, didapati jumlah yang dijumpai ialah sebanyak 12. Di bawah ialah contoh-contohnya:

Jadual 3.10 : Frasa Nama Tentang Warna (KA Tunggal Jati)

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif
1. cat	putih
2. rona	biru
3. warna	ceria
4. warna	lembut
5. warna	terang

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

29. Kemasan *cat putih* disapu hanya dengan satu lapisan sahaja dengan cara bersahaja.
30. *Rona biru* semestinya menjadi pilihan untuk inspirasi alam ini.
31. ... tidak semestinya memerlukan *warna ceria* di setiap sudut ruang.

Bagi frasa nama tentang warna dengan kata adjektif tunggal pinjaman pula, terdapat hanya satu sahaja frasa yang ditemui, iaitu *warna unik*. Contoh dalam ayat seperti dibawah.

32. *Warna unik* sesuai untuk semua.

Jumlah kehadiran keseluruhan frasa nama tentang warna ialah sebanyak 13 frasa dengan 12 daripadanya merupakan kata adjektif tunggal jati. Hanya dua perkataan merujuk kategori ini, iaitu *warna* dan *rona*. Perkataan *warna* dilihat lebih kerap digunakan, iaitu sebanyak lapan kali dan perkataan *rona* pula sebanyak empat kali. Hanya satu perkataan selain perkataan *warna* dan *rona* yang turut digunakan, iaitu perkataan *cat* yang digunakan bagi menggambarkan warna.

(vi) Frasa nama tentang pemikiran, gaya, dan sikap

‘Pemikiran’ bererti perihal berfikir. Selain itu, pemikiran juga melibatkan hal-hal yang menggerakkan otak untuk beroperasi dengan cara berfikir. Gaya pula merupakan perihal tingkah laku, kelakuan, sikap, dan perangai seseorang, dan sikap juga membawa maksud yang sama. Ketiga-tiga aspek ini memainkan peranan penting sebagai unsur yang diterangkan oleh kata adjektif. Berikut ialah contoh frasa nama tentang pemikiran, gaya, dan sikap yang ditemui dalam bahan kajian.

Jadual 3.11 : Frasa Nama Tentang Permikiran, Gaya dan Sikap

(KA Tunggal Jati)

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif
1. gaya	muda
2. idea	berani
3. ilham	hebat
4. ilham	damai
5. sikap	prihatin

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

33. ... anda juga perlu memikirkan kembali corak pelan dan rekaan kediaman kerana *gaya muda* ala zaman remaja pastinya tidak sesuai lagi ...
34. Cetusan *idea berani* beliau tidak pernah gagal untuk menarik tumpuan warga antarabangsa.
35. *Ilham hebat* corak jejalur sekitar 6", 12", 18" dan 26" lebar diberi pada biasan biru yang berbeza pada setiap satunya.

Frasa nama tentang pemikiran, gaya, dan sikap juga turut terdiri daripada kata adjektif tunggal pinjaman. Berikut ialah contoh-contohnya.

Jadual 3.12 : Frasa Nama Tentang Pemikiran, Gaya dan Sikap

(KA Tunggal Pinjaman)

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif
1. gaya	elegan
2. inspirasi	istimewa
3. minda	kreatif

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

36. Aspirasi pemilik kediaman untuk menggayakan sesebuah ruang pastinya tidak terlepas daripada pemilihan item utama yang membawa *gaya elegan*.
37. Pesona rona pastel dengan gubahan bunga yang menghias ruang kediaman dengan *inspirasi istimewa* daripada pereka untuk anda sekeluarga.
38. Tiada sekelumit perasaan hambar apabila 12 *minda kreatif* dalam industri seni bina dan rekaan dalaman serta hiasan berjaya disatukan di dalam sebuah ruang galeri.

Hasil dapatan bagi frasa nama tentang pemikiran, gaya, dan sikap menunjukkan jumlah sebanyak 12 frasa nama yang terdiri daripada kata adjektif tunggal jati dan kata adjektif tunggal pinjaman. Jumlah frasa nama yang terdiri daripada kata adjektif tunggal

jati ialah sembilan dengan kata adjektif tunggal pinjaman, sebanyak tiga sahaja. Dua daripada kata adjektif tunggal pinjaman ini terdiri daripada bahasa Inggeris, iaitu perkataan *elegan* dan *kreatif*. Satu daripada kata adjektif tunggal pinjaman ini terdiri daripada bahasa Sanskrit, iaitu perkataan *istimewa*.

(vii) Frasa nama tentang perkakas dapur

‘Perkakas’ membawa maksud benda-benda yang digunakan untuk membuat sesuatu pekerjaan, seperti memasak, bertukang, dan lain-lain. Dalam hal ini konsep perkakas digunakan bagi menerangkan perihal peralatan yang digunakan di dapur untuk memasak. Dalam masa yang sama, kehadiran kata adjektif akan memainkan peranan sebagai unsur penerang bagi menerang segala aspek yang ada pada setiap perkakas dapur sama ada dari segi sifatnya, warna, ukurannya dan sebagainya. Di bawah ini ialah contoh frasa nama dengan kata adjektif tunggal jati.

Jadual 3.13 : Frasa Nama Tentang Perkakas Dapur (KA Tunggal Jati)

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif
1. dapur	basah
2. ketuhar	tetap
3. kuali	kecil
4. pinggan mangkuk	lama
5. pemukul	tetap

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

39. Datin Leyla berhasrat mahu menukar fabrik langsir di ruang santap yang terletak selari dengan *dapur basah* ...
40. *Ketuhar tetap* sering menjadi pilihan terbaik pengguna untuk dapur kecil.
41. Penyangkut baju comel! Jika tidak diletakkan di kamar beradu, anda boleh letakkan ia di ruang dapur untuk menyangkut sudip, *kuali kecil* atau tuala napkin.

Bagi frasa nama tentang perkakas dapur dengan kata adjektif tunggal pinjaman hanya satu frasa ditemui, iaitu *set cawan eksklusif*. Contoh dalam ayat.

42. Tatkala bibir menghirup teh panas di dalam *set cawan eksklusif* milik Datin Leyla, penulis melempar pandangan ke arah 'Patio' yang terletak bersebelahan dengan ruang dapur.

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat 10 frasa nama tentang perkakas dapur dengan kehadiran kata adjektif tunggal jati dan kata adjektif tunggal pinjaman. Daripada 10 frasa nama ini satu daripadanya terdiri daripada binaan yang melibatkan kata adjektif tunggal pinjaman, iaitu *set cawan eksklusif*.

(viii) Frasa nama tentang individu & keluarga

Secara amnya, individu bermkasud orang perseorangan dan keluarga pula terdiri daripada suami dan isteri berserta anak-anak. Bagi frasa nama jenis ini, sebanyak sembilan frasa nama ditemui. Berikut ialah contoh-contohnya:

Jadual 3.14 : Frasa Nama Tentang Individu dan Keluarga (KA Tunggal Jati)

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif
1. arjuna	muda
2. pereka	muda
3. orang	ramai
4. orang	tengah
5. wanita	jelita

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

43. Suntikan nafas moden kala sang dewi dan *arjuna muda* menghias kediaman pasti meninggalkan impak bersahaja namun mempunyai identiti tersendiri.
44. Menurut *pereka muda* ini, pemilik kediaman perlu menetapkan rona dinding berdasarkan keperibadian mereka sendiri ...

45. Lightmakers mempunyai perancangan untuk mewujudkan sebuah pusat sehenti (one stop centre) yang boleh dikunjungi pereka dalaman, pemaju projek, dan *orang ramai* untuk sesi konsultasi, penyediaan lampu (supply) dan pemasangan.

Bagi frasa nama jenis ini, kehadirannya hanya sebanyak sembilan dan kesemuanya terdiri daripada kata adjektif tunggal jati yang bergabung dengan unsur kata nama. Binaan frasa nama ini tidak menunjukkan kehadiran kata adjektif tunggal pinjaman.

(ix) Frasa nama tentang makanan dan minuman

Makanan dan minuman bererti apa sahaja yang boleh dimakan seperti nasi, roti, teh dan lain-lain. Dalam frasa nama ini, penggunaan kata adjektif dilihat lebih berkecederungan bagi menerangkan sifat atau keadaan yang ada pada sesuatu makanan dan minuman, seperti *panas* dan *tebal*. Jumlah frasa nama tentang makanan dan minuman dengan kata adjektif tunggal jati menunjukkan jumlah sebanyak tujuh.

Jadual 3.15 : Frasa Nama Tentang Makanan dan Minuman (KA Tunggal Jati)

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif
1. air	panas
2. doh	tebal
3. kudapan	ringkas
4. manisan	manja
5. teh	panas

Yang berikut contoh dalam ayat.

- 46. ... jumlah *air panas* daripada 'heater' yang memadai adalah sebanyak 50 gelen.
- 47. Cara terbaik untuk mengguli *doh tebal*, menghancurkan kentang atau menghancurkan ais ...
- 48. ... kami menganjurkan acara seperti majlis bacaan Yasin, rumah terbuka dan sebagainya, " tambah beliau lagi sambil menjamu kami dengan *kudapan ringkas*.

Bagi frasa nama tentang makanan dan minuman dengan kata adjektif pinjaman hanya ditemui dua sahaja, iaitu *juadah istimewa* dan *hidangan istimewa* dengan contoh ayatnya:

49. Jangan lupa tempatkan *juadah istimewa* anda....
50. Inilah masanya menjamu selera dengan resipi baru atau *hidangan istimewa* anda.

Jumlah frasa nama tentang makanan dan minuman yang telah dijumpai hadir bersama kata adjektif tunggal jati ialah sebanyak tujuh. Sebanyak dua frasa nama tentang makanan dan minuman yang ditemui hadir bersama kata adjektif tunggal pinjaman.

(x) Frasa nama tentang masa

Masa ialah waktu atau ketika, jangka waktu tertentu yang agak lama dan juga berkaitan dengan sesuatu peristiwa serta jangka waktu tertentu yang ada permulaan dan batasnya. Perihal masa juga dilihat turut memainkan peranan penting sebagai unsur yang diterangkan oleh kata adjektif tunggal dalam binaan frasa ini. Berikut ialah contoh frasa nama yang terdiri daripada kata adjektif tuggal jati.

Jadual 3.16 : Frasa Nama Tentang Masa (KA Tunggal Jati)

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif
1. jangka masa	panjang
2. masa	singkat
3. tahun	baru
4. waktu	lapang
5. waktu	senggang

Yang berikut contoh dalam ayat.

51. Setiap penataan ruang diteliti agar nilai pembelian mereka itu memberi makna untuk *jangka masa panjang* dan 'Sky Habitat' di Singapura ini tidak terkecuali.
52. Selain daripada lampu hiasan beliau juga akan pastikan perhiasannya tidak keterlaluan dan mudah dikemas dalam *masa singkat* jika bersepeh.
53. Buat Puan Laila, sesekali beliau memerlukan *waktu senggang* bersama buih mandian dan lilin aromaterapi.

Jumlah frasa nama tentang perihal masa ini hanya lima sahaja yang ditemui daripada bahan kajian dan kelima-limanya terdiri daripada kata adjektif tunggal jati.

Secara keseluruhannya, frasa nama yang pelbagai ini menunjukkan kepelbagaiian frasa nama yang wujud sebagai unsur yang diterangkan oleh kata adjektif tunggal. Dalam masa yang sama, menunjukkan kepentingan kata adjektif bukan hanya sahaja berperanan dalam frasa adjektif tetapi turut berperanan dalam frasa lain seperti frasa nama. Secara tidak langsung hal ini memperlihatkan bahawa kata adjektif mempunyai fungsi yang pelbagai dengan keupayaannya dalam menerangkan pelbagai perihal seperti perabot, unsur alam, warna dan sebagainya daripada pelbagai aspek seperti sifat, ukuran dan warna.

Terdapat sebanyak 10 jenis frasa nama yang pelbagai binaannya diterangkan oleh kata adjektif tunggal jati dan pinjaman dalam bahan kajian. Daripada 10 jenis frasa nama yang hadir, frasa nama tentang aksesori kediaman dilihat paling banyak ditemui dengan jumlah sebanyak 26, diikuti oleh frasa nama tentang aksesori perabot, sebanyak 22, dan frasa nama tentang alam sebanyak 17.

Jumlah yang paling rendah dapat dilihat pada frasa nama tentang masa, iaitu sebanyak lima sahaja, diikuti oleh frasa nama tentang makanan dan minuman dan frasa nama tentang individu dan keluarga, masing-masing sebanyak sembilan dan frasa nama tentang perkakas dapur juga dikategorikan berada pada tahap rendah, iaitu sebanyak 10. Empat jenis frasa lagi dikategorikan berada pada tahap pertengahan. Keseluruhan hasil kajian ini menunjukkan kepelbagaiannya unsur frasa nama sangat banyak untuk menjadi unsur yang diterangkan oleh kata adjektif tunggal. Hal ini secara tidak langsung turut memperlihatkan keupayaan kata adjektif dalam peranannya sebagai unsur keterangan kepada kata nama yang hadir bersamanya.

3.2.2 Kata Adjektif Terbitan

Kata adjektif terbitan ialah kata adjektif yang terbentuk dengan kata dasarnya ditambah imbuhan. Dalam bahasa Melayu terdapat empat jenis imbuhan, iaitu imbuhan awalan, akhiran, sisipan dan apitan. Hasil kajian menunjukkan hanya imbuhan awalan *ter-* dan *se-* sahaja yang hadir bersama kata adjektif, seterusnya membentuk kata adjektif terbitan.

Di bawah ini akan dibincangkan kata adjektif terbitan yang menerima imbuhan-imbuhan. Yang berikut huraian tentang kata-kata adjektif berawalan:

3.2.2.1 Kata adjektif berawalan

Dalam bahasa Melayu, kata adjektif berawalan terbahagi kepada dua, iaitu awalan *ter-* dan *se-*. Kedua-duanya mempunyai fungsi yang tersendiri.

(i) Kata adjektif berawalan *ter-*

Awalan ini berfungsi menerbitkan kata adjektif apabila bergabung dengan kata dasar yang sememangnya daripada jenis kata adjektif. Kata adjektif terbitan ini berfungsi sebagai penjelasan bagi keadaan perbandingan atau keadaan paling.

Di bawah ini disenaraikan beberapa contoh kata adjektif terbitan berawalan *ter-* yang didapati daripada bahan kajian.

- | | |
|-------------|-------------|
| 1. terindah | 4. terdekat |
| 2. ternyata | 5. terkenal |
| 3. terbesar | 6. tercinta |

Senarai contoh kata adjektif terbitan yang menerima awalan *ter-* seperti di atas disusun mengikut tahap kekerapan kehadiran, iaitu bermula dengan jumlah kekerapan tertinggi hingga kekerapan terendah. Kekerapan penggunaan bentuk kata ini paling tinggi hanyalah sebanyak tiga kali yang dapat dilihat pada kata *terindah*. Seterusnya diikuti dengan perkataan *ternyata* dengan jumlahnya hanya dua kali pengulangan serta diikuti dengan perkataan *terbesar*, *terdekat*, *terkenal* dan *teruja* dengan satu kali

kekerapan pengulangan. Perkataan *tercinta* yang disenaraikan dalam contoh di atas merupakan salah satu contoh kata yang tidak mengalami pengulangan.

Jumlah keseluruhan bagi dapatan bentuk kata ini yang menerima awalan *ter-* ialah sebanyak 16 kata atau 37.21%. Bentuk-bentuk kata ini menunjukkan perihal perbandingan perbezaan yang ketara bagi seuatu keadaan, ukuran, perasaan dan sebagainya.

(ii) Kata adjektif berawalan *se-*

Awalan *se-* berperanan menerbitkan kata adjektif terbitan yang baharu apabila bergabung dengan kata dasar adjektif, untuk membawa pengertian sama. Daripada analisis yang dilakukan, jumlah kehadirannya ialah sebanyak 27 kata, atau sebanyak 62.80%. Di bawah disenaraikan beberapa contoh kata adjektif terbitan yang telah ditemui:

- | | |
|--------------|------------|
| 1. sebenar | 4. setara |
| 2. sepanjang | 5. segenap |
| 3. sebanyak | 6. sebaik |

Senarai contoh di atas disusun mengikut jumlah kekerapan bagi kehadiran kata terbitan tersebut. Jumlah kekerapan kehadiran paling tinggi ialah enam kali pada perkataan *sebenar*, kemudian diikuti dengan perkataan *sepanjang* dengan kekerapan sebanyak empat kali. Seterusnya, perkataan *sebanyak* dengan tiga kali kekerapan, perkataan *setara* dengan dua kali kekerapan, perkataan *segenap* dengan satu kali

kekerapan dan yang paling rendah kehadiran salah satu perkataannya ialah perkataan *sebaik* tanpa berlaku sebarang pengulangan.

Jumlah keseluruhan bagi kata adjektif terbitan yang menerima awalan *se-* ialah sebanyak 27 kata dengan peratusan sebanyak 62.80%. Jumlah keseluruhan bagi bentuk kata adjektif terbitan yang telah menerima awalan *ter-* dan *se-* ialah sebanyak 43 kata atau 11.60%. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan potensi yang baik pada bentuk kata ini untuk lebih berkembang.

3.2.2.2 Kata adjektif berakhiran, berapitan, dan bersisipan

Dalam bahasa Melayu tidak wujud kata adjektif berakhiran. Kata adjektif berapitan pula hanya wujud dengan apitan *ke-...-an* seperti *kemelayuan* dan *keinggerisan*. Dalam bahan yang dikaji tidak ditemui bentuk kata adjektif apitan. Begitu juga dengan kata adjektif bersisipan, yang juga tidak ditemui penggunaannya dalam bahan kajian.

Kesimpulannya, penggunaan kata adjektif terbitan dalam majalah *Impiana* menunjukkan sebanyak 43 kata dengan peratusan sebanyak 11.60%.

3.2.2.3 Unsur yang diterangkan oleh kata adjektif terbitan

Seterusnya, kajian ini turut melihat unsur kata nama yang diterangkan oleh kata adjektif terbitan. Di bawah ialah beberapa frasa nama tentang pelbagai aspek yang menunjukkan kehadiran kata adjektif terbitan dengan pelbagai unsur frasa nama dan disusun bermula daripada jumlah tertinggi sehingga jumlah terendah.

(i) Frasa nama tentang individu dan keluarga

Secara amnya, frasa nama tentang individu dan keluarga menjelaskan perihal diri dan keluarga yang terdiri daripada suami dan isteri beserta anak-anak. Bagi frasa nama tentang individu dan keluarga pula, didapati hanya terdapat empat frasa nama yang ditemui. Berikut ialah contoh-contohnya:

Jadual 3.17 : Frasa Nama Tentang Individu dan Keluarga

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif Terbitan
1. keluarga	tercinta
2. keluarga	tersayang
3. orang	tersayang

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

54. ... beliau menghiasnya dengan jam bersaiz sederhana besar, kaki lilin serta bingkai potret *keluarga tercinta*.
55. ... raikan *keluarga tersayang* dengan kehadiran pinggan rekaan hebat ini.
56. ... apa yang penting, ia merupakan tanda hatinya untuk didedikasikasi buat *orang tersayang*.

Hanya tiga sahaja daripada jenis frasa ini yang ditemui. Ketiga-tiga kata adjektif terbitan yang hadir dalam frasa ini berfungsi menerangkan perihal individu dan keluarga dan lebih menerangkan sifatan atau keadaan.

(ii) Frasa nama tentang konsep dan ruang kediaman

Frasa nama ini menjelaskan perihal konsep dan ruang sesebuah kediaman. Dengan kata lain, frasa nama ini menerangkan kediaman secara berkonsep, seperti konsep harmoni, konsep mewah dan sebagainya. Dalam masa yang sama, frasa nama ini juga turut memberikan penekanan dan penghuraian tentang ruang atau keadaan sesuatu tempat yang khusus seperti, bilik tidur dan ruang tamu. Bagi frasa nama ini, hanya tiga sahaja yang ditemui. Berikut ialah contoh-contohnya:

Jadual 3.18 : Frasa Nama Tentang Konsep dan Ruang Kediaman

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif Terbitan
1.balkoni	separa
2.bilik tidur utama	sebenar
3. kediaman	tersergam

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

57. Bangku panjang berkaki kayu ditempatkan bersama sepasang kerusi rotan sebagai pelengkap hias di ruang *balkoni separa* ini.

58. Kedudukan *bilik tidur utama sebenar* terletak di sebelah kanan ...
59. Memiliki *kediaman tersergam* indah yang dilengkapi susunan perabot indah mempesona bukanlah mudah.

(iii). Frasa nama tentang pemikiran, gaya, dan sikap

Pemikiran, gaya, dan sikap merupakan aspek yang terangkum bersama dalam menyatakan perihal berkaitan dengan hasil pemikiran yang seterusnya mencetuskan segala bentuk tingkah laku, kelakuan dan perangai. Dalam hal ini, aspek pemikiran, gaya, dan sikap juga turut memainkan peranan penting sebagai unsur yang diterangkan oleh kata adjektif. Hanya dua sahaja daripada frasa ini yang ditemui. Berikut ialah contoh-contohnya.

Jadual 3.19 : Frasa Nama Tentang Pemikiran, Gaya dan Sikap

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif Terbitan
1. gaya	sebenar
2. reaksi	serupa

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

60. ... 'Ala New Hampton' atau 'Terra Cotta' sememangnya menyerlahkan *gaya sebenar* pasu sebagai pelengkap gaya.
61. "Ramai yang memberikan *reaksi serupa* setiap kali mereka memerhatikan kepada bahagian siling di ruang tamu ini.

(iv). Frasa nama tentang masa

Masa ialah waktu atau ketika, jangka waktu tertentu yang agak lama yang berkaitan sesuatu peristiwa serta jangka waktu tertentu yang ada permulaan dan batasnya. Bagi frasa ini hanya terdapat dua sahaja. Berikut ialah contoh-contohnya.

Jadual 3.20 : Frasa Nama Tentang Masa

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif Terbitan
1. masa	terluang
2. tahun	terbaik

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

62. ... beliau gemar menghabiskan *masa terluang* dan berlama-lama di dalam kamar mandi.
63. ... 2008 merupakan *tahun terbaik* buat saya kerana berjaya menjual banyak lukisan melalui laman sesawang di New Zealand.

(v) Frasa nama tentang aksesori kediaman

Hasil dapatan menunjukkan hanya satu sahaja frasa tentang aksesori kediaman yang ditemui, iaitu *lantai kamar utama selebar*, dan contoh dalam ayat seperti di bawah.

64. Renovasi utama membabitkan 'slab' *lantai kamar utama selebar* empat sehingga lima kaki yang dipecahkan demi memberikan ruang untuk sebuah konfigurasi 'vold'.

(vi) Frasa nama tentang perabot

Perabot bererti perkakas atau perkakas rumah seperti kerusi, meja, almari dan lain-lain. Perabot juga dianggap sebagai satu keperluan penting bagi sesebuah kediaman. Dalam bahan kajian, frasa tentang perabot hanya hadir sebanyak satu sahaja, iaitu *perabot terkini* dan contoh dalam ayat seperti di bawah.

65. Hampir kesemuanya terdiri daripada *perabot terkini* di pasaran.

(vii) Frasa nama tentang perkakas dapur

Perkakas pada amnya merupakan segala persediaan dalam bentuk barang-barang untuk sesuatu kerja yang dibuat. Perkakas dapur bermaksud segala bentuk barang yang digunakan di dapur, seperti pinggan mangkuk, pisau, papan pemotong, dan ketuhar. Hanya satu contoh sahaja yang ditemui dalam bahan kajian ini iaitu *balang halia setinggi* dan contoh dalam ayat seperti di bawah.

66. *Balang halia setinggi* dua kaki dengan sentuhan idea baru yang menyegarkan.

(viii) Frasa nama tentang warna

Warna ialah spektrum tertentu yang terdapat di dalam sesuatu cahaya sempurna (warna putih) yang merupakan pantulan daripada cahaya yang dipengaruhi oleh pigmen yang

terdapat di permukaan sesuatu benda. Hanya satu sahaja contoh didapati, iaitu *rona sedondon* dengan conoh dalam ayat:

67. ... ubah suai bermula ringkas dengan penyatuan spektrum *rona sedondon*.'

Secara keseluruhan, frasa nama yang diterangkan oleh kata adjektif terbitan hanya melibatkan lapan kategori. Frasa nama yang terdiri daripada kata yang paling banyak hanya empat bagi frasa nama tentang individu dan keluarga, diikuti dengan frasa nama tentang konsep dan ruang kediaman sebanyak tiga. Frasa nama tentang masa dan frasa nama tentang pemikiran, gaya, dan sikap, masing-masing sebanyak dua frasa dengan kehadiran kata adjektif terbitan ditemui. Jumlah paling sedikit dapat dilihat pada frasa nama tentang aksesori kediaman, frasa nama tentang perabot, frasa nama tentang perkakas dapur, dan frasa nama tentang warna, masing-masing sebanyak satu kali sahaja.

3.2.3 Kata Adjektif Ganda

Kata adjektif ganda ialah kata adjektif yang terhasil daripada proses mengulang kata dasar kata adjektif. Bentuk kata adjektif jenis ini diterbitkan melalui tiga cara, iaitu penggandaan penuh, penggandaan separa, dan penggandaan berentak.

Namun begitu, hasil kajian menunjukkan tidak ditemui kehadiran ketiga-tiga jenis proses penggandaan dalam bahan kajian.

3.2.4 Kata Adjektif Majmuk

Kata adjektif majmuk ialah perkataan yang terbentuk melalui proses mencantumkan atau merangkaikan dua perkataan atau lebih untuk membentuk perkataan baharu yang mempunyai maksud tersendiri.

Hasil kajian menunjukkan kehadiran kata adjektif majmuk sebanyak 57 kata. Peratusannya adalah sebanyak 15.32%. Di bawah ini disenaraikan beberapa contoh kata adjektif majmuk yang telah ditemui yang terdiri daripada pelbagai jenis:

- | | |
|-----------------------|------------------|
| 1. moden klasik | 4. moden tropika |
| 2. moden kontemporari | 5. merah samar |
| 3. merah jambu | 6. putih gading |

Kesemua kata adjektif majmuk yang disenaraikan di atas disusun mengikut kekerapan kehadirannya dalam bahan kajian. Bagi kata adjektif majmuk yang paling tinggi jumlah kekerapannya iaitu *moden klasik*, kekerapannya ialah 11 kali, diikuti dengan kata *moden kontemporari* sebanyak lima kali dan seterusnya perkataan *merah jambu* sebanyak empat kali kekerapan. Kata majmuk *moden tropika* hadir sebanyak tiga kali, *merah samar* sebanyak dua kali dan *putih gading* sebanyak satu kali sahaja.

Dari segi binaannya, kata adjekif majmuk terdiri daripada dua jenis, iaitu KA + KA dan KA + KN. Contoh binaan KA + KA ialah *moden klasik* dan *merah samar*, dan contoh bagi binaan KA + KN ialah *merah jambu* dan *putih gading*.

3.2.4.1 Unsur yang diterangkan

Dalam bahagian ini, fokus akan diberikan kepada unsur kata nama sebagai unsur yang diterangkan oleh kata adjektif. Berikut ialah penjelasan tentang beberapa jenis frasa nama yang hadir dengan kata adjektif.

(i) Frasa nama tentang warna

Bagi frasa nama tentang warna, didapati kehadirannya agak tinggi berbanding dengan kehadiran frasa nama yang lain yang hadir dengan kata adjektif majmuk, iaitu sebanyak 12 kata. Contohnya.

Jadual 3.21 : Frasa Nama Tentang Warna

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif Majmuk
1.rona	putih salju
2.rona	merah menyala
3.rona	kuning pudar
4.warna	hijau berkapur
5.warna	kelabu gelap

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

68. Ini kerana *rona putih salju* pada latar belakang ...

69. Biarpun rangkaian warna tersebut tidak berani dicuba ramai, padanan dengan panel khas untuk dinding utama ruang tamunya dengan pilihan *rona merah menyala* memberi impak yang sangat menarik dan luar biasa.
70. Dinding hanya perlu dicat dengan rona putih vanila atau bagi yang menggemari kesan dramatik, boleh dikenakan *rona kuning pudar...*

Perkataan *rona* dan *warna* dilihat antara perkataan yang kerap kali digunakan bersama unsur warna dalam menerangkan sesuatu warna. Dapat disimpulkan juga di sini bahawa dalam bahan yang dikaji, kata nama sebelum kata adjektif majmuk warna hanya terbatas pada penggunaan perkataan *rona* dan *warna* yang ditemui.

(ii) Frasa nama tentang unsur alam

Frasa nama tentang alam juga melibatkan penggunaan kata adjektif majmuk sebagai unsur penerang. Yang berikut ialah contoh yang ditemui dalam bahan kajian:

Jadual 3.22 : Frasa Nama Tentang Unsur Alam

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif Majmuk
1. alam	semula jadi
2. bunga	merah hati
3. cahaya	semula jadi
4. kayu	semula jadi
5. mawar	merah jambu

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

71. Pendekatan berani ini juga merupakan kesinambungan konsep *alam semula jadinya* ...
72. Paling saya suka sudah tentulah corak *bunga merah hati* dengan latar putih.
73. Bagi saya, dua warna ini sangat melengkapi antara satu sama lain ibarat sekuntum *mawar merah jambu* dan tangkainya.

Jumlah bagi hasil dapatan frasa tentang alam dengan kata adjektif majmuk ialah sebanyak tujuh.

(iii) Frasa nama tentang perabot

Bagi frasa ini, terdapat empat unsur kata nama tentang perabot yang diterangkan oleh kata adjektif majmuk. Perabot ialah perkataan daripada bahasa Jawa yang membawa maksud perkakas dan perkakas rumah, seperti kerusi dan meja.

Jadual 3.23 : Frasa Nama Tentang Perabot

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif Majmuk
1. bidai roman	putih gading
2. rak	putih kayu
3. sofa	hijau epal
4. sofa	moden kontemporari

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

74. Menyedari rona gelap menguasai segenap ruang, *bidai roman putih gading* dengan rekaan garisan sisi perang karamel yang dijadikan gandingan demi memberi kesimbangan warna dan seri ruang.
75. Sebuah *rak putih kayu* dilengkapi beberapa aksesori terletak berdekatan dengan ruang makan ini.
76. Contohnya, bilik yang diselimuti rona 'beige' mampu diserlahkan dengan *sofa hijau epal*.

(iv) Frasa nama tentang aksesori kediaman

Bagi aksesori kediaman, kajian telah membahagikannya kepada tiga jenis, iaitu aksesori kediaman (umum), aksesori hiasan dalaman kediaman, dan aksesori hiasan luaran kediaman. Namun begitu, dalam kajian ini, hanya frasa nama tentang aksesori hiasan dalaman kediaman ditemui.

Aksesori kediaman secara amnya ialah segala bentuk tambahan kepada sesebuah kediaman. Namun bagi frasa aksesori hiasan dalaman kediaman, frasa ini lebih memberikan penekanan kepada aksesori hiasan dalaman pada sesebuah kediaman. Bagi frasa nama ini, hanya tiga sahaja frasa nama tentang aksesori kediaman yang ditemui, seperti dalam jadual berikut.

Jadual 3.24 : Frasa Nama Tentang Aksesori Hiasan Dalaman Kediaman

Frasa Nama	
Kata Nama	Kata Adjektif Majmuk
1. ambal	merah hati
2. kertas dinding	perang gangsa
3. permaidani	moden kontemporari

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

- 77. Cuma menggunakan *ambal merah hati* sebagai pemancing mata agar ruang tidak tampil terlalu pucat.
- 78. Rona neutral pilihannya diserahkan dengan pilihan *kertas dinding perang gangsa* lantas menimbulkan kesan dramatik.
- 79. Memilih *permaidani moden kontemporari* dengan bulu pendek bersimpul rona putih bagi memberi keseimbangan kepada ruang yang ada ...

Terdapat hanya satu frasa nama yang melibatkan kehadiran kata adjektif majmuk pinjaman, iaitu *permaidani moden kontemporari*. Dalam hal ini, kata adjektif majmuk ini mengalami penggabungan dua kata adjektif tunggal pinjaman, iaitu *moden + kontemporari*.

(v) Frasa nama tentang konsep dan ruang kediaman

Bagi ruang yang umum pula misalnya, ruang tamu dan lebih jelas lagi ruang umum ini cenderung kepada sesuatu bahagian yang besar dan luas. Bagi frasa nama ini hanya satu sahaja ditemui, iaitu *garisan sisi perang karamel* yang menjelaskan sudut sesebuah kediaman dengan contoh dalam ayat: '*Menyedari rona gelap menguasai segenap ruang, bidai roman rona putih gading dengan rekaan garisan sisi perang karamel yang dijadikan gandingan demi memberi kesimbangan warna dan seri ruang.*' Dalam frasa nama ini, kata adjektif majmuk dilihat lebih berfungsi menerangkan reka bentuk kediaman yang terdiri daripada konsep dan ruang sesebuah kediaman.

Hasil kajian menunjukkan terdapat sebanyak enam frasa nama dari pelbagai aspek dalam bahan yang dikaji. Enam frasa nama tersebut ialah frasa nama tentang warna, alam, aksesori hiasan kediaman, perabot, umum, ruang dan sudut kediaman. Daripada enam frasa nama ini, frasa nama tentang warna ialah yang paling tinggi jumlah kehadirannya, iaitu sebanyak 12. Jumlah ini diikuti pula oleh kehadiran frasa nama tentang alam dengan kata adjektif majmuk sebanyak tujuh. Jumlah paling terendah ialah sebanyak satu, iaitu pada frasa nama tentang konsep dan ruang kediaman.

3.3 Jenis Kata Adjektif

Bahagian kedua bab ini akan membincangkan jenis kata adjektif yang ditemui dalam bahan kajian. Kata adjektif dapat dibahagikan kepada sembilan jenis, iaitu, kata adjektif sifatan atau keadaan, kata adjektif warna, kata adjektif ukuran, kata adjektif bentuk, kata adjektif waktu, kata adjekif jarak, kata ajektif cara, kata adjektif perasaan, dan kata adjektif pancaindera (Nik Safiah Karim et al. 2010). Kesemua kesembilan jenis kata adjektif ini mempunyai fungsinya yang tersendiri.

Berikut diuraikan penjenisan bagi bentuk kata adjektif majmuk dengan lebih terperinci.

3.3.1 Jenis Kata Adjektif Tunggal

Kehadiran kata adjektif tunggal dibahagikan kepada dua, iaitu (a) kata adjektif tunggal jati dan (b) kata adjektif tunggal pinjaman.

3.3.1.1 Jenis Kata Adjektif Tunggal Jati

Kata adjektif tunggal jati sama ada membawa maksud kata adjektif tunggal yang tidak berasal daripada bahasa asing. Berikut diuraikan jenis-jenis kata adjektif tunggal jati.

(i) Kata Adjektif Tunggal Sifatan atau Keadaan

Kata adjektif sifatan atau keadaan terdiri daripada perkataan yang memberi pengertian keadaan atau pembawaan sebagai unsur keterangan nama. Di bawah ialah 10 contoh bentuk kata adjektif tunggal jenis sifatan atau keadaan tunggal; yang selebihnya boleh dirujuk dalam Lampiran:

- | | | | |
|----|-------|----|-------|
| 1. | asli | 6. | lesu |
| 2. | baik | 7. | muda |
| 3. | cekal | 8. | pudar |

- | | | |
|----|--------|-----------|
| 4. | garang | 9. setia |
| 5. | terang | 10. tajam |

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

80. Ilham *batu asli*, setiap satu daripadanya hadir dengan sepatah perkataan positif untuk memulakan hari anda.
81. ... Dalam aspek penataan dalaman pula, dia mengesyorkan pembelian produk terpakai (second hand) yang rata-rata masih dalam kondisi *baik* sebagai satu bentuk pemilihan ‘sustainable’.
82. *Warna terang* dengan lukisan unik bukan sahaja menyerlahkan hiasan dalaman anda yang nampak mendatar malah menjadikan ia lebih menarik dan menyerlahkan seri ruang.

Jumlah keseluruhan kata adjektif tunggal jati bagi jenis sifatan atau keadaan ialah 95 dan merupakan antara jumlah tertinggi berbanding jenis kata adjektif yang lain.

(ii) Kata adjektif tunggal warna

Kata adjektif tunggal warna ialah perkataan yang membawa pengertian warna sebagai unsur keterangan. Antara kata adjektif jenis ini yang telah dikenal pasti dalam majalah *Impiana* adalah seperti yang berikut:

- | | |
|-----------|-----------|
| 1. biru | 5. kuning |
| 2. hijau | 6. merah |
| 3. hitam | 7. putih |
| 4. kelabu | 8. ungu |

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

83. Kabinet sisi yang cukup molek dengan *pesona biru* umpama cemerlangnya langit yang merangsang mata.
84. *Meja makan putih* semestinya mencetus rasa santai tatkala anda berada di ruang makan.
85. *Rona merah* menjadi pilihan si dara pujaan.

Bagi jenis kata adjektif warna, hanya sembilan sahaja kata ditemui.

(iii) Kata adjektif tunggal ukuran

Kata adjektif jenis ini ialah perkataan yang membawa pengertian tentang sesuatu ukuran sebagai unsur keterangan. Di bawah merupakan senarai sebahagian daripada jenis kata adjektif ini yang telah ditemui:

- | | |
|-----------|-----------|
| 1. banyak | 6. rendah |
| 2. berat | 7. ringan |

- | | |
|-----------|------------|
| 3. besar | 8. sedikit |
| 4. mampan | 9. tebal |
| 5. padu | 10. tepat |

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

86. Kepingen *kayu balak padu* dan pastinya ia tahan lasak ...
87. Tidak sesuai untuk *kerja-kerja berat*.
88. 72 jam dalam beberapa kes pada suhu yang dikawal selia dengan tepat jauh *lebih rendah* untuk aktiviti memasak.

Hasil analisis menunjukkan sebanyak 17 kata adjektif daripada jenis ini ditemui.

(iv) Kata adjektif tunggal bentuk

Jenis kata adjektif ini pula membawa pengertian rupa bentuk sebagai unsur keterangan.

Di bawah ialah beberapa contoh.

- | | |
|------------|------------|
| 1. bulat | 4. lurus |
| 2. condong | 5. singkat |
| 3. dempak | 6. tirus |

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

89. *Meja makan bulat* dipilih bagi mengelakkan rasa kurang selesa apabila berjalan di tepinya.
90. ... panel aluminium yang dipalit rona putih ini berdiri *enam darjah condong* ke arah luar.
91. Struktur yang kelihatan seperti *payung kanopi dempak* ini dilihat amat berpadanan dengan idea ruang makan ala taman di balkoni.

Bagi kata adjektif jenis ini hanya sebanyak enam kata yang ditemui hadir.

(v) Kata adjektif tunggal waktu

Kata adjektif jenis ini membawa pengertian konsep masa sebagai unsur keterangan.

Antara jenis kata ini yang telah dikenal pasti ialah:

- | | |
|-----------|-------------|
| 1. awal | 4. lama |
| 2. baharu | 5. mula |
| 3. bakal | 6. senggang |

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

92. Tanpa yang *lama*, tiadalah yang baru
93. Saya *mula* melukis sejak daripada zaman kanak-kanak membawa ke bangku sekolah.

94. Buat Puan Laila, sesekali beliau memerlukan waktu *senggang*

bersama buih mandian dan lilin aromaterapi.

Hasil analisis menunjukkan bahawa jenis kata adjektif waktu menunjukkan jumlah yang sama dengan jumlah kehadiran kata adjektif bentuk, iaitu enam kata yang ditemui.

(vi) Kata adjektif tunggal jarak

Kata adjektif tunggal jarak ialah perkataan yang membawa pengertian konsep ruang antara dua bentuk atau keadaan sebagai penerang kata nama. Contohnya:

- | | |
|-----------|-----------|
| 1. dekat | 5. jarang |
| 2. erat | 6. lapang |
| 3. hampir | 7. luas |
| 4. jauh | 8. rapat |

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

95. “Kini, saya jarang memasak. Maklum sahajalah, dalam keadaan begini

dan ditambah pula kami berdua sahaja di rumah, lebih

mudah jika makan di kedai. Lagi pun, pilihannya banyak

dan sangat *dekat* dengan kediaman saya.

96. ... wajah kediaman yang baharu seharusnya tampil *jauh* lebih luas

daripada kondisi asalnya.

97. Jadi, di kediaman ini, saya mempunyai ruang yang lebih *luas* untuk menghias dan ‘bermain’ dengan pelbagai idea menarik untuk menghias kediaman.

Sebanyak 11 kata adjektif jenis jarak yang telah ditemui dalam bahan yang dikaji.

(vii) Kata adjektif tunggal cara

Kata adjektif tunggal cara membawa pengertian keadaan kelakuan atau ragam sebagai penerang kata nama. Hanya terdapat tiga sahaja kata adjektif daripada jenis ini ditemui dalam bahan kajian.

1. amali
2. cepat
3. pantas

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

98. Ruang yang lebih mesra kepada pergerakan ibunya yang agak terhad dan ruang yang lebih *amali* dalam pergerakan domestik teruama dengan adanya cucu-cucu yang sedang aktif membesar.
99. Hadir dengan kipas yang mengagihkan haba secara sama rata untuk membolehkan makanan dimasak lebih *cepat* dan sempurna.

100. “Apa-apa keputusan yang membolehkan projek bergerak dua kali lebih *pantas* dan efektif adalah sesuai yang perlu dipandang positif.

(viii) Kata adjektif tunggal perasaan

Kata adjektif jenis ini membawa pengertian konsep perasaan sebagai penerang kata nama. Antara sebahagian kata daripada jenis ini yang telah ditemui adalah seperti yang berikut:

- | | |
|------------|------------|
| 1. bahagia | 6. gembira |
| 2. ceria | 7. gentar |
| 3. duka | 8. gusar |
| 4. ghairah | 9. resah |
| 5. girang | 10. riang |

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

101. Pemilihan rona merah samar menjadikan suasana begitu *ceria* dan cantik.
102. Apa yang penting, jaikan rumah sebagai tempat berehat penuh *bahagia* bersama keluarga setelah seharian penat di pejabat.
103. Usah *gusar* untuk memilih rona dinding dan siling yang menonjol, seperti perak, putih, hitam mahupun krom. Lebih dramatik, lebih glam!

Hasil analisis menunjukkan dapatan daripada jenis kata adjektif perasaan sebanyak 17 kata.

(ix). Kata adjektif tunggal pancaindera

Kata adjektif jenis ini terdiri daripada perkataan yang membawa pengertian konsep rasa, pandang, dengar, bau, sentuh, atau gabungan kelima-lima indera, sebagai penerang kata nama. Yang berikut ialah contoh kata adjektif pancaindera dikelompokkan mengikut pelbagai deria.

A. Deria rasa

Deria rasa merupakan deria yang melibatkan anggota dalam mulut, iaitu lidah dengan fungsi merasa sesuatu yang hadir padanya. Melalui deria ini, pelbagai rasa dapat dikenal pasti dan seterusnya diungkapkan dan diterjemahkan rasa ini melalui kata adjektif.

Berikut ialah contoh-contoh kata adjektif deria rasa :

- | | |
|----------|----------|
| 1. enak | 4. sejuk |
| 2. manis | 5. sedap |
| 3. panas | 6. suam |

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

104. Jadi, rona pastel ini membantu ruang agar ‘*manis*’ dipandang.
105. Jumlah air *panas* daripada ‘heater’ yang memadai adalah sebanyak 50 gelen.

106. ... cuci permukaan lantai porselin dengan campuran $\frac{1}{4}$ cawan cuka dan dua gelen air *suam*.

Hasil kajian menunjukkan sebanyak enam daripada kata adjektif deria rasa yang ditemui dalam bahan kajian.

B. Deria pandang

Kata adjektif tunggal daripada deria ini melibatkan penglihatan melalui mata. Melalui deria ini segala apa yang dilihat akan diterjemahkan melalui perkataan, iaitu menerusi kata adjektif deria pandang. Berikut contoh bagi kata adjektif jenis ini:

- | | |
|-----------|-----------|
| 1. anggun | 4. indah |
| 2. comel | 5. jelita |
| 3. elok | 6. molek |

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

107. Permaidani berbulu tebal ditempatkan dengan gaya penuh *anggun* ala sang primadona.
108. Seperti kita sedia maklum, peminat tegar konsep Inggeris sememangnya gemar membeli dan mengumpul aksesori yang kesemuanya *comel* belaka.
109. Petang anda kini sudah pasti lebih *indah*.

Terdapat enam kata adjektif daripada jenis ini yang ditemui dalam bahan kajian.

C. Deria dengar

Deria jenis ini pula merupakan deria yang melibatkan pendengaran melalui telinga. Hanya satu sahaja kata adjektif jenis ini yang ditemui, iaitu *bising*. Contoh dalam ayat ialah seperti yang di bawah.

110. ... uniknya kawasan kediaman beliau adalah ia agak tersorok dan terhindar daripada suasana sibuk dan *bising* di sekitar mukim tersebut.

D. Deria bau

Deria bau merupakan deria yang melibatkan hidung bagi menghidu sesuatu bau. Berikut merupakan contoh bagi kata adjektif perasaan pancaindera bagi menggambarkan deria bau. Hasil kajian menunjukkan hanya dua kata adjektif jenis ini yang ditemui, iaitu *harum* dan *wangi*.

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

111. Tidak lengkap rasanya kediaman yang molek berhias tidak diserikan dengan bauan *harum* semerbak.
112. Bukan sahaja ia direka khas untuk keperluan penstoran tetapi juga demi mempamerkan item pemberian rakan-rakan kepada Puan Laila seperti botol minyak *wangi*.

E. Deria sentuh

Deria ini melibatkan anggota tangan dalam menyentuh sesuatu.

Hasil kajian menunjukkan terdapat sebanyak lapan kata adjektif daripada jenis ini yang dijumpai dalam bahan kajian.

- | | |
|-----------|-----------|
| 1. basah | 5. kering |
| 2. halus | 6. lembut |
| 3. hangat | 7. licin |
| 4. kasar | 8. lembap |

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

113. Kehebatan rekaan corak yang *halus* dan berani bermain warna

garang, memberi nafas baru kepada gaya minum teh

masyarakatnya.

114. ... perhiasan polyresin berupa burung kakak tua ini molek

diletakkan di ruang dapur *kering*.

115. Makanan kemudiannya akan berkerak di luar, *lembap* dan lembut di

bahagian dalam.

F. Gabungan deria

Gabungan deria bermaksud gabungan daripada dua deria atau lebih terhadap sesuatu, contohnya gabungan deria pandang dan rasa menghasilkan satu perkataan yang mengambarkan keadaan harmoni.

Terdapat enam kata adjektif tunggal jati yang ditemui daripada jenis ini, contohnya.

- | | |
|-----------|------------|
| 1. bersih | 4. hambar |
| 2. damai | 5. harmoni |
| 3. indah | 6. selesa |

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

116. Menjengah ke kamar mandi yang dilengkapi dengan jakuzi, jelas menggambarkan gaya hidup Datin Leyla yang sentiasa mahu pun ruang peribadi *bersih* dan dirias cantik.
117. Saya merasa tidak *selesa* dengan pelan lantai terbuka ini.
118. Atmosfera di sini cukup *indah* dan mengusik jiwa.

Hasil analisis menunjukkan bahawa kata adjektif pancaindera dalam majalah *Impiana* hadir dalam keenam-enam jenis deria. Jumlah kehadiran bagi kata adjektif deria sentuh merupakan yang tertinggi berbanding dengan yang lain dengan jumlah lapan. Jumlah yang terendah kehadirannya ialah sebanyak satu, iaitu kata adjektif deria dengar.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa jenis kata adjektif sifatan atau keadaan berada pada tahap paling tertinggi dengan jumlah 95 kehadiran katanya. Seterusnya, jenis kata adjektif bentuk dan waktu berada pada tahap sederhana dengan jumlah yang sama bagi kedua-duanya, iaitu enam kata. Kata adjektif jenis cara merupakan yang berada pada tahap paling terendah dengan jumlah empat kata.

3.3.1.2 Kata Adjektif Tunggal Pinjaman

Kata adjektif tunggal pinjaman ialah kata adjektif dalam bahasa Melayu yang telah dipinjam daripada bahasa lain. Jumlah kata adjektif tunggal pinjaman yang telah ditemui adalah sebanyak 43 daripada keseluruhan bentuk kata adjektif tunggal yang ditemui, iaitu sebanyak 269 atau 17.10 %. Di bawah disenaraikan sebahagian kata adjektif tunggal pinjaman yang telah ditemui:

- | | | |
|----|-----------|-----------------|
| 1. | antik | 6. kontemporari |
| 2. | dramatik | 7. moden |
| 3. | eksklusif | 8. neutral |
| 4. | fleksibel | 9. seksi |
| 5. | klasik | 10. unik |

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

119. Jadikan pemilihan perabot anda lebih *fleksibel* dan sekurang-kurangnya dwi-fungsi.

120. “Memang sengaja kami memilih untuk memberikan fokus kepada warna dinding berpanel serta penggunaan perabot *klasik* yang minimal.

121. Pemilihan corak jejalur dengan rona damai bukan sahaja menyerlahkan perabot yang ada malah menjadikan ‘mood’ ruang lebih *seksi* menggoda.

Kesemua kata adjektif tunggal pinjaman yang disenaraikan di atas merupakan kata-kata yang tinggi pengulangan penggunaannya. Jumlah tertinggi bagi pengulangan penggunaan bentuk kata adjektif jenis ini ialah 34 kali, iaitu pada perkataan *moden*. Yang lain tidak begitu tinggi, iaitu sebanyak dua kali pada tujuh jenis kata, iaitu *feminin*, *ideal*, dan *ruang*, dan sebanyak sekali, iaitu pada perkataan *artistik*, *efisien*, dan *komersil*.

Seperti yang dilakukan bagi kata adjektif tunggal jati, kata adjektif tunggal pinjaman juga dijeniskan mengikut sembilan penjenisan.

(i) Kata adjektif tunggal pinjaman sifatan atau keadaan

Kata adjektif sifatan atau keadaan terdiri daripada perkataan yang memberi pengertian sifatan atau keadaan sebagai unsur keterangan nama, contohnya.

1. aktif
2. dinamik
3. eksklusif

4. *feminin*

5. *klasik*

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

122. Ilham kurun ke -16 tidak terlepas daripada bayangan imej *eksklusif* dan mewah.
123. Gabungan kesemuanya mencipta sensasi sentuhan *feminin* tetapi pada masa yang sama menjelaskan sisi maskulin ...
124. Lengkap dengan dua set pintu gaya perancis serta perabot *klasik* minimal ...

Jumlah kehadiran bagi jenis kata ini merupakan yang paling tertinggi, iaitu sebanyak 28 kata.

(ii). Kata adjektif tunggal pinjaman warna

Hasil analisis menunjukkan bahawa hanya terdapat satu jenis warna daripada kata adjektif tunggal pinjaman warna yang telah ditemui dalam bahan kajian, iaitu *krim*. Berikut ialah contoh dalam ayat.

125. ... bahagian dalamnya pula disepuh dengan rona ‘mocha’ dan krim bercorak.

(ii) Kata adjektif tunggal pinjaman ukuran

Kata adjektif jenis ini ialah perkataan yang membawa pengertian ukuran sebagai unsur keterangan. Berikut ialah contohnya:

1. maksimum
2. mini
3. minimal
4. optimal

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

126. ... jumlah *maksimum* yang disyorkan adalah tiga untuk satu ‘outlet’.
127. ... ramai di kalangan pemilik mula berhasrat untuk mengubah koridor mereka kepada ruang galeri *mini*.
128. Jumlah *optimal* adalah satu (D76 mm) atau dua (D51 mm) jika tidak ingin bilik mandi anda ‘banjir’ sentiasa.

Jumlah keseluruhan bagi jenis kata ini yang telah ditemui ialah sebanyak empat sahaja.

(iii) Kata adjektif tunggal pinjaman waktu

Kata adjektif jenis ini ialah perkataan yang membawa pengertian konsep masa sebagai unsur keterangan. Hanya dua kata adjektf tunggal pinjaman yang telah ditemui, iaitu:

1. kontemporari

2. moden

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

129. ... kesinambungan wajah *kontemporari* ini dilihat cukup dinamik

dengan perubahan eksterior di sekelilingnya.

130. Pilihan sofa utama lebih menjurus kepada potongan *moden* yang

ringkas dan mementingkan keselesaan.

(v) Kata adjektif tunggal pinjaman cara

Kata adjektif cara ialah jenis perkataan yang membawa pengertian keadaan kelakuan atau ragam, sebagai penerang kata nama. Hanya terdapat lapan kata adjektif jenis ini dalam bahan kajian. Contohnya:

1. efektif 3. ekspres

2. efisien 4. konsisten

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

131. “Apa-apa keputusan yang membolehkan projek bergerak dua kali lebih

pantas dan *efektif* adalah sesuatu yang perlu dipandang positif.

132. Kami cuba untuk meyakinkan mereka untuk kembali ke Lightmakers

pada masa akan datang dengan menawarkan perkhidmatan yang *efisien*

sama ada daripada segi konsep penghantaran mahupun pemasangan.

133. Teknik menghias ini umpama keretapi *ekspres* yang bersangkut paut antara satu dengan lain.

(vi). Kata adjektif tunggal pinjaman perasaan

Kata adjektif ini membawa pengertian konsep perasaan, sebagai penerang kata nama dan diikuti oleh kata sendi nama. Terdapat sebanyak empat kata sahaja.

- | | | |
|----|-----------|----------------|
| 1. | emosional | 3. sensitif |
| 2. | romantis | 4. sentimental |

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

134. Bagi saya, ia merupakan warna *romantis* dan sesuai pula dengan ragam hias ala Kedesaan Inggeris yang nampak begitu feminin.

135. Ia menghasilkan bau ‘kurang menyenangkan’ bagi kucing dan ia sedikit *sensitif* dengan deria bau kucing.

136. Bagi saya, koleksi pinggan mangkuk era sebelum merdeka ini sangat berharga kerana ia mempunyai nilai estetika tersendiri dan nilai *sentimental* yang tidak ternilai.

(vii). Kata adjektif tunggal pinjaman pancaindera

Bagi kata adjektif pancaindera, didapati bahawa daripada enam kelompok deria hanya satu daripadanya yang hadir dalam bahan kajian, iaitu kata adjektif pancaindera daripada kelompok deria pandang, dengan jumlah kehadirannya sebanyak tiga, iaitu:

1. elegan

2. ranggi

3. seksi

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

137. ... Datin Leyla menyuntik sedikit elemen *elegan* dan glamor melalui pemilihan aksesori seperti ‘throw cushion’ kemasan labuci emas, lampu lantai serta pasu hiasan.

138. Sofa ala kubu pertahanan bagi anda yang berjiwa *ranggi*.

139. Pemilihan corak jejalur dengan rona damai bukan sahaja menyerlahkan perabot yang ada malah menjadikan ‘mood’ ruang lebih *seksi* menggoda.

Secara keseluruhannya, hanya tujuh jenis kata adjektif daripada kata adjektif tunggal pinjaman yang dapat dikenal pasti dalam bahan kajian. Daripada tujuh jenis kata adjektif tersebut, jumlah jenis kata adjektif sifatan atau keadaan berada pada tahap paling tertinggi, iaitu sebanyak 28 kata. Bagi jenis kata adjektif warna, hanya sekali sahaja ditemui penggunaannya dalam majalah *Impiana* dan merupakan jumlah yang paling terendah berbanding dengan jenis kata adjektif sifatan atau keadaan dan juga jenis-jenis kata adjektif yang lain.

Kesimpulannya, jumlah kata adjektif tunggal jati dilihat mengatasi jumlah kata adjektif tunggal pinjaman dengan perbezaan sebanyak 177 kata. Bentuk kata adjektif

tunggal ini juga merupakan antara bentuk kata yang paling tinggi kehadirannya dalam majalah *Impiana* dengan 269 kata daripada jumlah keseluruhan bentuk kata adjektif yang ditemui, iaitu sebanyak 372 kata atau 72.31%.

3.3.2 Jenis kata adjektif terbitan

Hasil analisis terhadap bahan yang dikaji menunjukkan bahawa terdapat sebanyak tujuh jenis kata adjektif terbitan. Jenis-jenis kata adjektif terbitan tersebut terdiri daripada yang berikut.

(i) Kata adjektif terbitan sifatan atau keadaan

Kata adjektif sifatan atau keadaan merupakan perkataan yang berfungsi memberi pengertian sifatan atau keadaan sebagai unsur keterangan nama. Di bawah merupakan contoh kata adjektif sifatan atau keadaan yang ditemui:

- | | |
|--------------|--------------|
| 1. terbaik | 4. sebenar |
| 2. tersergam | 5. sehebat |
| 3. tersohor | 6. seringkas |

Senarai di atas menunjukkan hanya terdapat kata adjektif terbitan yang bergabung dengan awalan *ter-* dan *se-*. Didapati jumlah keseluruhan hasil dapatan menunjukkan bahawa jenis kata adjektif ini adalah antara yang paling tinggi, iaitu sebanyak 17 kata berbanding dengan jenis yang lain yang telah dikenal pasti.

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

140. Memiliki kediaman *tersergam* indah yang dilengkapi susunan perabot indah mempersona bukanlah mudah.
141. Entiti bangunan residensi kendalian pihak pemaju, CapitaLand Residential dari Singapura ini adalah hasil sentuhan kumpulan arkitek, Moshe Safdie yang cukup *tersohor* dengan rekaan ikoniknya.
142. Inilah gaya *sebenar* buat sang pencinta gaya rustik.

(ii). Kata adjektif terbitan ukuran

Kata adjektif ukuran pula ialah jenis perkataan yang membawa maksud ukuran sebagai unsur keterangan. Yang berikut ialah contoh kata adjektif ukuran yang ditemui:

- | | |
|-------------|--------------|
| 1. terbesar | 4. sepanjang |
| 2. sekata | 5. setebal |
| 3. selebar | 6. setinggi |

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

143. Cabaran *terbesar* sudah pasti kesesuaian reka letak segala macam perabot, kertas dinding, aksesori dan kemasan lembut.
144. Ada sahaja cabaran *sepanjang* proses tersebut,” kongsi Chun yang tidak lokek berkongsi soal teknikal.
145. Pastikan juga anda rajin mengelapnya setiap minggu dan jangan sesekali biarkan habuk melekat sehingga *setebal* lima inci.

Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat 11 kata adjektif terbitan daripada jenis kata adjektif ukuran. Jumlah ini merupakan jumlah kedua tertinggi yang telah dikenal pasti.

(iii). Kata adjektif terbitan waktu

Kata adjektif waktu ialah jenis perkataan yang membawa pengertian konsep masa sebagai unsur keterangan. Bagi jenis kata adjektif ini, hasil analisis menunjukkan hanya terdapat tiga kata sahaja yang yang ditemui.

1. terbaru
2. terdahulu
3. sezaman

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

146. ... saya secara peribadi juga mempunyai minat untuk mengetahui rekaan lampu yang *terbaru* agar perkembangan rekaan bergerak secara positif dan progresif.
147. Itu pun di atas tangan pemilik *terdahulu*.
148. Gaya *sezaman* dan ringkas juga menjadikan suasana kediaman terasa membosankan.

(iv) Kata adjektif terbitan jarak

Kata adjektif jarak ialah perkataan yang membawa pengertian konsep ruang antara dua bentuk atau keadaan sebagai penerang kata nama. Hasil analisis menunjukkan bahawa

terdapat hanya satu kata adjektif jarak yang ditemui dalam bahan yang dikaji, iaitu *terdekat*. Di bawah ialah contoh dalam ayat.

149. Dalam masa *terdekat* ini, saya akan tampil dengan beberapa karya baru ...

(v) Kata adjektif terbitan cara

Kata adjektif cara ialah jenis perkataan yang membawa maksud keadaan kelakuan atau ragam, sebagai penerang kata nama. Hanya satu sahaja kata adjektif jenis cara dalam bahan kajian, iaitu *serancak*. Di bawah ialah contoh dalam ayat.

150. *Serancak* perbualan yang berlangsung, begitulah juga ramalan aliran trend yang dikemukakan ...

(vi) Kata adjektif terbitan perasaan

Jenis kata adjektif perasaan merupakan kata adjektif yang terdiri daripada perkataan yang membawa pengertian konsep perasaan, sebagai penerang kata nama. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat tiga kata adjektif daripada jenis ini dalam majalah *Impiana*, iaitu:

1. tercinta
2. tersayang
3. teruja

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

151. Kemudian, beliau menghiasnya dengan jam bersaiz sederhana besar, kaki lilin serta bingkai potret keluarga *tercinta*.
152. Raikan kelurga *tersayang* dengan kehadiran pinggan rekaan hebat ini.
153. ... sejarah LIGHTMAKERS Sdn. Bhd. menyaksikan pasangan pemiliknya begitu *teruja* dengan dunia rekaan lampu yang kerap bertukar gaya.

(vii) Kata adjektif terbitan pancaindera

Kata adjektif pancaindera terdiri daripada perkataan yang memberi pengertian konsep rasa, pandang, dengar, bau, sentuh, atau gabungan kelima-lima indera dan berfungsi sebagai penerang kata nama. Berikut ialah contoh-contohnya:

- A. Deria pandang:
1. terindah
 2. seindah

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

154. Teko keluli yang menarik dengan corak palitan warna putih hijau. Jadikan hadiah yang *terindah* buat teman ...
155. Apakah lagi agaknya konsep kamar beradu yang boleh kita gayakan agar *seindah* kamar di hotel bertaraf lima bintang.

B. Deria bau:

1. seharum

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

156. *Seharum* aroma. Bagi anda yang gemar memasak lasagna dan sebagainya boleh menggunakan mangkuk bakar ini sebagai mangkuk dasar.

Hasil analisis menunjukkan dua jenis kata adjektif daripada kata adjektif pancaindera telah ditemui, iaitu kata adjektif pancaindera bagi deria pandang dengan jumlah dapatan sebanyak dua kata dan kata adjektif pancaindera bagi deria bau, iaitu sebanyak satu kata. Dengan kata lain hanya tiga sahaja kata adjektif panganindera yang ditemui.

Kesimpulannya, dari segi penjenisan, terdapat tujuh jenis kata adjektif terbitan dengan jenis kata adjektif sifatan atau keadaan yang paling tertinggi kekerapan dengan jumlah 17 kata. Jumlah terendah pula ialah satu kata bagi jenis kata adjektif jarak dan kata adjektif cara dengan masing-masing dengan kehadiran satu kata.

3.3.3 Jenis kata adjektif ganda

Jika dilihat dari segi penjenisan kata adjektif ganda dapat dirumuskan di sini bahawa tidak terdapat kata adjektif ganda ditemui dalam bahan kajian.

3.3.4 Jenis kata adjektif majmuk

Dari segi penjenisan, hasil analisis menunjukkan terdapat hanya dua jenis kata adjektif majmuk, iaitu kata adjektif majmuk sifat atau keadaan dan kata adjektif majmuk warna.

Yang berikut dikemukakan beberapa contoh kata adjektif majmuk sifatan atau keadaan dan kata adjektif majmuk warna.

(i) Kata adjektif majmuk sifatan atau keadaan

- | | |
|----------------|-----------------------|
| 1. kalis karat | 4. moden klasik |
| 2. luar biasa | 5. moden kontemporari |
| 3. malar segar | 6. panas terik |

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

157. Mendedikasi rona kegemarkannya iaitu hijau dan putih, beliau ‘merenjis’ rona *malar segar* tersebut dengan penuh teliti agar hasil ‘lukisannya’ benar-benar dekat dengan hati penghuninya.
158. ... elemen melengkok ala klasik sedikit sebanyak sesuai dengan gaya *Moden Klasik*.
159. ... ruang tonton disempurnakan dengan kabinet rekaan *moden kontemporari* dengan kaki besi yang sangat unik.

(ii) Kata adjektif majmuk warna

- | | |
|--------------------|-------------------|
| 1. biru romantis | 6. merah manggis |
| 2. hijau zaitun | 7. merah salmon |
| 3. jingga bara api | 8. perang gangsa |
| 4. kuning lemon | 9. putih gading |
| 5. merah cili | 10. putih vanilla |

Yang berikut ialah contoh dalam ayat.

160. Pemilik memilih *biru romantis* sebagai latar dengan garisan corak ‘damask’ pada bidai ‘Roman’
161. ... Julia telah memilih palet *kuning lemon* untuk dinding di ruang tamu;
162. Kusyen Arabesque *merah salmon* ...

Jenis kata adjektif majmuk warna lebih tinggi jumlah kehadirannya dalam bahan yang dikaji, iaitu sebanyak 45 kata atau 79.00%. Jenis kedua ialah kata adjektif majmuk sifatan dengan kehadirannya sebanyak 12 kata atau sebanyak 21.05%.

3.4 Rumusan

Secara kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan terdapat tiga bentuk kata adjektif dalam bahan kajian. Bentuk kata adjektif tunggal menunjukkan kehadiran yang paling tertinggi dengan jumlah sebanyak 269 daripada keseluruhan kata adjektif yang telah ditemui, iaitu sebanyak 372 kata, diikuti dengan bentuk kata adjektif majmuk, iaitu sebanyak 57 kata. Seterusnya ialah kata adjektif terbitan dengan jumlah sebanyak 46 kata dan bagi bentuk kata adjektif ganda tidak ditemui bentuk kata ini.

Graf bar berikut menunjukkan keadaan kehadiran tiga bentuk kata adjektif tunggal dalam bahan kajian.

Hasil kajian menunjukkan bahawa jumlah kehadiran kata adjektif tunggal mempunyai peratusan tertinggi dengan peratus kehadirannya sebanyak 72.31% berbanding bentuk kata adjektif yang lain. Seterusnya, kehadiran kata adjektif majmuk

dengan peratusanya 15.32% menjadikannya berada pada tahap sederhana. Jumlah terendah dengan peratusan 11.60% adalah pada kata adjektif terbitan.



Rajah 3.1 : Bentuk-bentuk Kata Adjektif

Dari segi penjenisan pula, didapati hanya bentuk kata adjektif tunggal yang menepati piawaian sembilan jenis kata adjektif yang dikemukakan dalam *Tatabahasa Dewan*. Bagi bentuk kata adjektif terbitan, hanya tujuh jenis sahaja yang ditemui, dan hanya dua jenis sahaja daripada bentuk kata adjektif majmuk yang ditemui dalam bahan kajian.

BAB 4 : KATA ADJEKTIF MAJMUK WARNA DALAM MAJALAH *IMPIANA* DAN PANGKALAN DATA KORPUS

4.1 Pendahuluan

Daripada perbincangan dalam Bab 3, kelihatan bahawa walaupun jumlah kata adjektif majmuk agak banyak, jenisnya amat terhad. Tidak seperti kata adjektif tunggal yang mempunyai sembilan jenis, iaitu sifatan atau keadaan, warna, ukuran, bentuk, waktu, jarak, cara, perasaan, dan pancaindera, kata adjektif majmuk dalam bahan yang dikaji hanya terdiri daripada dua jenis, iaitu (i) kata adjektif majmuk warna dan (ii) kata adjektif majmuk sifatan atau keadaan, seperti yang dapat dilihat dalam contoh-contoh berikut:

Rajah 4.1 : Jenis Kata Adjektif Majmuk

Kata adjektif majmuk warna	Kata adjektif majmuk sifatan atau keadaan
1. biru romantik	1. kalis karat
2. hijau zaitun	2. luar biasa
3. jingga bara api	3. malar segar
4. kuning lemon	4. moden klasik
5. merah cili	5. panas terik

Hal demikian, sebenarnya, bukan perkara baharu. *Tatabahasa Dewan*, misalnya, sewaktu menghuraikan kata adjektif majmuk, memberikan hanya dua jenis contoh, iaitu kata adjektif majmuk warna dan kata adjektif majmuk berbentuk kiasan.

Hasil kajian terhadap data, iaitu majalah *Impiana* beserta dengan pengaplikasian pangkalan data korpus, dapati mengenal pasti 80 kata adjektif majmuk warna. Selain jumlah yang agak banyak, yang menarik juga ialah kepelbagaiannya yang diperlihatkan, terutama dari segi cara mengungkapkan pelbagai jenis warna. Bukan sahaja ditemui kata-kata adjektif warna yang sedia ada dalam bahasa Melayu, seperti *merah jambu*, *hijau daun*, *putih telur* dan *kuning langsat*, tetapi kelihatannya bahawa pengarang-pengarang majalah *Impiana* telah membawa inovasi dalam pembikinan kata adjektif warna baharu seperti *hijau pistasio*, *ungu lilac*, *kuning popcorn* dan *merah tomato masak*.

Proses pembentukkan kata adjektif majmuk juga dilihat sangat menarik dengan tetap mengutamakan konsep utama kata majmuk, iaitu satu bentuk kata yang terhasil menerusi cantuman dua perkataan atau lebih, dengan makna yang tersendiri. Rangkaian bentuk kata ini dilihat menarik dengan pencantuman pelbagai kata daripada golongan kata yang sama atau golongan kata yang lain. Contohnya, *hijau muda* (KA + KA), yang terdiri daripada cantuman dua golongan kata yang sama, iaitu daripada golongan kata adjektif, yang seterusnya menghasilkan kata adjektif majmuk warna.

Bab ini akan menumpukan perhatian kepada kata adjektif majmuk warna, yang akan dilihat dari pelbagai perspektif.

4.2 Kata Adjektif Majmuk Warna

Kata adjektif majmuk warna ialah perkataan yang terbentuk melalui rangkaian kata adjektif warna untuk membawa maksud yang tersendiri, seperti *merah jambu* dan *hijau daun*. Dari segi ejaannya, bentuk kata ini dieja terpisah. Dari segi binaannya, kata adjektif majmuk warna terdiri daripada kata adjektif dengan dua golongan kata lain, iaitu kata nama dan kata adjektif. Kehadiran golongan kata yang hadir selepas kata

adjektif warna berfungsi menerangkan warna tersebut. Contoh di bawah merupakan contoh binaan kata adjektif warna yang diikuti oleh unsur yang menerangkan warna.

- | | |
|---------------------|----------------------------|
| 1. hijau terang | 5. hijau pokok-pokok segar |
| 2. ungu pucat | 6. merah batu bata |
| 3. jingga kemerahan | 7. hijau limau nipis |
| 4. kuning kehijauan | 8. merah buah tomato masak |

Daripada bahan yang dikaji, terdapat 11 jenis warna yang menjadi asas pembinaan kata adjektif majmuk warna. Sebelas warna itu ialah

- | | |
|-----------|------------|
| 1. hijau | 7. jingga |
| 2. merah | 8. putih |
| 3. kuning | 9. ungu |
| 4. biru | 10. kelabu |
| 5. coklat | 11. krim |
| 6. hitam | |

Sembilan daripada warna yang tersenarai di atas terdiri daripada warna yang sedia hadir dalam bahasa Melayu. Dua daripada jumlah ini dipinjam daripada bahasa asing, iaitu warna *coklat* dan *krim*. Dilihat dari segi jumlah kehadirannya pula, perkataan warna hijau mempunyai jumlah yang paling tertinggi, iaitu sebanyak 22 kali, diikuti dengan warna merah, sebanyak 19, dan seterusnya dengan warna-warna lain. Jumlah kehadiran terendah ialah warna kelabu dan krim, iaitu masing-masing dengan jumlah kehadiran sebanyak dua.

4.3 Konsep Warna

Pada dasarnya, hanya terdapat empat sahaja warna utama, iaitu biru, hijau, kuning, dan merah (Isaac Newton, 1966). Berdasarkan teori warna yang dijelaskan oleh Isaac Newton, warna ialah spektrum tertentu yang terdapat dalam suatu cahaya sempurna (berwarna putih). Berikutan proses pencapaian warna, telah lahir pelbagai warna yang menarik. Selain itu, Newton juga turut menegaskan bahawa apabila melakukan pemecahan warna spektrum dari sinar matahari, akan ditemukan warna-warna yang pelbagai ragam seperti merah, jingga, kuning, hijau, biru, dan ungu, dan warna-warna ini juga dikatakan hadir melalui pelangi.

Brewster (1831) mengatakan bahawa warna terdiri daripada empat kelompok, iaitu warna primer, sekunder, tertiari, dan warna neutral. Warna primer ialah warna dasar yang tidak merupakan campuran daripada warna-warna lain. Yang termasuk dalam golongan warna primer ialah merah, biru, dan kuning. Seterusnya, warna sekunder ialah hasil campuran warna-warna primer dengan bahagian warna lain. Misalnya warna jingga merupakan hasil campuran daripada warna merah dengan kuning. Warna tertiari ialah campuran salah satu warna primer dengan salah satu warna sekunder. Misalnya warna jingga kekuningan. Warna ini terhasil melalui campuran warna kuning dengan jingga. Terakhir ialah warna netral. Warna jenis ini ialah warna hasil campuran ketiga-tiga warna dasar dan warna ini dilihat sering muncul sebagai penyeimbang bagi warna-warna kontras di alam. Biasanya hasil campuran yang tepat akan menuju ke warna hitam.

Selain itu, warna juga memainkan peranan penting dari segi psikologi. Molly E. Holzschlag, seorang pakar tentang warna, dalam tulisannya, “Creating Color Scheme” telah membuat daftar mengenai kemampuan yang ada pada sesuatu warna dalam memberikan respons secara psikologis kepada yang melihat (Kusrianto, 2007). Selain

itu, Eko Nugroho pula mengatakan bahawa psikologi terdapat pada warna dan dapat dilihat seperti contoh berikut. Warna merah boleh membawa maksud positif, contohnya kekuatan, kehangatan, cinta, persahabatan, api, keghairahan, kecepatan, kepemimpinan, darah, sosialisme, musim panas, musim gugur, berhenti, dan hormat. Contoh makna negatif pula ialah kesombongan, ambisi, perang, kemarahan, revolusi, radikalisme, sosialisme, dan komunisme. Namun begitu, warna merah boleh berubah maknanya apabila digabungkan dengan warna lain. Misalnya, warna merah yang digabungkan dengan hijau, menjadi lambang suasana Natal. Warna merah, jika dikombinasikan dengan putih, memberi maksud “bahagia” dalam budaya oriental.

Warna sememangnya memainkan peranan yang penting dalam kehidupan. Cantuman dua atau tiga jenis warna atau lebih menghasilkan warna yang pelbagai yang diterjemahkan menerusi kata adjektif majmuk warna.

4.4 Binaan Kata Adjektif Majmuk Warna

Binaan kata adjektif majmuk warna boleh terdiri daripad beberapa jenis. Hasil kajian menunjukkan terdapat dua jenis binaan, dilihat dari segi jumlah perkataan, iaitu binaan kata adjektif majmuk warna dengan dua perkataan dan binaan kata adjektif majmuk warna dengan tiga perkataan. Binaan-binaan ini mencantumkan kata adjektif warna dengan pelbagai golongan kata, terutamanya kata nama dan kata adjektif. Unsur-unsur yang hadir bersama kata adjektif warna ini bertindak sebagai unsur penerang kepada warna.

4.4.1 Kata adjektif majmuk warna dengan binaan dua perkataan

Kata adjektif majmuk warna dengan binaan dua perkataan terdiri daripada cantuman kata adjektif warna dengan kata nama dan kata adjektif. Hasil kajian menunjukkan binaan kata adjektif majmuk warna dengan kata adjektif merupakan yang paling banyak, iaitu sebanyak 50, berbanding dengan jumlah binaan kata adjektif majmuk warna dengan kata nama yang hanya sebanyak 20 sahaja.

Kehadiran kata nama dan kata adjektif dengan kata adjektif warna ini bertindak menerangkan warna dari pelbagai ciri dan secara psikologi. Binaan ini turut menepati piawaian proses pembentukan kata adjektif seperti dalam *Tatabahasa Dewan*. Binaan ini terdiri daripada pencantuman dua perkataan yang masing-masing terdiri daripada kata adjektif yang seterusnya membawa kepada pembentukan kata adjektif majmuk warna dengan makna yang tersendiri.

(i) Kata adjektif majmuk warna dengan kata adjektif

Di bawah ialah contoh binaan kata adjektif majmuk warna dengan dua perkataan yang terdiri daripada kata adjektif warna dan kata adjektif.

- | | |
|----------------|------------------|
| 1.hijau muda | 5. kuning terang |
| 2.hijau pucat | 6. biru lembut |
| 3.merah pekat | 7. hitam kusam |
| 4.merah jingga | 8. putih polos |

Binaan ini terdiri daripada gabungan antara kata adjektif warna dengan kata adjektif daripada pelbagai jenis, misalnya kata adjektif sifatan atau keadaan, kata adjektif warna, kata adjektif ukuran, dan sebagainya. Terdapat sebanyak dua jenis kata adjektif yang

hadir bergabung dengan kata adjektif warna dalam binaan ini. Kedua-dua jenis kata adjektif tersebut ialah kata adjektif warna dan kata adjektif sifatan dan keadaan. Bagi binaan ini, jumlah hasil dapatannya lebih banyak daripada jumlah binaan kata adjektif warna dengan kata nama, iaitu sebanyak 50.

Selain itu, binaan dengan dua perkataan bukan sahaja terdiri daripada warna yang ada dalam bahasa Melayu jati tetapi turut melibatkan dua jenis warna yang dipinjam daripada bahasa asing, iaitu warna *coklat* dan *krim*. Kata adjektif yang bergabung dengan kedua-dua jenis warna ini terdiri daripada jenis kata adjektif sifatan atau keadaan. Berikut ialah contoh-contohnya.

- | | |
|------------------|----------------|
| 1. coklat terang | 4. krim lembut |
| 2. coklat gelap | 5. krim polos |
| 3. coklat cerah | |

Hasil dapatan menunjukkan hanya sedikit sahaja daripada binaan ini yang ditemui, iaitu sebanyak tujuh binaan, kesemuanya yang terdiri daripada kata adjektif warna (pinjaman) dengan kata adjektif sifatan dan keadaan. Yang berikut ialah contoh dalam ayat. Hanya tiga contoh diberikan.


Contoh dalam ayat.

163. Kebanyakan perabot kayu mempisang yang digunakan ini berwarna perang atau *coklat terang*.
164. Lantai dengan warna *coklat gelap* dan diterangi cahaya suram lampu dengan hiasan kerang boleh ...
165. ... kaca untuk lapan orang diserikan dengan kerusi rendah kulit berwarna *coklat cerah*, melengkapkan gaya di ruang makan.

(a) Rajah pohon bagi binaan kata adjektif majmuk warna dengan penerang kata adjektif.

Agar binaan ini dapat dilihat dengan jelas, di bawah diperturunkan binaan kata adjektif majmuk warna dengan kata adjektif (jenis sifatan sebagai unsur penerang).


3.



Rajah 4.2 : Rajah Pohon Bagi Binaan Kata Adjektif Majmuk Warna dengan Penerang

Kata Adjektif (3)

4.



Rajah 4.3 : Rajah Pohon Bagi Binaan Kata Adjektif Majmuk Warna dengan Penerang

Kata Adjektif (4)

(ii) Kata adjektif majmuk warna dengan kata nama

Seterusnya ialah contoh binaan kata adjektif warna yang bergabung dengan kata nama.

- | | |
|----------------|--------------------|
| 1. hijau pokok | 5. kuning labu |
| 2. hijau epal | 6. kuning popcorn |
| 3. merah hati | 7. biru laut |
| 4. merah bata | 8. kelabu kebiruan |

Binaan ini, pada amnya, terdiri daripada *kata adjektif + kata nama* yang mengandungi kata adjektif sebagai inti frasa dengan kata nama sebagai penerangnya.


Hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua binaan yang mengandungi bentuk kata adjektif majmuk warna dengan penerang kata nama membawa maksud keserupan; dengan kata lain, unsur warna yang diterangkan itu mempunyai keserupaan yang sama pada sifat kata nama yang menjadi penerang. Misalnya, *merah hati*, *kuning labu*, dan *biru laut*. Ketiga-tiga bentuk kata ini memperlihatkan ciri keserupaan warna yang ada pada unsur *hati*, *buah labu* dan *laut*. Hasil penelitian menunjukkan hanya sebanyak 20 bentuk kata daripada binaan ini ditemui.

Contoh dalam ayat.


166. ... kehadiran sebuah sofa berwarna *merah hati* memberikan kelembutan.
167. ... (kuning air), krim ataupun warna yang lebih dramatik seperti warna *kuning labu* dan terracotta.
168. ... menyelitkan sedikit sentuhan warna sejuk, seperti warna hijau pudina atau *biru laut* dalam skema warna anda.

(b) Rajah pohon bagi binaan kata adjektif majmuk warna dengan kata nama

Seperti halnya dengan rajah pohon bagi binaan kata adjektif majmuk warna dengan penerang kata adjektif, yang berikut ialah rajah pohon bagi binaan kata adjektif majmuk warna dengan kata nama.



Rajah 4.4 : Rajah Pohon Bagi Binaan Kata Adjektif Majmuk Warna dengan Kata Nama (5)



Rajah 4.5 : Rajah Pohon Bagi Binaan Kata Adjektif Majmuk Warna dengan Kata Nama (6)

Secara keseluruhannya, bagi binaan kata adjektif majmuk dengan dua perkataan, binaan kata adjektif warna dengan kata adjektif paling banyak ditemui, iaitu sebanyak 50 dan binaan kata adjektif warna dengan kata nama pula sebanyak 20.

4.4.2 Kata adjektif majmuk warna dengan binaan tiga perkataan

Binaan kata adjektif majmuk warna dengan tiga perkataan agak kompleks. Jumlah yang dijumpai tidak banyak, iaitu 9 sahaja, seperti yang tersenarai di bawah.

(a) Binaan KA (warna) + KN + KA

1. hijau pokok-pokok segar
2. hijau limau nipis
3. merah jambu terang
4. merah jambu lembut
5. merah hati lembut
6. merah hati gelap
7. merah hati terang
8. merah buah tomato masak
9. hijau (kepingan) batu marmar

Contoh dalam ayat.

169. Menjenguk ke dalam rumah, penulis dapat melihat kesinambungan tonasi *hijau pokok-pokok segar*.
170. ... hendak menggunakan himpuan warna-warna pastel yang lembut seperti krim, tonasi *hijau limau nipis* yang segar, gandingan bersama warna 'palest apricot and ...

171. ... katil bermotif kecil dalam warna lembut dipadankan dengan langsin berwarna *merah jambu terang*.

Sembilan perkataan di atas dapat dikelompokkan kepada tiga kumpulan seperti yang berikut.

Kelompok A – Terdiri daripada binaan KA warna diikuti oleh FN.

1. hijau / pokok-pokok segar
2. merah / tomato masak

Terdapat hanya dua contoh dari bahan yang dikaji

Kelompok B – Terdiri daripada binaan KA warna diikuti oleh KN majmuk

1. hijau / limau nipis
2. hijau / (kepingan) batu marmar

Terdapat hanya dua contoh.

Kelompok C – Terdiri daripada binaan KA majmuk warna diikuti oleh KA

1. merah jambu / terang
2. merah jambu / lembut
3. merah hati / lembut
4. merah hati / gelap

5. merah hati / terang


Terdapat sembilan contoh dalam bahan yang dikaji.

Yang berikut ialah rajah pohon bagi ketiga binaan tersebut.

(a) Bagi kelompok A, contohnya *hijau pokok-pokok segar*.


7.

KA Majmuk Warna




Rajah 4.6 : Rajah Pohon Bagi Binaan Kata Adjektif Majmuk Warna (Kelompok A)

(b) Bagi kelompok B, contohnya *hijau limau nipis*.



Rajah 4.7 : Rajah Pohon Bagi Binaan Kata Adjektif Majmuk Warna (Kelompok B)

(c) Bagi kelompok C, contohnya *merah hati terang*.



Rajah 4.8 : Rajah Pohon Bagi Binaan Kata Adjektif Majmuk Warna (Kelompok C)

Kesimpulan, binaan kata adjektif majmuk warna dengan tiga perkataan agak menarik kerana keunikan dan kepelbagaian bentuk binaannya. Ada binaan yang terdiri daripada kata adjektif warna tunggal yang diikuti oleh unsur FN (pokok-pokok segar) dan kata nama majmuk (limau nipis). Yang lebih banyak ialah binaan yang berbentuk kata adjektif majmuk warna yang diterangkan oleh kata adjektif lain. Kesemua ini memperlihatkan kecanggihan binaan kata adjektif majmuk warna dalam bahasa Melayu.

4.5 Golongan Kata Unsur Yang Menerangkan

Dalam bahasa Melayu, terdapat tiga golongan kata utama, iaitu *kata nama*, *kata kerja*, dan *kata adjektif*. Ketiga-tiga golongan kata ini hadir sebagai unsur yang menerangkan dalam binaan kata adjektif majmuk warna. Yang berikut ialah huraihan tentang binaan ini.

4.5.1 Kata nama sebagai unsur yang menerangkan

Dalam binaan ini, kata nama berfungsi menerangkan kata adjektif majmuk warna. Pada lazimnya, kata nama akan hadir selepas kata adjektif (warna), contohnya *hijau pokok*, *merah hati*, dan *kuning air*. Kepelbagaian kata nama yang hadir bergabung dengan kata adjektif (warna) telah melahirkan kepelbagaian warna yang menarik dan hal ini secara tidak langsung menambahkan lagi perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu. Golongan kata nama yang hadir ini terdiri daripada pelbagai unsur, seperti unsur alam (pokok), unsur makanan (labu), dan unsur warna (jingga). Kebanyakan unsur kata nama yang hadir bergabung dengan kata adjektif (warna) ini memiliki ciri keserupaan dari segi warna. Yang berikut ialah contoh-contohnya.

1. hijau pokok
2. merah bata
3. merah pulasan
4. kunin labu
5. biru laut

Contoh dalam ayat.

172. ... warna terang ini dapat memberikan kontras dengan warna *hijau pokok* di sekelilingnya.
173. ... bunga dibucu katil nampak 'manis' dipadankan dengan langsisir berkotak warna *merah bata*.
174. Memilih sofa baldu *merah pulasan*, meja bulat kaca dari Kemboja kerusi cleopatra untuk ...

Hasil dapatan menunjukkan sebanyak 20 jenis kata nama yang hadir bergabung dengan kata adjektif warna. Jumlah ini adalah sedikit jika dibandingkan dengan jumlah kata adjektif yang hadir sebagai unsur yang diterangkan.

Yang menarik ialah terdapat beberapa bentuk kata adjektif majmuk warna yang baharu, yang dicipta berlatarkan keadaan semasa. Selain yang sedia ada dalam bahasa Melayu, bentuk kata adjektif majmuk warna, seperti *hijau daun* dan *merah jambu*, terdapat juga bentuk baharu seperti:

1. hijau pistasio
2. hijau buah zaitun
3. merah tomato masak.

4. kuning popcorn
5. biru firus

Contoh dalam ayat:

175. ... polypropylene dengan pilihan warna merah, biru tua, hitam, krim dan *hijau pistasio*.

176. Warna alam seperti ungu lilac, tona krim dan perang, *hijau buah zaitun* serta putih sentiasa menjadi buruan peminat fabrik ini.

177. Saya telah menggabungkan warna hijau pucuk bersama warna *merah tomato masak*.

Kunikan gabungan dengan pelbagai kata nama baharu memperlihatkan keupayaan bahasa Melayu menyesuaikan diri dengan keadaan semasa. Namun begitu, hasil dapatan menunjukkan jumlah kehadirannya dalam bahan kajian hanya 15 sahaja. Walau bagaimanapun, hal ini secara tidak langsung membantu menambahkan lagi pembendaharaan kata adjektif bahasa Melayu.

4.5.2 Kata adjektif sebagai unsur yang menerangkan

Dalam binaan ini, kata adjektif warna menerima kata adjektif sebagai unsur penerang.

Contohnya:

1. hijau lembut
2. merah pekat
3. kuning cair
4. biru pucat

5. putih polos

Contoh dalam ayat.

178. Tonasi warna *hijau lembut* menjadi pilihan untuk ruang makan.

179. ... bujang yang dihimpit ke dinding menggunakan kemasan

berwarna hitam dan *merah pekat*.

180. Sofa kulit berwarna *kuning cair* yang tampil harmoni dengan skema

warna keseluruhan ruang, disusun ...

Jumlah kata adjektif majmuk warna yang diterangkan oleh unsur sifatan atau keadaan ialah sebanyak 12. Selain kata adjektif sifatan atau keadaan, kata adjektif warna sendiri juga memainkan peranan sebagai unsur penerang dalam binaan kata adjektif majmuk warna. Yang berikut ialah contoh-contohnya.

1. merah jingga
2. merah merun
3. biru kuning
4. kuning perang

Contoh dalam ayat.

181. Jalinan warna hijau dan *merah jingga* pada alas cadar dan kusyen kecil

bersatu mewarnai ruang.

182. ... kedua berhadapan pintu masuk utama yang lebih ceria dengan warna

merah merun.

183. ... rumah, manakala sebuah lagi lebih berbentuk maskulin dengan gandingan warna *biru kuning* pada kabinet pasang siap.

Hanya empat sahaja kata adjektif majmuk warna jenis ini yang dikenal pasti, iaitu *jingga, merun, kuning, dan perang*. Kehadiran kata adjektif warna ini disebabkan ciri keserupaan yang dimiliki dengan warna yang diterangkan.

Yang menariknya pada kata adjektif majmuk warna jenis ini ialah terdapat binaan yang terdiri daripada kata adjektif yang telah menerima apitan *ke-...-an*. Terdapat tujuh kata adjektif majmuk warna jenis ini. Yang berikut ialah contoh-cotohnya:

1. kuning keperangan
2. kuning kehijauan
3. putih kekuningan
4. kelabu kebiruan
5. kelabu kehijauan

Contoh dalam ayat.

184. ... boleh mengecat salah satu dinding dengan satu warna trendy seperti *kuning keperangan*, merah batu-bata, hijau terang atau mana-mana tonasi terang yang ...

185. ... moden yang terang, juga tonasi natural seperti biru- hijau, hijau, *kuning kehijauan* kepada hijau keemasan sebagai tarikan di ruang tamu untuk ...

186. Untuk memberikan suasana yang lebih cosy, cat dinding menggunakan warna *putih kekuningan* yang dilihat berpadanan dengan elemen kayu yang banyak digunakan.

Secara kesimpulannya, hanya dua sahaja golongan kata yang memainkan peranan penting sebagai unsur penerang kapada kata adjektif warna dalam binaan kata adjektif majmuk warna, iaitu kata nama dan kata adjektif. Jumlah kehadiran golongan kata adjektif dilihat lebih banyak, iaitu sebanyak 50 manakala hanya 20 bagi golongan kata nama yang hadir sebagai unsur penerang kepada kata adjektif warna.

4.6 Jenis Unsur Yang Menerangkan

Terdapat lima jenis unsur yang menerangkan kata adjektif warna dalam binaan kata adjektif majmuk, iaitu *sifatan atau keadaan, bahan makanan, warna, unsur alam, dan umum*. Yang berikut ialah huraian ringkas.

4.6.1 Jenis sifatan atau keadaan

Warna memiliki kepelbagaiannya sifat atau keadaan yang tersendiri. Sifat-sifat tersebut adalah seperti *lembut, cair, terang, pekat, dan gelap*. Unsur penerang jenis sifatan atau keadaan ditemui dengan agak banyak, iaitu sebanyak 16. Yang berikut ialah contoh kata adjektif majmuk warna yang unsur penerangnya terdiri daripada jenis sifatan atau keadaan.

- | | |
|------------------|----------------|
| 1. hijau muda | 4. biru pucat |
| 2. merah pekat | 5. putih sejuk |
| 3. kuning terang | 6. ungu lembut |

Contoh dalam ayat.

187. Permainan warna *hijau muda* dan kuning pada dinding melatari suasana ceria di unit ...

188. ... bujang yang dihimpit ke dinding menggunakan kemasan berwarna hitam dan *merah pekat*.

189. Seterusnya saya akan memperkenalkan sejenis orkid berbunga *kuning terang*.

4.6.2 Jenis bahan makanan

Dalam binaan ini, kata adjektif warna diterangkan oleh perkataan yang merujuk bahan makanan seperti, *jambu*, *labu*, dan *buah tomato*. Di sini yang ditekankan ialah sifat pada bahan makanan yang berkenaan, terutama aspek warnanya. *Jambu* dalam *merah jambu* merujuk kepada warna buah tersebut apabila masak. Demikian juga dengan kata adjektif majmuk warna *kuning labu*. Yang berikut ialah beberapa contoh:

- | | |
|----------------------|----------------------------|
| 1. hijau pistasio | 4. merah buah tomato masak |
| 2. hijau buah zaitun | 5. kuning popcorn |
| 3. merah jambu | 6. kuning labu |

Contoh dalam ayat.

190. ... polypropylene dengan pilihan warna merah, biru tua, hitam, krim dan *hijau pistasio*.

191. Warna alam seperti ungu lilac, tona krim dan perang, *hijau buah zaitun*

serta putih sentiasa menjadi buruan peminat fabrik ini.

192. Corak bungaan berwarna *merah jambu* pada set hidangan ini begitu

indah dan sukar untuk ...

Hail kajian menunjukkan terdapat sebanyak 11 kata adjektif majmuk warna yang unsur penerangnya terdiri daripada bahan makanan. Yang menarik juga, terdapat binaan-binaan baharu, seperti *hijau pistasio* dan *hijau buah zaitun*. Binaan ini secara tidak langsung memperlihatkan keunikan bentuk kata adjektif majmuk warna. Dalam hal ini, ciri keserupaan warna yang ada pada *kacang pistasio* dan *buah zaitun* membantu menerangkan ciri warna *hijau* yang diperkatakan dengan lebih khusus. Pemilihan warna kacang pistasio dan buah zaitun sebagai ciri kepada warna hijau amat bertepatan, dan dikukuhkan lagi, dari segi psikologi, dari segi kedua-dua aspek ini juga merupakan unsur alam; warna hijau dari sudut psikologi juga diertikan sebagai warna alam.

4.6.3 Jenis warna

Turut membina kata adjektif majmuk warna ialah kata adjektif warna sebagai unsur penerang. Dengan kata lain, unsur yang menerangkan ini merupakan aspek warna juga, sebagai keterangan lanjut kepada sifat warna yang diterangkan itu. Sebagai contoh ialah *kuning kehijauan*. Dalam binaan ini warna hijau digunakan untuk menerangkan sifat kuning, yang berbeza, misalnya dengan *kuning tua* atau *kuning langsat*. Yang berikut ialah beberapa contoh binaan ini.

- | | |
|------------------|----------------------|
| 1. merah jingga | 6. hijau keemasan |
| 2. merah merun | 7. kuning keperangan |
| 3. kuning jingga | 8. jingga kemerahan |
| 4. kuning perang | 9. kelabu kebiruan |
| 5. biru kuning | 10. kelabu kehijauan |

Contoh dalam ayat.

193. Jalinan warna hijau dan *merah jingga* pada alas cadar dan kusyen kecil

bersatu mewarnai ruang.

194. ... kedua berhadapan pintu masuk utama yang lebih ceria dengan warna

merah merun.

195. ... pada warna di kamar ini, She memilih menggunakan fabrik bertonasi

kuning jingga pada hiasan langsir dan kemasan katil.

Merah jingga merupakan kata adjektif majmuk warna yang terdiri daripada gabungan kata adjektif warna dengan kata adjektif warna. Unsur warna *jingga* di sini memainkan peranan dalam menerangkan keadaan warna *merah* secara lebih khusus. Warna jingga merupakan warna yang terhasil melalui campuran warna merah dengan kuning. Hasil gabungan warna merah dengan jingga menghasilkan warna merah keorengan yang lebih terang dan mempunyai makna tersendiri. Warna merah dari aspek psikologi merupakan warna yang melambangkan *api*, *cinta*, *kekuatan*, dan *kehangatan*. Penggabungan antara dua warna, iaitu warna merah dan jingga, mampu menambahkan lagi simbol kekuatan dan kehangatan yang menggambarkan warna tersebut.

Jumlah keseluruhan bagi jenis kata ini ialah 10. Daripada jumlah ini, satu daripadanya terbentuk dengan binaan kata adjektif tunggal pinjaman, iaitu warna *merah merun*, yang dipinjam daripada bahasa Inggeris.

4.6.4 Jenis unsur alam

Alam ialah segala sesuatu yang ada di langit dan di bumi bumi, bintang-bintang, tenaga-tenga yang ada. Unsur alam juga dilihat turut memainkan peranan sebagai unsur penerang kepada unsur warna dalam binaan kata adjektif majmuk warna. Jumlah kehadiran kata adjektif majmuk warna yang terdiri daripada binaan kata adjektif warna dengan kata nama daripada unsur alam ialah sebanyak lapan. Berikut ialah contoh-contohnya.

- | | |
|------------------|------------------|
| 1. hijau pokok | 5. hijau lestari |
| 2. hijau pucuk | 6. merah bata |
| 3. hijau pudina | 7. kuning air |
| 4. hijau tropika | 8. biru laut |

Contoh dalam ayat.

196. ... warna terang ini dapat memberikan kontras dengan warna *hijau pokok* di sekelilingnya.

197. Saya telah menggabungkan warna *hijau pucuk* bersama warna *merah buah tomato masak*.

198. ... anda mungkin mahu menyelitkan sedikit sentuhan warna sejuk, seperti

warna *hijau pudina* atau biru laut dalam skema warna anda.

Dalam bahan yang dikaji kebanyakan binaan kata adjektif majmuk warna yang unsur keterangannya terdiri daripada alam terdiri daripada unsur warna hijau. Yang menariknya juga ialah kata adjektif warna *biru firus*. Perkataan *firus* ialah kata adjektif tunggal pinjaman yang membawa maksud sejenis batu yang berwarna kebiruan dan dikategorikan di bawah sumber alam, iaitu mineral. Persamaan ciri yang ada pada unsur warna dan unsur alam ini menjadikan gabungan kedua-dua unsur ini satu bentuk kata yang baharu dan menarik.

4.6.5 Jenis umum

Jenis yang terakhir dikategorikan sebagai jenis umum, yang merangkumi pelbagai unsur yang bukan daripada jenis-jenisnya yang dinyatakan sebelum ini. Hasil dapatan menunjukkan sebanyak empat unsur yang dikategorikan di bawah jenis umum ditemui.

Berikut ialah contoh-contohnya.

1. hijau kepingan batu marmor
2. merah hati
3. merah karat
4. ungu lilac

Contoh dalam ayat.

199. Warna *hijau kepingan batu marmor* yang membentuk anak tangga


berbentuk melengkung ini ...

200. Ia mengeluarkan bunga berkelopak hijau dan tompokan *merah hati*.

201. Carmel dan Stuart juga telah memilih warna *merah karat* untuk sekeping dinding bersebelahan pintu masuk dan menghadap ruang ...

Unsur warna sememangnya berupaya untuk digandingkan dengan pelbagai aspek bagi memperkaya lagi kepelbagaiannya warna yang ada. Contohnya, *merah karat*. Perkataan *karat* membawa maksud selaput atau lapisan berwarna kemerah-merahan yang melekat pada besi atau benda-benda lain akibat terdedah dengan udara dan air (*Kamus Komprehensif Bahasa Melayu*, 2005). Ciri warna yang ada pada karat tersebut dikaitkan dengan ciri yang ada pada warna merah.

Sebagai kesimpulan, terdapat lima jenis unsur yang hadir dalam binaan kata adjektif majmuk warna yang bertindak sebagai unsur penerang. Unsur-unsur ini dilihat sangat membantu dalam memberi penerangan tambahan dan secara tidak langsung kehadiran unsur-unsur daripada jenis yang pelbagai ini berupaya memperkaya unsur warna yang ada. Yang berikut ialah graf bagi menggambarkan jenis unsur yang menerangkan binaan kata adjektif majmuk warna yang dikaji.



Rajah 4.9 : Jenis unsur yang menerangkan dalam binaan kata adjektif majmuk warna

Graf di atas menunjukkan jenis unsur sifatan atau keadaan yang merupakan jenis yang paling banyak, iaitu sebanyak 16, diikuti dengan jumlah kedua terbanyak, iaitu jenis makanan, sebanyak 11. Seterusnya ialah unsur keterangan jenis warna, sebanyak

10 dan lapan bagi jenis unsur alam. Jenis keterangan umum berjumlah hanya sebanyak empat yang merupakan jumlah hasil dapatan yang paling sedikit.

4.7 Rumusan

Jumlah keseluruhan kata adjektif majmuk warna yang ditemui dalam bahan kajian ialah 80 kata. Daripada 80 kata ini, bentuknya terdiri daripada binaan yang pelbagai dari segi jumlah perkataan. Hasil kajian menunjukkan terdapat dua jenis binaan bagi kata adjektif majmuk warna, iaitu binaan kata adjektif warna dengan dua perkataan dan binaan kata adjektif majmuk warna dengan tiga perkataan. Jumlah dapatan bagi setiap binaan juga berbeza, iaitu binaan kata adjektif majmuk warna dengan dua perkataan dilihat lebih tinggi berbanding dengan jumlah binaan yang lain, iaitu dengan jumlah sebanyak 70 binaan. Bagi binaan kata adjektif majmuk warna dengan tiga perkataan, terdapat sembilan binaan, menjadikan semuanya 80 binaan kata adjektif majmuk warna yang ditemui dalam bahan kajian.

Selain itu, binaan kata adjektif majmuk warna juga dapat dilihat dari segi golongan kata yang menerangkan kata adjektif. Golongan kata nama dan kata adjektif merupakan dua golongan kata yang berpotensi tinggi dalam membantu proses pembinaan kata adjektif majmuk warna. Dalam hal ini, golongan kata adjektif dilihat hadir dengan kerap, iaitu sebanyak 50 kali berbanding dengan jumlah kehadiran golongan kata nama, iaitu sebanyak 20 kali.

Kajian ini turut memberi fokus kepada aspek pembaharuan dalam proses pembentukan kata adjektif majmuk warna. Selain bentuk-bentuk lama, terdapat beberapa bentuk baharu yang memperlihatkan keunikan tersendiri. Berikut ialah beberapa contoh bentuk baharu, dibandingkan dengan bentuk-bentuk lama.

Bentuk lama	Bentuk baharu
1. hijau muda	1. hijau pistasio
2. merah jambu	2. hijau buah zaitun
3. kuning langsat	3. kuning popcorn
4. biru laut	4. kuning labu
5. hitam pekat	5. biru firus

Contoh-contoh kata adjektif majmuk warna bentuk baharu di atas memperlihatkan bagaimana unsur-unsur yang wujud dalam kehidupan masyarakat dieksplorasi oleh pengarang-pengarang majalah *Impiana*. Masyarakat sekarang sangat biasa dengan makanan dari luar seperti pistasio dan popcorn; dengan demikian gandingan unsur-unsur ini dengan perkataan warna amat berkesan. Bentuk-bentuk baharu ini juga menggambarkan pontesi bahasa Melayu kini untuk meluaskan kosa katanya, dengan mengambil kira gejala yang baru muncul dalam kehidupan sehari-hari.

Walaupun jumlah kata adjektif majmuk warna dalam bentuk baharu ini amat kecil, iaitu hanya sebanyak 15, berbanding dengan 65 bentuk lama, namun jelas potensinya ada dan telah dieksplorasi oleh pengarang-pengarang majalah *Impiana*.

Berkaitan juga dengan aspek unsur baharu atau inovasi ini ialah jenis warna. Dalam kajian ini, dua daripada warna yang ditemui merupakan warna yang dipinjam daripada bahasa asing, iaitu *coklat* dan *krim*. Kedua-dua unsur warna ini dipinjam sepenuhnya dengan penyesuaian ejaan. Yang berikut ialah beberapa contoh:

- | | |
|------------------|----------------|
| 1. coklat terang | 3. krim lembut |
| 2. coklat cerah | 4. krim polos |

Satu lagi aspek yang menarik tentang binaan kata adjektif majmuk warna ialah penggunaan perkataan asing, khusunya daripada bahasa Inggeris. Dalam hal ini, perkataan yang dipinjam merupakan unsur yang menerangkan warna. Dalam kajian ini, ditemui sebanyak enam kata adjektif majmuk warna, iaitu seperti yang terdapat dalam contoh-contoh berikut:

- | | |
|-------------------|-------------------|
| 1. hijau pistasio | 4. kuning neutral |
| 2. merah merun | 5. biru firus |
| 3. kuning popcorn | 6. ungu lilac |

Secara kesimpulan, dapat dikatakan bahawa bentuk kata adjektif majmuk, secara bandingan dengan kata-kata majmuk lain, agak terhad. Yang agak banyak sedikit, dan yang dapat dikenal pasti dalam bahan yang dikaji, ialah kata adjektif majmuk warna, berjumlah sebanyak 80.

Satu perkara yang menarik daripada penelitian terhadap kata adjektif majmuk warna dalam bahan kajian ialah potensi yang ada untuk meningkatkan bentuk-bentuknya, yang jelas telah dieksplorasi oleh pengarang-pengarang majalah *Impiana*. Mereka bukan sahaja menggunakan bentuk-bentuk yang sedia ada tetapi juga meluaskan konsep binaannya untuk meliputi unsur-unsur baharu, di samping meminjam perkataan-perkataan daripada bahasa asing.

Bentuk-bentuk kata adjektif warna ini sememangnya membantu dalam usaha memperkaya kosa kata bahasa Melayu dan sekali gus membantu memperkaya unsur warna

BAB 5 : PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Kajian ini membincangkan perihal bentuk dan proses pembentukan serta jenis kata adjektif, terutamanya kata adjektif majmuk warna. Terdapat tiga objektif utama, iaitu mengenal pasti bentuk dan proses pembentukan kata adjektif serta jenis kata adjektif, menganalisis kata adjektif majmuk, dengan tumpuan kepada kata adjektif majmuk warna, dan seterusnya menghuraikan bentuk dan jenis kata adjektif majmuk warna. Ketiga-tiga objektif kajian ini dikaji berdasarkan bahan daripada majalah *Impiana*, iaitu sebuah majalah dekorasi. Dua kaedah digunakan untuk memperoleh hasil dapatan ini, iaitu (a) bagi kata adjektif, secara langsung daripada majalah *Impiana*, dan (b) bagi kata adjektif majmuk warna, menerusi pangkalan data korpus DBP. Pangkalan data korpus DBP digunakan berikutan kesukaran bagi mendapatkan kata adjektif majmuk warna yang terhad bilangannya.

5.2 Rumusan

Hasil kajian menunjukkan hasil yang positif menerusi capaian objektif pertama tesis ini dalam mengenal pasti bentuk dan jenis kata adjektif serta menghuraikan aspek pembentukannya. Hal ini dapat dilihat dalam bab 3 yang membincangkan aspek ini secara terperinci. Hasil kajian menunjukkan jumlah bentuk kata adjektif tunggal ialah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 269 kata. Ini diikuti dengan jumlah bentuk kata adjektif majmuk yang merupakan jumlah kedua tertinggi, iaitu sebanyak 57 dan seterusnya bentuk kata adjektif terbitan dengan jumlah sebanyak 46. Namun begitu, bentuk kata adjektif ganda tidak ditemui.

Dari segi jenis pula, hasil kajian menunjukkan bahawa kata adjektif tunggal jati didapati sama seperti yang terdapat dalam *Tatabahasa Dewan*. Hal ini dikatakan demikian kerana hasil kajian menunjukkan terdapat sembilan jenis kata adjektif tunggal, iaitu kata adjektif tunggal sifatan atau keadaan, kata adjektif tunggal warna, kata adjektif tunggal ukuran, kata adjektif tunggal bentuk, kata adjektif tunggal waktu, kata adjektif tunggal jarak, kata adjektif tunggal cara, kata adjektif tunggal perasaan, dan kata adjektif tunggal pancaindera. Namun begitu, bagi kata adjektif tunggal pinjaman pula, hanya tujuh jenis sahaja yang ditemui dalam bahan kajian, iaitu kata adjektif tunggal pinjaman sifatan atau keadaan, kata adjektif tunggal pinjaman warna, kata adjektif tunggal pinjaman ukuran, kata adjektif tunggal pinjaman waktu, kata adjektif tunggal pinjaman cara, kata adjektif tunggal pinjaman perasaan, dan kata adjektif tunggal pinjaman pancaindera.

Seterusnya, bagi kata adjektif terbitan, sebanyak tujuh jenis yang ditemui, iaitu kata adjektif terbitan sifatan atau keadaan, kata adjektif terbitan ukuran, kata adjektif terbitan waktu, kata adjektif terbitan jarak, kata adjektif terbitan cara, kata adjektif terbitan perasaan, dan kata adjektif terbitan pancaindera. Bagi kata adjektif majmuk hanya sebanyak dua jenis sahaja yang ditemui, iaitu kata adjektif majmuk sifatan atau keadaan dan kata adjektif majmuk warna, manakala tiada sebarang jenis daripada kata adjektif ganda ditemui dalam bahan kajian. Hasil kajian juga mendapati bahawa kata adjektif jenis sifatan atau keadaan lebih menonjol kehadirannya dalam bahan yang dikaji berbanding dengan jenis lain.

Seterusnya, perbincangan dalam bab 4 tesis ini juga menunjukkan tercapainya objektif kedua dan ketiga. Dalam perbincangan ini, pada peringkat awal kajian ini lebih menjurus kepada menganalisis kata adjektif majmuk warna. Dalam proses menganalisis kata adjektif majmuk warna, data kajiannya diperoleh melalui cara yang berbeza daripada proses pengumpulan data bagi kata adjektif. Proses mengumpul data kajian ini

dilakukan menerusi pengaplikasian pangkalan data korpus DBP dengan menetapkan korpus yang sama, iaitu majalah *Impiana*. Hal ini berikutan hasil dapatannya yang agak terhad.

Hasil kajian menunjukkan bahawa bagi bentuk kata adjektif majmuk warna, didapati sebanyak dua bentuk sahaja, iaitu kata adjektif majmuk warna dengan binaan dua perkataan dan kata adjektif majmuk warna dengan binaan tiga perkataan. Daripada aspek penjenisan pula, bagi kedua-dua bentuk kata adjektif ini, didapati hanya terdapat lima jenis sahaja yang ditemui, iaitu kata adjektif warna daripada jenis sifatan atau keadaan, bahan makanan, warna, unsur alam, dan umum. Aspek penjenisan ini dikenal pasti melalui kehadiran unsur yang menerangkan kata adjektif majmuk warna. Walaupun hasil dapatan bagi kata adjektif majmuk warna agak terhad, namun mencapai objektif kedua dan ketiga bagi tesis ini.

Selain itu, pada bab 4 ini juga turut dibincangkan, secara ringkas golongan kata sebagai unsur yang menerangkan kata adjektif. Dalam hal ini, golongan kata nama dan kata adjektif dilihat kerap kali bertindak sebagai unsur penerang bagi kata adjektif majmuk warna. Bagi kata adjektif majmuk warna, jenis-jenis kata adjektif majmuk warna ini dikategorikan berdasarkan unsur yang menerangkan kata adjektif. Dalam hal ini, lima sahaja unsur yang hadir untuk menerangkan kata adjektif majmuk warna, iaitu unsur sifatan atau keadaan, unsur bahan makanan, unsur warna, unsur alam, dan unsur umum.

Secara kesimpulannya, kajian menunjukkan bahawa jumlah kehadiran kata adjektif amat tinggi, iaitu sebanyak 372 kata. Jumlah ini juga dilihat lebih tinggi berbanding dengan jumlah kehadiran kata adjektif majmuk warna, iaitu hanya sebanyak 80 kata yang ditemui dalam bahan kajian. Perbezaan kedua bentuk kata adjektif ini amat ketara. Hal ini adalah kerana penggunaan kata adjektif majmuk warna yang terhad dan didapati

penggunaan kata adjektif majmuk warna ini digunakan dalam korpus tertentu, terutamanya korpus atau majalah yang membincangkan perihal warna. Namun begitu, bagi kata adjektif pula, penggunaanya tidak cenderung pada korpus tertentu sebaliknya hadir dalam pelbagai korpus.

5.3 Cadangan

Kajian ini secara umumnya, membincangkan perihal bentuk kata adjektif, terutamanya kata adjektif majmuk warna dalam majalah *Impiana*. Majalah ini dipilih berikutan faktor isi kandungannya yang dilihat mempunyai tahap penggunaan kata adjektif yang amat tinggi, baik untuk kata adjektif biasa mahupun kata adjektif majmuk warna. Namun begitu, kajian seperti ini tidaklah seharusnya hanya berhenti di sini, sebaliknya diteruskan lagi.

Sebagai cadanganya, dicadangkan diperbanyak lagi kajian dengan menambah dan mempelbagaikan bahan kajian. Antara bahan kajian lain yang mungkin boleh dilihat adalah seperti novel, majalah akademik seperti *Pelita Bahasa*, majalah-majalah dari pelbagai genre, seperti majalah masakan, pengantin, sukan atau yang berkaitan dengan warna. Dengan menambah dan mempelbagaikan bahan kajian, usaha ini akan membantu dalam melihat kepelbagaian bentuk kata adjektif majmuk warna.

Selain itu, hasil kajian mendapati bahawa kata adjektif majmuk warna sangat menarik, terutamanya pada bentuknya yang seterusnya menghasilkan jenis-jenisnya yang tersendiri daripada pelbagai aspek. Usaha menambah dan mempelbagaikan bahan kajian seperti yang dicadangkan di atas akan membantu kita dalam melihat pembentukannya yang berbeza dalam genre bahan kajian yang berlainan. Satu kemungkinan ialah dapat melihat bentuk kata adjektif majmuk warna dengan binaan

yang lebih banyak, seperti empat atau lima perkataan kerana novel kerap mengandungi ayat yang panjang.

Seterusnya, sebagai cadangan terakhir, dicadangkan agar kata adjektif majmuk warna ini dilihat pada kedudukannya dalam ayat. Secara tidak langsung kita akan dapat melihat bagaimana kata adjektif majmuk warna ini juga befungsi dalam ayat.

Penutup

Kesimpulannya, kajian tentang kata adjektif amat menarik, terutamanya kata adjektif majmuk warna. Perkara yang telah dikenal pasti amat menarik bagi kata ini ialah dari segi bentuk dan jenisnya yang pelbagai. Dalam hal ini, bentuk kata adjektif majmuk warna dilihat menarik dengan kepelbagaian binaannya yang terdiri daripada beberapa perkataan, seperti kata adjektif majmuk warna dengan dua perkataan dan sebagainya. Binaan yang terhasil ini juga dilihat terbentuk berdasarkan kekreatifan dalam membentuknya. Hal ini demikian kerana binaanya kerap dikaitkan dengan pelbagai unsur yang ada di sekeliling yang seterusnya bertindak sebagai unsur yang menerangkan. Hal ini secara tidak langsung membantu proses menjeniskan bentuk kata ini kepada pelbagai jenis berdasarkan unsur yang hadir bersamanya. Aspek kata adjektif majmuk warna kurang dikaji. Kajian ini menunjukkan banyak aspek yang dapat diperoleh daripada kajian tentang kata adjektif jenis ini. Hal ini secara tidak langsung membantu memperkembangkan lagi kata adjektif dalam bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1974). *The morphology of Malay*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (2006). *Morfologi, siri pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Adams, Valerie. (1973). *An introduction to modern English word-formation*. London and New York. Longman.
- Arbak Othman. (1944). *Kamus komprehensif bahasa Melayu*. Shah Alam, Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar. Sdn. Bhd.
- Asmah Hj. Omar. (1993). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharom, N. (2002). *Kamus Dewan: Edisi Ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Bauer, L. (1983). *English word-formation*. Cambridge: Cambridge University Press,
- Brewster. (1831). *Teori Warna Brewster*. Diakses pada 30 Mei 2014 daripada laman sesawang <http://edupaint.com/warna/roda-warna/486-read-110617-teori-warna-brewster.html>
- Eugene Albert Nida. (1965). *Morphology : The Descriptive Analysis of Words*. Volume 3. Linguistics. University of Michigan Press.
- Eko Nugroho. (2008). *Pengenalan teori warna*. Diakses pada 30 Mei 2014 daripada laman sesawang informatika.web.id/teori-warna.htm.

Eva Ptackova. (2008). *Compound adjectives in women's lifestyle magazines*. Jabatan Bahasa Inggeris dan Sastera, Fakulti Pendidikan. Universiti Masaryk, Republik Czech.

Farid M. Onn. (1980). *Aspect of Malay phonology and morphology: A generative approach*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ferdinand de Saussure. (1959). *Course in General Linguistics*. Philosophical Library. University of California Libaries. New York.

Ganbold Badamsuren. (2013). *Comparative studies on compound adjective formation of Mongolian & English languages*. Humanities Professorial Team School of Technology in Darkhan, MUST.

Harimurti Kridalaksana. (1989). *Pembentukan kata dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.

Hishamudin Isam dan Norsimah Mat Awal. (2011). *Nilai setia dari perspektif prosodi semantik: Analisis berbantu data korpus*. Gema Online® Journal of Language Studies (Volume 12, No. 2, 2012, Pages 359 to 374). Diakses pada 1 Jun 2014 daripada laman sesawang <http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=63570>.

Ingo Plag. (2003). *Word-formation in English*. Cambridge: Cambridge University Press.

Isaac Newton. (1966). *Mengenal teori warna*. Diakses pada 30 Mei 2014 dariapda laman sesawang <http://www.edupaint.com/warna/roda-warna/585-mengenal-teori-warna-isaac-newton>.

Kusrianto. (2007). *Teori Warna*. Diakses pada 30 Mei 2014 daripada laman sesawang <http://informatika.web.id/teori-warna.htm>.

- Matthews, P.H. (1974). *Morphology: An introduction to the theory of word-structure*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Meijs, W. (1975). *Compound adjectives and the ideal speaker-listener. A study of compounding in a transformational-generative framework*. North Holland Amsterdam.
- Molly E. Holzschlag. (2007). *Teori warna*. Diakses pada 30 Mei 2014 daripada laman sesawang <http://informatika.web.id/teori-warna.htm>.
- Nazaruddin S. H. (1974). *Pengantar Metodologi*. Publisiti Dakwah Jakarta: Penerbitan Erlangga.
- Nelleke Oostdijk. (2008). *Improving the lexical coverage of English compound adjectives*. Proceedings of the 18th Meeting of Computational Linguistics in the Netherlands, pp. 117-130. Department of Linguistics.Radhoud University Nijmegen.
- Nida, E. A. (1970). *Morphology: A descriptive analysis of words*. Ann Arbor: The University of Michigan Press.
- Nik Safiah Karim et. al. (2010). *Tatabahasa Dewan (edisi ketiga)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, 1988. *Linguistik transformasi generatif: Suatu penerapan pada bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norliza Jamaluddin. (2000). *Analisis kata sifat bahasa Melayu berdasarkan data korpus berkomputer*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak Darul Ridzuan.
- Ramlan, M. (1985). *Morfologi: Satu tinjauan deskriptif*. Yogyakarta: CV Karyono.

Rochelle Lieber. (2010). *Introducing morphology*. Cambridge: Cambridge University Press.

Rozali Bin Lebai Awang. (2000). *Satu kajian penggolongan kata adjektif dalam kumpulan sajak saat sebelum berangkat*. Disertasi Sarjana. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.

Sabitha. (2006). *Reka bentuk kajian*. Diakses pada 28 Januari 2013 daripada laman sesawang http://dynamic5900.blogspot.my/2012/12/reka-bentuk-kajian_19.html.

Sara Conti. (2006). "Compound adjectives in English: A descriptive approach to their morphology and functions". Tesis Sarjana Muda. Universita Di Pisa, Italy.

Siti Aishah binti Ashaari. (2004). *Kata adjektif bahasa Melayu-Arab: Satu analisis kontrastif*. Disertasi Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Sulaiman Masri & Ahmad Khair Mohd. Nor. (2002). *Tatabahasa Melayu Mesra Pengguna*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.

Zikmund, W. G (2003). *Business Research Method*, (7th Ed.) Forth Worth. USA: Dryden Press.

Bahagian A – Senarai Perkataan

Lampiran 1: Kata Adjektif Tunggal (Jati)

No.Bil	Kata Adjektif Tunggal Jati	
	Kata Adjektif	Kekerapan
1.	Ringkas	37
2.	Baru	27
3.	Putih	27
4.	Bijak	25
5.	Muntah	25
6.	Banyak	24
7.	Cukup	23
8.	Ramai	22
9.	Sesuai	21
10.	Santai	20
11.	Mewah	20
12.	Sedikit	19
13.	Lembut	19
14.	Indah	19
15.	Selesa	19
16.	Lama	18
17.	Besar	17
18.	Penuh	16
19.	Luas	16
20.	Cantik	16
21.	Hitam	15
22.	Mesra	15
23.	Tinggi	13
24.	Berani	13
25.	Asli	12
26.	Sempurna	12
27.	Kekal	11
28.	Kemas	11
29.	Segar	10
30.	Dempak	9
31.	Hebat	9
32.	Lengkap	9
33.	Polos	9
34.	Jelas	8
35.	Gelap	8
36.	Hijau	8
37.	Damai	8
38.	Biasa	7

39.	Dekat	7
40.	Hampir	7
41.	Muda	7
42.	Mula	7
43.	Sarat	7
44.	Tengah	6
45.	Terang	6
46.	Harmoni	6
47.	Cinta	6
48.	Bersih	6
49.	Asing	5
50.	Bebas	5
51.	Biru	5
52.	Baik	5
53.	Jauh	5
54.	Rata	5
55.	Rapi	5
56.	Sebatи	5
57.	Tunggal	4
58.	Tenang	4
59.	Tepat	4
60.	Suka	4
61.	Padu	4
62.	Kasar	4
63.	Awal	4
64.	Amali	4
65.	Basah	3
66.	Empuk	3
67.	Faham	3
68.	Hangat	3
69.	Kuning	3
70.	Kelabu	3
71.	Kena	3
72.	Lancar	3
73.	Marah	3
74.	Nyata	3
75.	Panas	3
76.	Sukar	3
77.	Sederhana	3
78.	Terus	3
79.	Sempit	3
80.	Telus	2
81.	Tebal	2
82.	Serasi	2
83.	Singkat	2
84.	Sibuk	2
85.	Rajin	2

86.	Pantas	2
87.	Panjang	2
88.	Manis	2
89.	Kering	2
90.	Jemu	2
91.	Halus	2
92.	Formal	2
93.	Erat	2
94.	Berat	2
95.	Anggun	2
96.	Bulat	1
97.	Baharu	1
98.	Bosan	1
99.	Cepat	1
100.	Dingin	1
101.	Elok	1
102.	Gusar	1
103.	Gentar	1
104.	Gembira	1
105.	Jarang	1
106.	Jernih	1
107.	Kusam	1
108.	Kukuh	1
109.	Kompak	1
110.	Keletah	1
111.	Keramat	1
112.	Kosong	1
113.	Lebar	1
114.	Lebat	1
115.	Licin	1
116.	Lekas	1
117.	Manja	1
118.	Meriah	1
119.	Penat	1
120.	Prihatin	1
121.	Pudar	1
122.	Rapat	1
123.	Remeh	1
124.	Rindu	1
125.	Sesak	1
126.	Sedap	1
127.	Wajib	1
128.	Wajar	1
129.	Riang	1
130.	Yakin	1
131.	Wangi	1
132.	Ungu	1

133.	Unggul	1
134.	Tetap	1
135.	Tajam	1
136.	Teguh	1
137.	Tirus	1
138.	Tawa	1
139.	Tegar	1
140.	Tewas	1
141.	Takut	1
142.	Terik	1
143.	Setia	1
144.	Senang	1
145.	Suam	1
146.	Senggang	1
147.	Suram	1
148.	Sejuk	1
149.	Susah	1
150.	Seimbang	1
151.	Selamat	1
152.	Spontan	1
153.	Syahdu	1
154.	Rakus	1
155.	Ringan	1
156.	Rendah	1
157.	Resah	1
158.	Rendang	1
159.	Payah	1
160.	Pucat	1
161.	Pintar	1
162.	Perang	1
163.	Peka	1
164.	Pelik	1
165.	Pesat	1
166.	Nyenjak	1
167.	Molek	1
168.	Mahir	1
169.	Murah	1
170.	Malap	1
171.	Mampan	1
172.	Lurus	1
173.	Lokek	1
174.	Lapang	1
175.	Lesu	1
176.	Lembap	1
177.	Lazim	1
178.	Lucu	1
179.	Lampau	1

180.	Longlai	1
181.	Larut	1
182.	Layak	1
183.	Letih	1
184.	Kekok	1
185.	Ketat	1
186.	Kaya	1
187.	Kedap	1
188.	Kuat	1
189.	Keras	1
190.	Jujur	1
191.	Jelita	1
192.	Harum	1
193.	Hambar	1
194.	Gagal	1
195.	Giat	1
196.	Garang	1
197.	Girang	1
198.	Enak	1
199.	Duka	1
200.	Condong	1
201.	Ceria	1
202.	Comel	1
203.	Cerah	1
204.	Ceremati	1
205.	Cuka	1
206.	Cemerlang	1
207.	Bingung	1
208.	Bakal	1
209.	Benar	1
210.	Bagus	1
211.	Bising	1
212.	Aman	1
213.	Asyik	1
214.	Adil	1
215.	Ideal	1
216.	Kurang	1
217.	Canggih	1
218.	Matang	1
219.	Kelam	1
220.	Mahal	1
221.	Terus	1
222.	Dahulu	1
223.	Teruja	1

Lampiran 2: Kata Adjektif Tunggal (Pinjaman)

No.Bil	Kata Adjektif Tunggal Pinjaman	
	Kata Adjektif	Kekerapan
224.	Moden	34
225.	Unik	20
226.	Eksklusif	13
227.	Klasik	13
228.	Kontemporer	12
229.	Elegan	10
230.	Istimewa	9
231.	Dramatik	8
232.	Neutral	7
233.	Positif	7
234.	Antik	5
235.	Mini	5
236.	Popular	4
237.	Aktif	3
238.	Serius	3
239.	Maksimum	3
240.	Feminim	2
241.	Fleksibel	2
242.	Konsisten	2
243.	Minimal	2
244.	Komersial	1
245.	Efisiensi	1
246.	Artistik	1
247.	Seksi	1
248.	Abstrak	1
249.	Dinamik	1
250.	Dominan	1
251.	Emosional	1
252.	Efektif	1
253.	Ekspressif	1
254.	Individualistik	1
255.	Kompleks	1
256.	Konvensional	1
257.	Optimum	1
258.	Progresif	1
259.	Visual	1
260.	Sentimental	1
261.	Strategik	1
262.	Stabil	1
263.	Statik	1
264.	Sistematik	1

265.	Sensitif	1
266.	Romantis	1
267.	Ranggi	1
268.	Krim	1
269.	Fokus	1

Lampiran 3: Kata Adjektif Terbitan

No.Bil	Kata Adjektif Terbitan (ter-)	
	Awalan ter-	Kekerapan
1.	Terindah	3
2.	Ternyata	2
3.	Terbesar	1
4.	Terdekat	1
5.	Terkenal	1
6.	Terbaik	-
7.	Terbaru	-
8.	Tercinta	-
9.	Terkeliru	-
10.	Terlalu	-
11.	Terperinci	-
12.	Tersayang	-
13.	Terseragam	-
14.	Terserlah	-
15.	Tersilap	-
16.	Tersohor	-

No.Bil	Kata Adjektif Terbitan (se-)	
	Awalan se-	Kekerapan
1.	Sebenar	6
2.	Sepanjang	4
3.	Sebanyak	3
4.	Sebaris	3
5.	Sepenuh	3
6.	Serupa	3
7.	Setara	2
8.	Sedondon	1
9.	Segenap	1
10.	Selebar	1
11.	Setinggi	1
12.	Sebaik	-
13.	Sebetul	-

14.	Secergas	-
15.	Seharum	-
16.	Seharus	-
17.	Sehebat	-
18.	Seindah	-
19.	Sejajar	-
20.	Sekata	-
21.	Selama	-
22.	Selayak	-
23.	Selaras	-
24.	Selari	-
25.	Serancak	-
25.	Seringkas	-
26.	Sezaman	-
27.	Semerbak	-

Lampiran 4: Kata Adjektif Majmuk (Majalah *Impiana*)

No.Bil	Kata Adjektif Majmuk (Pelbagai)	
	Kata Adjektif Majmuk (Pelbagai)	Kekerapan
1.	Semula jadi	11
2.	Moden klasik	11
3.	Moden kontemporari	5
4.	Moden tropika	3
5.	Moden Kolonial	3
6.	Tahan lama	3
7.	Malar segar	1
8.	Tahan lasak	1
9.	Moden inggeris	-
10.	Panas terik	-
11	Luar biasa	-

No.Bil	Kata Adjektif Majmuk Warna	
	Hijau	Kekerapan
1.	Hijau muda	7
2.	Hijau lembut	3
3.	Hijau tua	2
4.	Hijau pokok	1
5.	Hijau pokok-pokok segar	1
6.	Hijau terang	1
7.	Hijau pistasio	-
8.	Hijau epal	-

9.	Hijau pudina	-
10.	Hijau pekat polos	-
11.	Hijau limau nipis	-
12.	Hijau peningan batu marmar	-
13.	Hijau pekat polos	-
14.	Hijau segar	-
15.	Hijau pucat	-
16.	Hijau tropika	-
17..	Hijau lestari	-
18.	Hijau keemasan	-
19.	Hijau pucuk	-
20.	Hijau halus	-
21.	Hijau gelap	-
22.	Hijau buah zaitun	-
	Merah	Kekerapan
23.	Merah jambu	6
24.	Merah muda	3
25.	Merah bata	3
26	Merah hati	2
27.	Merah jambu terang	2
28.	Merah jambu lembut	2
29.	Merah hati lembut	1
30..	Merah hati gelap	1
31.	Merah hati terang	1
32.	Merah batu-bata	-
33.	Merah jingga	-
34	Merah pulasan	-
35	Merah pekat	-
36	Merah terang	-
37	Merah kuning	-
38	Merah tua	-
39.	Merah tomato masak	-
40.	Merah merun	-
41.	Merah karat	-
	Kuning	Kekerapan
42.	Kuning terang	2
43.	Kuning cair	1
44.	Kuning jingga	-
45.	Kuning keperangan	-
46.	Kuning polos	-
47.	Kuning muda	-
48.	Kuning perang	-
49.	Kuning air	-
50.	Kuning popcorn	-
51.	Kuning kehijauan	-
52.	Kuning labu	-
53.	Kuning neutral	-

	Biru	Kekerapan
54.	Biru gelap	3
55.	Biru tua	2
56.	Biru pekat	-
57.	Biru pucat	-
58.	Biru firus	-
59.	Biru lembut	-
60.	Biru kuning	-
61.	Biru laut	-
	Coklat	Kekerapan
62.	Coklat terang	2
63.	Coklat gelap	1
64.	Coklat cerah	-
65.	Coklat tua	-
66.	Coklat pekat	-
	Hitam	Kekerapan
67.	Hitam putih	-
68.	Hitam pekat	-
69.	Hitam kusam	-
	Putih	Kekerapan
70.	Putih kekuningan	-
71.	Putih polos	-
72.	Putih sejuk	-
	Ungu	Kekerapan
73.	Ungu pucat	-
74.	Ungu lembut	-
75.	Ungu lilac	-
	Krim	Kekerapan
76.	Krim lembut	-
77.	Krim polos	-
	Jingga	Kekerapan
78.	Jingga terang	1
79.	Jingga kemerahan	-
80.	Jingga muda	-

Bahagian B – Hasil Dapatan melalui Pangkalan Data Korpus

Sebahagian Contoh Hasil Dapatan Kajian Melalui Pangkalan Data Korpus

Lampiran 5

KEPUTUSAN CARIAN KONKORDANS

Carian Kata : biru

- 1) ... apabila dipadankan dengan warna lembut kertas dinding gabungan biru

muda berjalur putih. | ANJUNG SERI DISEMBER 1997

- 2) Pilihan *meliputi biru pekat*, hijau tua dan merah tanah.

ANJUNG SERI JULAI 1997

- 3) Ruang studio ini menyerlahkan warna tema *biru kehijauan*.

ANJUNG SERI JULAI 1997

- 4) Di sini, permukaan meja dialaskan dengan fabrik kapas *biru polos*,

selaras warna dinding biru putih. | ANJUNG SERI JANUARI 1996

- 5) Kusyen dibaluti kain berbunga penuh adunan warna *biru laut*, biru tua dan

kuning. | ANJUNG SERI MAC 1994

Lampiran 6

Carian Kata : coklat

- 1) Jubin *coklat muda* menguasai warna menguasai warna kemasan itu dan ...

| ANJUNG SERI MAC 1997

2) ... C61 (Betawi berbuah sederhana besar, bulat, kulit warna *coklat merah*, isi manis dan berpasir); C62 (Jantung berbuah ... |

3) ... utama mengutarakan tema lembut kusam menerusi pemilihan warna *coklat pekat* langsir berbunga dan gebar penyelesa, sepadan warna ...

| ANJUNG SERI DISEMBER 1955

4) Kerusi tembaga beralaskan kusyen baldu *coklat lembut* menghiasi ruang tamu utama. | ANJUNG SERI NOVEMBER 1993

5) Gambar Besar: Kabinet *coklat gelap* menjadi pilihan Noriah di dapur kering.

| ANJUNG SERI OKTOBER 1993

Lampiran 7

Carian Kata : hijau

1) ... kini serta akan datang, apatah lagi hutan malar *hijau tropika* negara memainkan fungsi penting dalam pembangunan sosio-ekonomi ...

| ANJUNG SERI DISEMBER 1997

2) ... nada warna hijau boleh diguna, antaranya hijau tua, *hijau pucuk pisang* dan hijau muda. | ANJUNG SERI JULAI 1997

3) ... kini serta akan datang, apatah lagi hutan malar *hijau tropika* negara memainkan fungsi penting dalam pembangunan sosio-ekonomi ...

| ANJUNG SERI DISEMBER 1997

4) Kemasan dinding warna *hijau cair* dicat sendiri.

| ANJUNG SERI MAC 1997

- 5) ... Kiri: Ruang makan menempatkan meja marmar bulat berwarna *hijau tua*, dipadankan dengan kerusi rotan.

| ANJUNG SERI JANUARI 1994

Lampiran 8

Carian Kata : kuning

- 1) Kombinasi rencana bertajuk Taman Nusantara dan *Kuning Bunga Matahari* dalam Anjung Seri keluaran Disember di ...

| ANJUNG SERI FEBRUARI 1998

- 2) ... kabinet siap dipasang berkemasan oak, selaras warna dinding *kuning lembut*.

| ANJUNG SERI FEBRUARI 1998

- 3) DUA warna pilihan biru laut dan *kuning gelap* yang mengetengahkan corak bunga setompok.

| ANJUNG SERI DISEMBER 1997

- 4) ... pelapik fabrik daripada benang kapas tebal menyerlahkan warna *kuning polos* dengan garis kaki merah jambu.

| ANJUNG SERI DISEMBER 1995

- 5) Bunganya pelbagai warna seperti merah dan *kuning limau*.

| ANJUNG SERI JANUARI 1994

Lampiran 9

Carian Kata : merah

- 1) ... dengan perabot kayu manakala ruang makan menerapkan warna *merah samar* dan ruang dapur serta bilik tidur utama ...

| ANJUNG SERI FEBRUARI 1998

- 2) Jadi, pemilihan *merah pulasan* sebagai warna utama menyebabkan kami memilih warna ... | ANJUNG SERI JULAI 1997

- 3) Set takungan mandi *merah hati* daripada kaca gentian jenama Wilton, menghiasi bilik ... | ANJUNG SERI MAC 1994

- 4) Jubin seramik *merah bata* pula menjadi pilihan di ruang dapur.

| ANJUNG SERI MAC 1994

- 5) Gambar atas: Sepasang kerusi bercorak dipadankan dengan langsin *merah hati*.

| ANJUNG SERI NOVEMBER 1993

Lampiran 10

Carian Kata : putih

- 1)yang diguna adalah jenis bermutu tinggi, iaitu warna *putih gading* dan ditulis menggunakan khat kufi warna hitam ...

| ANJUNG SERI DISEMBER 1997

- 2) ... renda yang lebih kecil sebelum dilapisi pelapik *fabrik putih polos* segi empat, kedua-duanya daripada benang kapas. | ANJUNG SERI FEBRUARI 1996

3) Corak dam *putih hitam* sesuai pada kaunter penyambut tetamu.

| ANJUNG SERI MAC 1994

Lampiran 11

Carian Kata : ungu

- 1) ... barisan daun salal, seterusnya cucuk pula keratan rumput *ungu gelap* untuk melebatkan gubahan.

| ANJUNG SERI FEBRUARI 1998

- 2) ... bumbung, khususnya yang sentiasa terdedah kepada pancaran ultra *ungu matahari*.

| ANJUNG SERI DISEMBER 1995

Bahagian C – Sampel Bahan Kajian

Lampiran 12

Lampiran 13

University Of Malaya

University Of Malaya